

"SEJAJAR dengan hasrat untuk menarik lebih banyak pelaburan, kerajaan juga telah meluluskan pindaan ke atas Akta Lembaga Kemajuan Ekonomi yang bertujuan untuk meluaskan skop bidang tugas ke arah memajukan tapak-tapak perindustrian mempromosi pelaburan, memajukan perusahaan melalui ekuiti, menyelaraskan dan memudahkan penubuhan perusahaan." - Titah sempena Hari Keputeraan baginda ke-55 tahun pada 15 Julai 2001.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"DAN berikantilah kepada kerabat-kerabatmu dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau-lampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhanmu." - Surah Al-Israa' ayat 26 dan 27.

TAHUN 49 BILANGAN 23

RABU 9 JUN 2004/1425 ربيع الأخير 20

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

5 dianugerah lot tanah, 264 terima anak kunci rumah

BERAKAS, 5 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan menyempurnakan penganugerahan lot-lot tanah di bawah Rancangan Perumahan Negara Kampung Lambak Kanan dan anak-anak kunci rumah di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Rimba, Kampung Tungku dan Kampung Mata-Mata yang diadakan di Sekolah Rendah Delima Satu.

Keberangkatan tiba baginda di sekolah berkenaan dijunjung oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad; Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Adnan bin Haji Hanafiah serta para pegawai kanan kerajaan yang lain.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai diketuai oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Brunei dan Muara diikuti sembah alu-aluan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Setelah itu baginda dijunjung menyempurnakan penganugerahan lot tanah dan anak-anak kunci rumah kepada 269 orang penerima.

Oleh Abd. Karim HAB

Para penerima terdiri daripada lima orang penerima lot tanah di Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan, tiga orang penerima Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Rimba, 64 penerima Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Tungku (Katok 'A'), 14 penerima rumah kembar Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Rimba, 147 penerima rumah kembar Skim Penempatan Semula di Kampung Rimba, 19 penerima Skim Penempatan Semula di Kampung Tungku dan 17 penerima Skim Penempatan Semula di Kampung Mata-Mata.

Sejurus sempurna penganugerahan, doa selamat dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Brunei dan Muara.

Baginda kemudian dijunjung berangkat melawat ke beberapa buah bilik darjah, Bilik Komputer, Pusat Pembelajaran dan Pusat Sumber di Sekolah Rendah Delima Satu. Semasa keberangkatan itu, baginda memberi perhatian berat terhadap perkembangan dan pencapaian murid-murid serta kemudahan pembelajaran yang disediakan untuk mereka.

Baginda juga berkenan menanam sepon pokok delima di kawasan sekolah berkenaan. Sejurus sebelum berangkat meneruskan lawatan ke Sekolah Rendah IQRA, baginda berkenan bergambar ramai bersama Guru Besar dan guru-guru Sekolah Rendah Delima Satu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengurniakan anak kunci rumah kepada Awang Haji Daim bin Haji Duraman, penerima Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati.

Kempen 30 Hari Tanpa Rokok

BANDAR SERI BEGAWAN, 31 Mei. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar berkata bahawa Negara Brunei Darussalam akan mengadakan Kempen Kesedaran Bahaya Rokok dan Merokok dan '30 Hari Tanpa Rokok' bersempena Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2004.

Pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam telah memilih tema bagi kempen tersebut, 'Tanpa Rokok : Badan Sihat. Jimat Belanja'.

Yang Berhormat berkata, matlamat kempen ini ialah untuk mempertingkatkan dan mengukuhkan tindakan bersepadu agensi-agensi kerajaan dalam usaha membanteras peng-

gunaan tembakau, rokok dan merokok. Ianya juga bagi mempertingkatkan kesedaran di kalangan orang ramai mengenai bahaya rokok dan merokok, langkah-langkah untuk berhenti merokok, menghindarkan diri dari mula merokok dan kesan rokok dan merokok terhadap perokok pasif.

"Dengan adanya usaha ini, insya-Allah, kita akan dapat mencapai matlamat ke arah 'Negara Bebas Tembakau'," kata Yang Berhormat dalam siaran akhbar yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan sempena Hari Tanpa Tembakau Sedunia hari ini.

Hari Tanpa Tembakau Sedunia disambut setiap tahun pada 31 Mei dengan tema yang berlainan. Pada

tahun ini, tema yang dipilih oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia ialah 'Tembakau dan Kemiskinan' (Tobacco and Poverty). Tema ini dipilih memandangkan bahawa selain daripada menjadi faktor risiko keempat utama bagi penyakit-penyakit di dunia, tembakau juga membebaskan kos yang tinggi dari segi ekonomi. Di antaranya ialah kos rawatan yang tinggi bagi penyakit-penyakit yang disebabkan oleh tembakau. Pesakit-pesakit juga perlu menjalani rawatan bagi penyakit-penyakit tersebut, yang mana ianya menjejaskan pekerjaan mereka dan mungkin pendapatan keluarga. Ianya juga mengurangkan produktiviti pekerjaan dan menjejaskan ekonomi negara.

Lihat muka 16

Para penerima setinggi-tinggi menjunjung kasih

BERAKAS, 5 Jun. - Para penerima lot tanah dan anak kunci Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Rimba, Kampung Tungku Katok 'A' dan Kampung Mata-Mata serta Skim Penempatan Semula Kampung Ayer di Kampung Rimba, Kampung Tungku dan Kampung Mata-Mata

menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas penganugerahan ini.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Adnan bin Haji Hanafiah

menyembahkan demikian bagi pihak penerima dalam sembah alu-aluan beliau di majlis penganugerahan berkenaan yang diadakan hari ini di Sekolah Rendah Delima Satu.

Menurut beliau lagi, penganugerahan itu sangat bermakna kepada para penerima dan merupakan satu pernyataan jelas baha-

wa kerajaan baginda sentiasa prihatin dan terus berusaha bagi memberikan kesejahteraan dan kesejahteraan hidup kepada rakyat dan penduduk negara ini dalam perkara-perkara berkaitan dengan kemudahan dan keperluan perumahan.

Kepada para penerima, beliau mengambil kesempatan mengucapkan tah-

niah kepada terpilih untuk mendapatkan rumah dan tanah dalam rancangan-rancangan berkenaan dalam suatu perkampungan yang indah, teratur dan serba lengkap dengan pelbagai kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air, perkhidmatan elektrik dan telefon.

Sehubungan itu, beliau

berharap, para penerima akan terus mencurahkan taat setia yang tidak berbeza bahagi ke hadapan majlis baginda dan terus mendukung dan menyokong kepimpinan kebijaksanaan baginda untuk terus menerajui dan membawa negara ini ke arah pencapaian kemajuan yang lebih cemerlang dan lebih menyerlah.

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :
Lakukan perancangan untuk masa depan negara
- Muka 2

Menangani Isu Sosial
- Muka 7

Berangkat ke Majlis Ulang Tahun ABDB Ke-43
- Muka 8 & 9

Brunei tubuh CERT banteras siber
- Muka 10

Merokok masalah serius dan membimbangkan
- Muka 3 ANEKA

RBA umumkan bayaran tambahan
- Muka 7 ANEKA

OMEGA 3000 kurangkan pencemaran alam sekitar
- Muka 8 ANEKA

IDBB akan perkenal Anugerah Usahawan SME
- Muka 11 ANEKA

TAHUKAH AWDA

BRUNEI Shell Tankers (BST) adalah sebuah syarikat usaha sama yang terdiri daripada Perbadanan Perdana Menteri (50 peratus), Gabungan Shell (25 peratus) dan Perbadanan Mitsubishi (25 peratus). BST memiliki tujuh buah kapal khas (Bebatik, Belais, Bilis, Bekalang, Bekulan, Bubuk dan Belanak) yang disewakan kepada Brunei LNG. Aktiviti utamanya ialah pengangkutan gas cecair asli ke destinasi pembeli yang khusus di Jepun dan destinasi yang lain. - Sumber : Salam, Keluaran April 2004, Brunei Shell : Jabatan Hal Ehwal Luar, (2004:12) & www.Shell.com.bn/media-information-kit/bst.htm.



دَعْنِ نَامَ اللَّهِ بِغَمِّهَا
ثَمُورَهُ دَانَ مَهَا فَبَايَغْ

Dari Sidang Pengarang

9 JUN 2004 BERSAMAAN 1425 ربيع الآخر 20

KE ARAH NEGARA BEBAS TEMBAKAU

NEGARA Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan telah melancarkan Kempen Kesedaran Bahaya Rokok dan Merokok dan 30 Hari Tanpa Rokok pada 7 Jun lalu bersempena Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2004 dengan tema 'Tanpa Rokok: Badan Sihat, Jimat Belanja'. Kempen ini adalah usaha berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menangani masalah merokok di negara ini. Usaha murni kerajaan adalah sebagai menyahut seruan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang mengisytiharkan setiap 31 Mei sebagai Hari Tanpa Tembakau Sedunia yang diadakan di seluruh dunia.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar dalam perutusannya sempena hari tersebut menjelaskan bahawa matlamat kempen ialah untuk meningkatkan dan mengukuhkan tindakan bersepadu agensi-agensi kerajaan dalam usaha membanteras penggunaan tembakau, rokok dan merokok di Negara Brunei Darussalam. Ianya juga bagi mempertingkatkan kesedaran di kalangan orang ramai mengenai bahaya rokok dan merokok; langkah-langkah untuk berhenti merokok; menghindarkan diri dari mula merokok dan kesan rokok dan merokok terhadap perokok pasif.

Menurut WHO, merokok merupakan pembunuh nombor satu golongan muda di seluruh dunia dan telah meragut 4.2 juta orang pada tahun 2001. Bilangan ini dijangka akan meningkat sehingga 10 juta orang setahun dalam tempoh 28 tahun akan datang. Begitulah kesannya akibat daripada rokok yang telah membunuh berjuta-juta orang di seluruh dunia. Dalam perangkaan terbaru WHO, negara-negara sedang membangun akan menanggung beban yang disebabkan oleh 'wabak tembakau'. Hampir 60 peratus dari 5.7 bilion rokok yang digunakan setiap tahun, 75 peratus dari pengguna tembakau yang berjumlah 1.15 bilion adalah dari negara-negara sedang membangun.

Kesan tembakau sebagai penyebab kematian dan penyakit memang telah terbukti. Namun, WHO berpendapat dalam era masa kini, kesan tembakau telah membawa meningkatnya kadar kemiskinan. Membebankan kos yang tinggi dari segi ekonomi. Antaranya ialah kos rawatan yang tinggi bagi penyakit-penyakit yang disebabkan oleh tembakau. Menjejaskan pekerjaan individu yang menghidap penyakit akibat tembakau dan yang malang lagi menjejaskan ekonomi negara. Memandangkan semua risiko itu, pertubuhan tersebut telah memilih tema pada tahun 2004 iaitu 'Tembaku dan Kemiskinan'.

Bagi negara kita, kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang bersesuaian bagi mengelakkan orang ramai dari perbuatan merokok. Antaranya ialah larangan kemasukan rokok ke Negara Brunei Darussalam tanpa amaran kesihatan yang diperuntukkan di dalam Akta Kastam 1991; larangan merokok di semua bangunan kerajaan bermula 1 September 1994; kenaikan pengenalan cukai ke atas tembakau kepada 200 peratus bermula pada 1 Disember 1994; larangan merokok di semua pesawat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) semenjak 1 April 1998; tegahan untuk merokok di semua sekolah bermula pada 1 Januari 2002; pelancaran Kempen Kesihatan Anti Rokok sejak tahun 1988 dan meraihan sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia setiap tahun pada 31 Mei. Selain itu usaha mengadakan kempen, forum, ceramah, poster dan risalah terus giat dilaksanakan bagi memberikan kesedaran sivik kepada masyarakat terhadap bahaya rokok.

Namun, tabiat merokok di negara ini terus meningkat. Merokok juga antara penyebab utama kematian di Negara Brunei Darussalam. Sehubungan dengan itu, semua pihak dan individu mustahak memainkan peranan dalam mengatasi fenomena ini yang menjejaskan kesihatan awam dan merugikan dari segi ekonomi negara. Sememangnya perkara ini bukan mudah untuk kita membanterasnya apatah lagi untuk menghapuskannya seratus peratus. Tetapi dengan setiap masyarakat menggembleng tenaga terutama sekali ibu bapa sekurang-kurangnya kita dapat menyelamatkan generasi muda dari terjebak kepada gejala rokok, kerana tenaga muda mereka amatlah diperlukan dalam kesinambungan pembangunan dan kemajuan negara di masa akan datang.

Ternyata perbuatan merokok merupakan satu masalah yang serius dan membimbangkan di negara ini. Jelas sekali penggunaan tembakau bukan saja menjejaskan kesihatan tetapi juga dari segi kewangan, ekonomi, sosial, beban penyakit dan sebagainya terhadap individu dan negara. Oleh itu, kerajaan terus mengambil langkah yang perlu dan berterusan dalam menangani isu berkenaan. Kempen yang diadakan dalam sebulan ini dijangka akan dapat mencapai matlamat ke arah 'Negara Bebas Tembakau'. Apa yang diharapkan semua pihak mengambil langkah yang wajar bagi membanteras meluasnya gejala merokok dan menguatkan azam dan usaha ke arah membendungnya. Marilah kita bersama-sama menjayakan kempen ini.

HALUAN...



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-43 pada 11 Rabiulakhir 1425/31 Mei 2004.

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir
Rahim

ALHAMDULIL-
LAHI Rabbil
'Alameen, Wabi-
hee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu
'Ala Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammadin,
Wa'alaa Aalihiee Wasah-
bihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, beta bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan beta bersama-sama meraikan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-43 Tahun pada pagi ini. Angkatan Bersenjata Diraja Brunei berdiri dengan semangat patriotisme, selaku benteng pertahanan negara untuk memelihara kedaulatan ugama, raja, bangsa dan negara.

Pada kebelakangan ini, beta telah berpeluang mengadakan beberapa lawatan ke Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Dalam pemerhatian beta banyak kemajuan yang dicapai oleh unit-unit Angkatan Ber-

senjata Diraja Brunei. Namun perkembangan tidaklah boleh berhenti setakat yang ada. Kita mesti mencipta perubahan, sejajar dengan tuntutan-tuntutan masa. Mungkin 10 tahun yang lalu, tidak siapa yang cenderung untuk meramalkan bahawa pergolakan dan penularan isu-isu keselamatan akan terjadi. Namun sekarang ia adalah benar-benar berlaku. Sebab itu-lah, jangan tunggu dan jangan duduk diam dari melakukan sebarang perancangan untuk masa depan, supaya negara tidak mendapati dirinya kecewa tanpa persiapan.

Alhamdulillah, dalam sedikit masa lagi, Kementerian Pertahanan akan mengeluarkan Kertas Dasar Pertahanan atau 'Defence White Paper' dan serentak dengan itu juga akan melancarkan Perancangan Strategik Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Langkah ini amatlah penting untuk menuju ke arah pengurusan pertahanan yang lebih fokus dan profesional. Kerana adalah perancangan dan 'decision making' itu bukanlah boleh dibuat secara rambang dan mendadak, akan tetapi me-

Lakukan perancangan untuk masa depan negara

merlukan metodologi dan pendekatan yang kemas.

Kertas Dasar Pertahanan bukan sahaja menyumbang untuk 'membina keyakinan' di rantau ini, malah juga untuk menyatukan kegiatan-kegiatan pertahanan yang akan turut dilaksanakan oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain.

Demikian pula Perancangan Strategik Kementerian Pertahanan adalah merupakan alat pengurusan untuk merancang perkembangan dan pembangunan angkatan-angkatan tentera kita secara bersepadu.

Kedua-dua usaha ini diharapkan akan dapat menangani segala isu yang lebih spesifik di dalam Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Walau bagaimanapun, kita jangan lupa bahawa perkembangan fizikal mesitlah seimbang dengan perkembangan rohani atau spiritual. Kejayaan hanyalah boleh dicapai dengan adanya dua kekuatan yang seimbang, fizikal dan spiritual.

Beta gembira apabila mengetahui bahawa kadar

penyalahgunaan dadah di kalangan anggota tentera telah menurun secara signifikan dalam dua tahun kebelakangan ini. Ini adalah menandakan terdapatnya perubahan dalaman yang membanggakan di samping dasar-dasar ketat serta tegas yang telah dilaksanakannya oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Peningkatan kesedaran rohani sedang berlaku dengan pesatnya di kalangan anggota. Oleh itu kepada pucuk pimpinan, beta berharap, supaya ia terus dipupuk dan dipelihara sehingga lebih subur dan berkekalan.

Menyebut mengenai kesedaran rohani ini, sudah tiba masanya untuk Angkatan Bersenjata Diraja Brunei menubuhkan sebuah unit atau cawangan bagi merealisasikan satu corak kepimpinan yang berorientasikan Islam, ugama yang diredai Allah. Dengan cara ini, insyallah kita akan dapat memperoleh lebih keberkatan serta kekuatan.

Anggota dan kakitangan adalah aset utama bagi Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Anggota yang beriman, terlatih serta mempunyai

motivasi tinggi adalah asas kepada pencapaian kejayaan. Oleh yang demikian, kita hendaklah menyediakan peruntukan dan kaedah yang lengkap bagi perkembangan anggota dan kakitangan. Selain daripada itu, motivasi dan keimanan mereka juga hendaklah dipelihara serta dipastikan sentiasa berko-bar. Ini adalah satu tanggungjawab utama bagi pemerintahan atau 'command'.

Akhir sekali, beta ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-43 kepada seluruh anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang masih berkhidmat dan telah bersara, keluarga mereka dan malah semua kakitangan yang turut menyumbang kepada pertahanan negara selama ini. Beta berdoa semoga pengorbanan suci dari semua pihak itu akan membawa Negara Brunei Darussalam terus menikmati suasana aman makmur yang berkekalan. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Brunei jalin hubungan diplomatik dengan Tajikistan, Eriteria

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Jun. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menjalin hubungan diplomatik dengan Kerajaan Republik Tajikistan bermula 2 Jun yang lalu.

Kementerian Hal Ehwal

Luar Negeri dalam siaran akhbar hari ini menjelaskan bahawa Majlis Menandatangani Kenyataan Bersama perjalanan hubungan diplomatik itu telah diadakan di Pejabat Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Tuan Yang Terutama Haji Shofry bin Haji Abdul Ghafor, Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke PBB di New York. Sementara itu, Kerajaan Republik Tajikistan diwakili oleh Tuan Yang

Terutama Rashid Alimov, Wakil Tetap Republik Tajikistan ke PBB.

Sementara itu pada 13 Mei yang lalu, kerajaan juga telah menjalin hubungan diplomatik dengan Kerajaan Eriteria. Kenyataan Bersama perjanjian hubungan berkenaan telah ditandatangani di Pejabat Perwakilan Tetap Negara

Brunei Darussalam ke PBB di New York.

Menandatangani bagi pihak kerajaan ialah Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke PBB, Tuan Yang Terutama Haji Shofry bin Haji Abdul Ghafor. Sementara Kerajaan Eriteria diwakili oleh Tuan Yang Terutama Ahmed Tahir Baduri, Wakil Tetap Eriteria ke PBB.

Brunei - Sweden akan terus bekerjasama

BERAKAS, 6 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Carl XVI Gustaf, Raja Sweden dan kepada Tuan Yang Terutama Goran Persson, Perdana Menteri Sweden bersempena Ulang Tahun Hari

Kebangsaan Negara Sweden.

Dalam perutusan itu baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat di antara Negara Brunei Darussalam dan Negara Sweden. Baginda percaya kedua-dua negara akan terus bekerjasama bagi meningkatkan hubungan ekonomi melalui hubungan dua hala mahupun melalui Masyarakat Asia-Eropah (ASEM) demi

kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat.

Seterusnya dalam perutusan itu baginda berharap semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Raja Carl XVI Gustaf sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Negara Sweden akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Goran Persson, Perdana Menteri

Sweden, Baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan Kerajaan serta rakyat Negara Sweden sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Sweden.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat sentiasa terjalin sejak yang sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Negara Sweden. Baginda

seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya Baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama Goran Persson, Perdana Menteri Negara Sweden dan rakyat Sweden akan sentiasa menikmati kemakmuran dan sejahtera.

BICARA IT

PROJEK PMONet BERNILAI B\$23.5 JUTA

PROJEK PMONet bernilai B\$23.5 juta merupakan projek utama kedua dalam inisiatif program e-kerajaan selepas Projek Treasury Accounting Financial Information System (TAFIS).

PMONet akan menghubungkan semua agensi kerajaan dengan menggunakan pusat pengurusan kemudahan gunasama bagi menyatukan agensi-agensi kerajaan bertujuan memberikan perkhidmatan efisien dan berkesan kepada negara.

Pusat Maklumat yang merupakan salah satu komponen utama PMONet akan memainkan peranan penting dalam usaha Jabatan Perdana Menteri untuk membentuk infrastruktur penyaluran maklumat dan perkhidmatan yang berkesan secara elektronik kepada jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Ia juga berfungsi sebagai laluan utama ke Internet bagi Jabatan Perdana Menteri dengan mengongsikan ciri-ciri keselamatan dalam mencegah apa saja bentuk serangan dan pencerobohan terhadap rangkaianannya.

Pusat maklumat itu diurus dan dikendalikan oleh pekerja-pekerja teknikal yang mempunyai pengalaman dan kemahiran yang berkaitan bagi memastikan perkhidmatan secara berterusan 24 jam selama tujuh hari.

Perkhidmatan yang akan disediakan di Pusat Maklumat itu ialah Collaborative e-Office (CEO) untuk memudahkan interaksi dan komunikasi antara pegawai-pegawai dan kakitangan melalui kemudahan e-mel; Enterprise Service Portal (ESP) bagi memudahkan para pelanggan dan juga rakyat mendapatkan maklumat dan perkhidmatan dari Jabatan Perdana Menteri termasuk mengendalikan laman web rasmi kerajaan yang sekarang dikendalikan oleh Jabatan Telekom Brunei.

Perkhidmatan lain termasuklah Customer Relationship Management System (CRM) untuk Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi memantau dan mengenal pasti kedudukan sebarang permohonan dan aduan selain untuk mengetahui tindakan-tindakan yang diambil oleh agensi-agensi berkenaan.

Peraksanaan projek ini akan diunkayahkan oleh Syarikat Syabas Technology dan rakan kongsi IBM yang akan bekerjasama dengan Jabatan Perdana Menteri bagi penyediaan, pembahagian, pemasangan, pembangunan percubaan dan penyerahan Pusat Rangkaian Maklumat, Rangkaian Infrastruktur dan Perkhidmatan termasuk Pengendalian serta pengurusan Pusat Rangkaian dan Maklumat bagi Jabatan Perdana Menteri.

Sehubungan itu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (Jabatan Perdana Menteri) dan Syarikat Syabas Technology telah menandatangani Projek PMONet pada 22 Disember 2003.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria selaku Pengerusi Majlis Informasi dan Teknologi Brunei (BIT Council) hadir selaku tetamu kehormat di majlis itu.

Mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menandatangani perjanjian yang berlangsung di Empire Hotel and Country Club itu ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliahkan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair, manakala Syarikat Syabas Technology diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Sheikh Abbas bin Sheikh Mohamad.

Perjanjian juga meliputi program pengurusan perubahan (change management programme), pakej latihan serta peralihan kemahiran dan teknologi kepada Jabatan Perdana Menteri.

Projek itu diharapkan akan menyumbang dan memudahkan usaha-usaha Jabatan Perdana Menteri untuk menjadi sebuah organisasi yang berorientasikan pelanggan.

Kelolaan: Sahari Akim dan Siti Aishah Haji Selamat / Sumber: PELITA BRUNEI.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah menganugerahkan Ijazah Sarjana Sains dan Diploma Lulusan Ijazah Dalam Penjagaan Kesihatan Asasi kepada seorang doktor bertempat di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD). - Gambar oleh Masri Osman.



YANG Teramat Mulia berkenan menyaksikan pameran mengenai Penjagaan Kesihatan Asasi di ruang legar Dewan Canselor UBD. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Majlis Penganugerahan Ijazah dan Diploma Penjagaan Kesihatan Asasi

Oleh
Siti Aishah HS

di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatiha yang diketuai oleh Yang Dimuliahkan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman diikuti sembah alu-aluan Menteri Kesihatan.

Dalam sembah alu-aluan Yang Berhormat menjelaskan sokongan terhadap sistem penjagaan kesihatan komprehensif dan menyeluruh bagi semua penduduk, masih menjadi salah satu keutamaan Kementerian Kesihatan, sementara dalam kajian yang dibuat jelas terbukti bahawa Penjagaan Kesihatan Asasi adalah selamat, lebih efektif dalam mencapai matlamat kesihatan optima dan lebih efisien dalam penyediaan penjagaan kesihatan secara keseluruhan.

Yang Berhormat menambah, dengan menempatkan keutamaan di bidang Penjagaan Kesihatan Asasi dalam Pelan Penjagaan Kesihatan Kebangsaan 10 Tahun, ia ditubuhkan bagi membantu aktiviti-aktiviti secara produktif, efektif dan saksama dalam penyediaan kehidupan masyarakat di negara ini.

Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat menyatakan adalah jelas menjadi hasrat Kementerian Kesihatan sebahagian pelan jangka masa panjang, bagi semua doktor penjagaan asasi di

negara ini, sama ada di sektor swasta dan awam yang secara keseluruhannya terlatih secara vokasional dalam Penjagaan Kesihatan Asasi.

Manakala para doktor yang terlibat dalam Penjagaan Kesihatan Asasi memainkan peranan sebagai orang utama dan pegawai yang menjadi penghubung utama bagi para pesakit. Secara menyeluruh peranan mereka adalah menyediakan pencegahan, pengubatan, peningkatan dan penjagaan pemulihan.

Sehubungan dengan itu, kepentingan latihan penjagaan kesihatan asasi bagi para doktor sangat genting dan tidak boleh diabaikan, bahkan kebanyakan negra pada masa ini mulai menghargai peranan sebenar para doktor penjagaan asasi dalam sistem penjagaan kesihatan.

Sejurus selepas itu, ucapan sembah oleh Profesor Michael Farthing, Pengetua Sekolah Hospital Perubatan St. George's, Universiti London dan sabda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah.

Kemudian diikuti Majlis Penganugerahan Sijil yang disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah kepada dua orang doktor lulusan Ijazah Sarjana Sains dan 11 orang doktor lulusan Diploma Lulusan Ijazah Dalam Penjagaan Kesihatan Asasi di majlis itu.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliahkan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dan sebelum berangkat meninggalkan majlis, Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan pameran di ruang legar dewan berkenaan.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menganugerahkan anak kunci rumah kepada seorang penerima.



BAGINDA menyaksikan aktiviti pembelajaran para pelajar Sekolah Rendah Delima Satu (atas kanan).

BAGINDA semasa berkenan menanam seponok pokok delima di perkarangan Sekolah Rendah Delima Satu (atas).



Kebawah DYMM berangkat lawat institusi kerajaan, sektor swasta

Liputan Abd. Karim HAB,
Bolhassan HAB dan Abu Bakar HAR
Gambar-gambar oleh
Halim HS, Abdullah HAD,
Ramli Tengah dan Masri Osman



BERAKAS, 5 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan berangkat melawat ke beberapa buah institusi kerajaan dan sektor swasta termasuk ke beberapa buah rumah dan rumah kembang yang baru menerima anak-anak kunci di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampong Rimba dan Kampong Tungku (Katok 'A'), Gadong.

Keberangkatan baginda itu sejurus selesainya Majlis Penganugerahan Lot-lot Tanah di bawah Rancangan Perumahan Negara Kampong Lambak Kanan dan Anak-anak Kunci Rumah di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampong Rimba dan Tungku (Katok 'A'), Gadong serta Skim Penempatan Semula di Kampong Rimba, Tungku dan Mata-mata, Gadong yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Delima Satu di sini.

Keberangkatan yang bermula di Sekolah Rendah Delima Satu diikuti ke Sekolah Rendah IQRA di Kampong Manggis jelas menunjukkan keprihatinan baginda dalam menitikberatkan dan mementingkan bidang pendidikan di negara ini.

Lawatan ke dua buah sekolah yang dimiliki oleh kerajaan dan bukan kerajaan ini amat diambil perhatian oleh baginda terutama kemudahan dan keselesaan yang dinikmati oleh pelajar malah baginda sendiri berkenan meninjau secara dekat kemudahan-kemudahan asas yang disediakan oleh pihak sekolah terbahit di samping berinteraksi bersama beberapa orang tenaga pengajar dan pelajar secara dekat di dalam bilik-bilik darjah.

Sesi keberangkatan lawatan baginda itu kemudiannya diteruskan ke Kompleks Delima Jaya, Jalan Muara di mana sejak akhir-akhir ini kawasan

tersebut kian popular bagi penduduk di sekitarnya disebabkan oleh pertumbuhan pembangunan di bidang komersil dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di sana.

Mula-mula yang di lawati oleh baginda ialah Ideal Cafe and Grill dan cawangan keempat Ideal Food Industries Sdn.Bhd. yang terletak di Unit 1 dan 2, Blok A yang dibuka sejak tahun 2000.

Ideal Food Industries Sdn. Bhd. ditubuhkan sejak tahun 1996 dan sehingga kini mempunyai lebih 60 orang pekerja di mana 85 peratus terdiri dari anak-anak tempatan.

Atur cara lawatan baginda yang sepatutnya ke DST Communications Sdn. Bhd. yang terletak di Unit 1, Blok E seterusnya tersasar waktunya seketika apabila dalam perjalanan baginda dikejutkan oleh beberapa buah kedai yang mengusahakan pelbagai barangan termasuk dagangan penyediaan makanan yang diusahakan oleh anak tempatan sendiri.

Lawatan baginda ke DST Communications jelas menunjukkan baginda mengambil berat penyediaan kemudahan awam di negara ini khususnya di bidang perhubungan.

Semasa keberangkatan itu baginda telah berkenan menyaksikan beberapa jenis perkhidmatan telefon yang ditawarkan oleh DST Communications di samping berkenan mencuba uji salah satu perkhidmatan kad telefon yang disediakan.

Cawangan DST Communications yang terletak di Delima Jaya dibuka rasmi pada tahun 2000 dengan keramaian lima orang tenaga kerja di mana empat darinya adalah bagi perkhidmatan kaunter.

Sebelum berangkat meninggalkan Kompleks Delima Jaya baginda telah berkenan melawat ke Cawangan Baiduri Bank

Lihat muka 5

YANG Dipertua Sekolah Rendah IQRA, Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit menyampaikan taklimat mengenai sebahagian bahan yang dipamerkan semasa keberangkatan baginda ke Sekolah Rendah IQRA (atas).

BAGINDA menyaksikan sambil disembahkan taklimat oleh Pengarah Urusan, Awang Jackson Ting mengenai sebahagian peralatan yang digunakan di Syarikat Sunlit Advertising Sdn. Bhd. (kiri).

BAGINDA berkenan beramah mesra bersama ketua keluarga penerima anugerah semasa baginda berkenan berangkat ke kediaman mereka (kanan).





BAGINDA disebarkan taklimat mengenai sebahagian kemudahan yang disediakan di Pusat Pemeriksaan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Jalan Delima Dua (atas). Sementara gambar atas kanan, Pengarah Ideal Food Industries Sdn. Bhd., Awang Haji Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman menyebarkan taklimat ke hadapan majlis baginda mengenai pelbagai jenis barangan yang dijual di Kedai 'Ideal Meat'.



Dari muka 4

Bhd. yang terletak di Unit 1, Blok E.

Cawangan Bank Baiduri Bhd. merupakan cawangan yang kesembilan dan merupakan salah sebuah bank utama di negara ini yang menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan.

Dalam meneruskan lawatan, baginda kemudian berkenan melawat ke Pusat Pemeriksaan Kesihatan di Jalan Delima Dua berdekatan dengan pusat keliling.

Semasa berada di Pusat Pemeriksaan ini baginda telah berkenan meninjau secara dekat kemudahan-kemudahan yang ada di sana, di samping disebarkan penerangan mengenai peranan dan tanggungjawab setiap bahagian di pusat tersebut sambil berkesempatan pula untuk bergambar ramai.

Pusat Pemeriksaan Kesihatan dua tingkat ini didirikan di atas keluasan tanah dua hektar antara lain berperanan untuk memberi perkhidmatan pemeriksaan kesihatan kepada pekerja

asing dengan efisien dan cepat khususnya dalam mencegah dan mengawal kemasukan penyakit-penyakit berjangkit ke negara ini.

Perkhidmatan lain yang ada di pusat ini termasuklah pemeriksaan contoh darah dan sinar-x kepada pekerja asing, manakala di tingkat satu pula dikhususkan bagi perkhidmatan kawalan mutu dan pemeriksaan keselamatan kesihatan makanan, di samping bertanggungjawab membuat pemeriksaan ke tempat-tempat penyediaan makanan.

Sejurus selepas itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berkenan berangkat melawat ke beberapa buah rumah peserta yang menerima anak-anak kunci rumah di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampong Rimba termasuk dua buah rumah jenis kembar di bawah skim yang sama dan beberapa buah rumah peserta yang menerima anak-anak kunci rumah di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampong Tungku (Katok 'A'), Gadong.

Penganugerahan anak-anak kunci dan lot-lot tanah hari itu, merupakan detik

gembira yang sangat dinanti-nanti oleh setiap penerima malah merupakan hadiah paling bermakna khususnya dalam memikirkan tempat berteduh dari hujan dan panas.

Perkara ini jelas tergambar apabila setiap penerima yang ditemui menjunjung kasih di atas anugerah yang mereka terima itu.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke rumah-rumah peserta yang menerima anak-anak kunci rumah pagi itu jelas menunjukkan baginda mengambil berat kemudahan yang disediakan oleh kerajaan baginda khususnya dalam memberikan tempat perlindungan kepada setiap rakyat di negara ini dan perkara ini menjadi salah satu dasar negara.

Sementara Estet Perindustrian Beribi, Gadong yang mengendalikan pelbagai perusahaan telah menjadi destinasi seterusnya dalam atur cara lawatan baginda apabila berkenan berangkat melawat ke Sunlit Advertising Sdn. Bhd. sekalipun dalam keadaan hujan.

Sunlit Advertising Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat yang mengendalikan perusahaan pelbagai perkhidmatan dan pembuatan seperti pembuatan kain rentang, gerbang dan sepanduk.

Selepas itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya berkenan berangkat ke sebuah lagi syarikat yang bersebelahan Sunlit Advertising Sdn. Bhd. iaitu LSL Sdn. Bhd. yang mengendalikan perusahaan seperti bengkel pembuatan tangki air yang tidak mudah karat dan alat perabot yang dibuat dari besi.

Lawatan diakhiri dengan keberangkatan baginda ke Stesen Minyak Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) Berhad dengan meninjau secara dekat kemudahan yang ada di stesen itu termasuk ke kedai syarikat yang menjual bermacam barangan, di samping memerhatikan secara dekat mesin-mesin mengepam minyak.

Keberangkatan baginda ke pusat perindustrian dan ke beberapa buah premis perniagaan sebelum ini membuktikan baginda amat menggalakkan rakyat dan penduduk di negara ini untuk terus berusaha meningkatkan ekonomi negara, di samping dapat membuka peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Sesi lawatan diakhiri dengan Majlis Santap yang berlangsung di Centrepoint, Gadong.



BAGINDA beramah mesra bersama pegawai dan kakitangan Cawangan Bank Baiduri, Kompleks Delima Jaya (kiri). Sementara gambar kanan, baginda berkenan mendengar sembah taklimat daripada Pengiran HMN Ariffin bin Pengiran Omar, Ketua Unit Pelanggan Easi, mengenai peranan dan kemudahan di DST Communications Sdn. Bhd., cawangan Kompleks Delima Jaya.



BAGINDA memerhatikan para pelajar Sekolah Rendah Delima Satu menggunakan komputer dalam pembelajaran mereka (kiri).

BAGINDA menyaksikan lebih dekat kemudahan mesin pengepam minyak di Stesen Minyak Tabung Amanah Islam Brunei Berhad (TAIB) di Beribi sambil mendengar taklimat mengenainya daripada seorang pegawai syarikat itu (kanan).

BAGINDA disebarkan taklimat mengenai perkembangan dan fungsi Stesen Minyak Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) Berhad (bawah kiri).

BAGINDA ketika berkenan melawat Estet Perindustrian Beribi, Gadong salah sebuah kawasan perindustrian yang mengendalikan pelbagai perusahaan (bawah kanan).



IDBB sentiasa memberikan perkhidmatan bermutu tinggi

JERUDONG, 26 Mei. - Tiga isu penting dikenal pasti mengganggu pembangunan dan kemajuan industri kewangan Islam, iaitu cabaran ke atas perkembangan sumber manusia bagi menyokong pertumbuhan yang dijangkakan ke atas industri kewangan Islam, cabaran ke atas produk-produk kompetitif, inovatif dan kemajuan pasaran aktif, di samping cabaran perkembangan rangka perundangan efektif dan suportif dalam industri berkenaan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengarah Urusan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB), Pengiran Datin Paduka Hajah Urai binti Pengiran Ali di Majlis Pelancaran Produk Perbankan Dunia Perdana yang berlangsung di Empire Hotel and Country Club.

Beliau menambah, menyedari hakikat itu, IDBB berusaha menyahut cabaran tersebut dengan sentiasa mengadakan perkhidmatan dan produk-produk bermutu tinggi, kreatif dan inovatif, di samping mematuhi hukum Islam dan diluluskan oleh ahli-ahli Badan Penasihat Syariah Bank IDBB sendiri.

Sehubungan dengan itu, dua lagi produk dirasmikan di majlis itu iaitu Pelaburan Pendapatan Tinggi (HYMI) dan Pelaburan Emas Fizikal yang disempurnakan pelancarannya oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin selaku tetamu kehormat majlis.

Kedua-dua produk berkenaan diwujudkan bagi membolehkan produk IDBB yang sedia ada dan memberi peluang kepada umat Islam di negara ini untuk membuat pilihan yang tepat melalui produk pelaburan yang berbentuk global yang julung kalinya diluluskan oleh Badan Penasihat Syariah Bank Islam di negara ini.

Satu perkara yang unik, jelas beliau, produk pelaburan baru tersebut dan juga produk IDBB yang sebelumnya bukan sahaja dibukakan kepada komuniti Islam di negara ini, bahkan juga kepada mereka yang bukan beragama Islam.

Dana pelaburan yang dilancarkan itu akan disalurkan melalui Unit Perbankan Dunia Perdana yang ditubuhkan bertujuan untuk memberikan perkhidmatan khusus kepada pelanggan yang berkedudukan tinggi atau 'high

Oleh
Siti Aishah HS

net-worth clients', manakala perkataan 'perdana' dipilih bagi perkhidmatan unggul, yang memberi pandangan betapa seriusnya pihak IDBB dalam memberi perkhidmatan yang sepatutnya kepada mereka yang mempunyai 'risk appetite' tertentu.

Antara objektif Perbankan Dunia Perdana diwujudkan adalah untuk memberi kefahaman dan kesedaran mengenai faktor utama perbankan Islam iaitu melarang jenis perniagaan yang berunsurkan

ribak dan profesional termasuk perkhidmatan berupa perkhidmatan penasihat korporat, di samping mengeratkan perhubungan silaturahim di antara pelanggan dengan pihak IDBB bagi tujuan urusan perniagaan yang memberi hasil memuaskan kepada kedua-dua belah pihak.

Hadir sama di majlis itu, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Wangsa Dato Paduka Seri Laila Jasa Haji Awang Ahmad Wally Skinner selaku Pengerusi IDBB; Ahli-ahli Badan Penasihat Syariah IDBB, Ahli-ahli Lembaga Pengarah IDBB dan pegawai-pegawai kanan kerajaan serta para pelanggan IDBB.



NEGARA Brunei Darussalam kini mengadakan Kempen Kesedaran Bahaya Rokok dan Merokok dan 30 Hari Tanpa Rokok Sempena Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2004.

Dalam gambar atas, LENS A PELITA merakamkan mengenai amaran papan tanda berbunyi 'Ditegah Merokok Di Kawasan Sekolah'. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menguatkuasakan tegahan merokok di sekolah-sekolah yang telah bermula pada 1 Januari 2002.

Oleh yang demikian, para ibu bapa dan guru-guru perlu sentiasa bekerjasama bagi sama-sama membanteras gejala merokok di sekolah-sekolah.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain semasa menyempurnakan Pelancaran Produk Perbankan Dunia Perdana berlangsung di Empire Hotel and Country Club.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN URUSAN HAJI, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
(Bahagian Pendaftaran dan Penerbangan)
BAHAGIAN V

Bil	Perkhidmatan	TPOR
1.	- Pemakluman mengenai pembayaran tambang dan bankdraf kepada Syarikat-syarikat Perkhidmatan Pakej Haji - Membukukan senarai penerbangan bakal-bakal jemaah haji mengikut Syarikat-syarikat Perkhidmatan Pakej Haji yang dipilih - Menyerahkan senarai nama penerbangan kepada * Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkiah untuk keperluan sebelum bakal-bakal jemaah haji junjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. * Polis Diraja Brunei, Imigresen dan pihak-pihak yang berkenaan. * Rombongan Bi'thah Haji.	1 minggu setelah penyerahan passport dibuat 1 minggu setelah pembayaran dibuat Sebulan sebelum tarikh ziarah dilangsungkan 2 minggu keberangkatan 3 hari sebelum rombongan berangkat ke Tanah Suci

Pusat Ehsan terus menerima sumbangan

Oleh
Abdullah Asgar

KAMPONG BENGKURONG, 14 Mei. - Pusat Ehsan terus mendapat bantuan dan sumbangan dari orang ramai bagi melengkapkan peralatan di pusat berkenaan yang nantinya boleh digunakan oleh seterusnya bermanfaat untuk kegunaan.

Berikutan itu Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) dan Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam (SVNR) telah menyumbang beberapa alat bantu pemulihan anggota kepada pusat itu.

Antara alat bantu yang diterima ialah Variable Balance Beam, Balance Beam, Stall Bars, Foot Placement Ladder, Children's Coffee Table dan Stair Climber.

Majlis Serah Terima peralatan itu berlangsung di pusat berkenaan dekat sini di mana menerima bagi pihak pusat ialah Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Lembaga

Pemegang Amanah Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini, sementara Pengetua MTSSR, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Haji Bakar mewakili MTSSR dan SVNR disampaikan oleh Gabriel Etam Matali.

Kesemua peralatan itu boleh digunakan oleh ahli-ahli Pusat Ehsan untuk memulihkan anggota yang bermasalah terutama di bahagian kaki seperti memulihkan melangkah, berjalan, mengimbangi badan dan menaiki anak tangga.

Lawatan sambil belajar pelajar Tadika Alif

Oleh
Abu Bakar HAB

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Mei. - Serombongan pelajar Sekolah Rendah dan Tadika Alif Cawangan Kilanas dan Tungku hari ini mengadakan lawatan sambil belajar ke Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Kampong Tamoi.

Rombongan yang diawasi oleh guru-guru sekolah masing-masing di dahului dengan Sembahyang Sunat Tahyatul

masjid seterusnya diikuti taklimat ringkas yang disampaikan oleh imam masjid berkenaan, Awang Haji Mohd. Daud.

Hadir sama di majlis lawatan tersebut ialah Pegawai Hal Ehwal Masjid, Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Abdul Razak.

Semasa lawatan tersebut rombongan yang terdiri seramai 151 orang pelajar

berkesempatan dibawa melawat sekitar masjid berkenaan, termasuk melawat ke berapa ruang kemudahan-kemudahan yang terdapat di sana sebelum menerima kertas lukisan masjid tersebut.

Antara aktiviti berterusan yang diungakayakan oleh masjid berkenaan termasuklah mengadakan kelas-kelas tambahan di samping Kelas Al-Quran dan Mukaddam setiap hari Jumaat serta aktiviti ilmiah yang lain.

DARI beberapa kajian yang telah dibuat, seseorang yang terjebak dalam gejala sosial adalah disebabkan kurangnya pengetahuan agama, selain faktor pengabaian ibu bapa, goyahnya institusi keluarga, di samping pengaruh modenisasi dan persekitaran.

Gejala sosial merupakan isu semasa yang sering menjadi topik perbincangan di semua negara di dunia. Cuma keadaannya sahaja yang berbeza sama ada di peringkat serius atau masih di peringkat belum begitu membimbangkan. Apa pun, gejala sosial mesti dibendung sebelum keadaannya lebih parah.

Negara Brunei Darussalam sebuah negara kecil dengan bilangan penduduk sekitar 350 ribu orang juga tidak terkecuali menghadapi masalah sosial. Meskipun tahap gejala sosial di negara ini masih di peringkat belum begitu serius, tetapi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa prihatin dalam menangani isu tersebut.

Masalah sosial merupakan fenomena dalam kehidupan manusia sejak zaman Nabi Allah Adam lagi. Ia selaras fitrah manusia yang dicipta dengan dilengkapi nafsu selain akal. Jika nafsu telah menguasai akal maka manusia akan melakukan perkara-perkara negatif di luar batas kewarasan. FOKUS kita kali ini akan membicarakan mengenai pelbagai bentuk gejala sosial yang melanda masyarakat, penyebab dan usaha membendungkannya.

GEJALA

Gejala sosial yang berleluasa di zaman primitif terutama di zaman jahiliah tidak menghairankan kita kerana manusia ketika itu belum bertamadun, di samping tidak mempunyai peraturan dan undang-undang. Apa yang menghairankan kita ialah semakin manusia bertamadun dan maju, maka semakin meningkat dan pelbagai pulalah gejala sosial yang dihadapi.

Antara gejala sosial yang melanda masyarakat terutamanya remaja kita hari ini termasuklah penyalahgunaan dadah, minum arak, judi, jenayah, pelacuran, pergaulan dan seks bebas, khawat, sumbang mahram, penderaan, rogol, tidak menghormati ibu bapa, ajaran sesat, samseng dan banyak lagi.

Gejala-gejala tersebut bukan sahaja mencemarkan kesucian agama dan tatasusila bangsa, malah mengugut kestabilan, keharmonian dan kesejahteraan masyarakat. Mereka yang terlibat bukan sahaja menjadi beban kepada keluarga, malah negara terpaksa menanggung kos yang tinggi dalam usaha pambanterasannya, pengawasan termasuk pemulihan dan seumpamanya.

Lebih parah lagi struktur masyarakat menjadi 'bercelaru' dan lemah terutama apabila golongan belia yang diharapkan sebagai aset dan bakal pewaris kepimpinan negara terlibat dalam kegiatan yang tidak bermoral. Jika masyarakat lemah, negara tidak akan berdaya maju atau mampu bersaing meraih kecemerlangan.

PENYEBAB

Individu yang dibesarkan dalam lingkungan keluarga yang kurang menitikberatkan pendidikan agama dan moral sering terjebak ke kancas gejala sosial. Apatah lagi keluarga yang tidak memberikan perhatian dan mengamalkan adat resam, tatasusila dan nilai-nilai murni masyarakat timur.

Terdapat juga sebilangan keluarga ketika ini yang mengamalkan cara kehidupan masyarakat di barat. Jika ramai di kalangan masyarakat kita yang terbawa-bawa dengan cara kehidupan sedemikian maka institusi kekeluargaan akan menjadi rapuh dan goyah.

Seperkara lagi ialah pengabaian ibu bapa atau penjaga dalam memberikan perhatian dan kasih sayang

MENANGANI ISU SOSIAL

FOKUS

OLEH SAHARI AKIM

kepada anak-anak disebabkan terlalu sibuk dengan urusan tugas atau kegiatan luar sehingga tidak mempunyai masa yang cukup untuk urusan keluarga.

Anak-anak yang terabai tanpa kasih sayang dan perhatian sempurna akan menghadapi tekanan perasaan. Mereka akan mengambil jalan mudah dengan bergaul dan berpelesenan dengan rakan-rakan yang menghadapi masalah serupa. Mereka akhirnya akan terjerumus kepada perkara-perkara negatif.

Keretakan rumah tangga, sering berlaku perbalahan dan perselisihan antara ibu bapa juga mengakibatkan anak-anak terasa tertekan, memendam rasa dan tidak selesa duduk di rumah. Mereka akan keluar mencari hiburan dan ketenangan yang menjurus kepada pergaulan bebas. Dari sanalah berpuncunya segala masalah yang disebutkan.

Era moden dan persekitaran juga banyak menyumbang kepada terjadinya gejala-gejala negatif. Media elektronik dan media cetak seperti televisyen, majalah-majalah termasuk internet yang begitu mudah diakses pada masa ini banyak mempengaruhi perlakuan individu terutama remaja.

MENDIDIK

Kata orang, 'kalau hendak melentur buluh biarlah dari rebungnya'. Kalau hendak membina insan biarlah sejak ia masih kecil, kerana anak kecil itu dilahirkan suci 'umpama kain yang putih'. Ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi. Sememangnya anak-anak damit mudah dibentuk dan akan mengikut suasana dalam keluarga dan persekitarannya.

Anak-anak adalah amanah Allah Subhanahu Wataala yang perlu diberikan perhatian dan dijaga dengan sebaiknya agar mereka menjadi insan kamil, sempurna, berguna kepada keluarga, masyarakat, agama, bangsa dan negara.

Pertalian dan hubungan antara anak dan ibu bapa bukan setakat semasa masih hidup di dunia malah sehinggalah ke akhirat, sesuai dengan hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Abu Daud, Muslim dan Ahmad bermaksud:

"Apabila anak Adam meninggal dunia,

maka putuslah semua amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariahnya, ilmu yang dapat memberikan manfaat dan anak yang salih yang mendoakan dia."

Ke arah itu kita hendaklah melaksanakan tanggungjawab sewajarnya dengan berusaha mewujudkan keluarga bahagia dan harmoni dengan menekankan ciri-ciri positif dalam mengasuh anak-anak. Ada baiknya kita berkongsi beberapa 'tips' dalam mendidik dan menjaga anak-anak.

Antaranya termasuklah memberikan didikan agama dan penghayatan yang secukupnya, penjagaan dan pengawasan yang sempurna, pendidikan rohani dan jasmani yang sempurna, mewujudkan kehidupan yang berdisiplin, mendengar, memahami dan berkomunikasi secara matang dan berkesan, sentiasa bersedia memberikan bantuan dan bimbingan dalam menyelesaikan masalah mereka, memberikan perhatian sepenuhnya dari segi fizikal, emosi dan mental serta memberikan kasih sayang yang secukupnya.

Selain dari itu kita hendaklah sentiasa memberikan perhatian terhadap tingkah laku mereka, sentiasa berhubung dengan pihak sekolah untuk memantau kemajuan pelajaran dan tingkah laku mereka, sentiasa peka terhadap perasaan mereka, mengenali dan memantau rakan-rakan mereka, tidak terlalu 'bibiran' sehingga menimbulkan kesan negatif, sentiasa menunjukkan minat apabila mereka mengemukakan dan memberikan pandangan, sentiasa bertolak ansur pada perkara-perkara munasabah, mendidik supaya tidak bercakap bohong dan berahsia dengan ibu bapa dan mencegah mereka dari berpakaian menjolok mata dan kurang sopan.

TIPS PEMANTAUAN

Ibu bapa atau penjaga hendaklah sentiasa memantau tingkah laku anak-anak dari masa ke semasa. Tindakan segera hendaklah dibuat jika ibu bapa atau penjaga mendapati anak-anak mengalami ciri-ciri yang mencurigakan.

Antaranya anak-anak selalu ponteng sekolah, selalu keluar rumah dari kebiasaannya, mula keluar rumah dan balik larut malam, kerap lari dari rumah, selalu menerima panggilan telefon, mula menyepi dan menyendiri serta selalu menge-

KERETAKAN rumah tangga, sering berlaku perbalahan dan perselisihan antara ibu bapa juga mengakibatkan anak-anak terasa tertekan, memendam rasa dan tidak selesa duduk di rumah. Mereka akan keluar mencari hiburan dan ketenangan yang menjurus kepada pergaulan bebas. Dari sanalah berpuncunya segala masalah yang disebutkan.

lak untuk berkomunikasi dengan keluarga dan kemajuan sekolahnya mulai merosot.

Selain dari itu mereka juga suka berbohong, menunjukkan ketrampilan yang menurun dari kebiasaan, suka melepak, memiliki barangan mahal atau berjenama di luar kemampuan mereka, mula melawan ibu bapa dan tidak mendengar nasihat, mempunyai ramai kawan-kawan nakal dan tidak berdisiplin, sudah pandai tidak balik ke rumah tanpa memberitahu ibu bapa dan suka bermalam di rumah kawan.

MEMBENDUNG

Apa yang harus ditanamkan dalam diri masyarakat ialah ketahanan diri yang merupakan benteng agar tidak terjerumus kepada unsur-unsur yang tidak sihat. Di sinilah seseorang itu perlu dididik dengan pengetahuan agama yang secukupnya selain disemai dengan akhlak, keimanan, nilai-nilai dan tradisi murni nenek moyang.

Usaha membendung gejala sosial hendaklah dibuat secara bersepadu dengan melibatkan pelbagai pihak baik kerajaan, swasta, badan-badan kebajikan dan bukan kerajaan, ibu bapa, guru-guru, pemimpin-pemimpin masyarakat serta orang ramai umumnya.

Di pihak kerajaan, pelbagai usaha telah dan sedang diunkayahkan untuk menangani masalah sosial dengan melaksanakan beberapa pendekatan seperti menanamkan kesedaran, pambanterasannya, penguatkuasaan undang-undang, ceramah, kempen, kaunseling, poster di samping penerangan melalui media elektronik dan media cetak.

Bebapa tahun lepas, sebuah Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Bagi Menangani Isu-isu Sosial di negara ini telah pun diperkenankan penubuhannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang dianggotai oleh kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, pihak swasta dan pertubuhan-pertubuhan kebajikan.

Usaha bersepadu itu diharapkan akan mendapat kerjasama dan dukungan dari setiap lapisan masyarakat. Setentunya kesepaduan tekad dalam menangani isu-isu sosial di negara ini akan dapat mengurangkan gejala tersebut.

Keprihatinan terhadap gejala tersebut juga dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa bertitah sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-55 pada 15 Julai 2001 yang antara lain menekankan:

"Beralih kepada isu-isu sosial. Dalam sesebuah negara yang sedang pesat membangun seperti negara kita, tidak dapat dielakkan bahawa di samping unsur-unsur positif yang dibawa oleh arus pembangunan, akan tersisip pula unsur-unsur negatif yang mana jika tidak ditangani dengan bijaksana, lambat-laun akan merosakkan sendi-sendi keharmonian masyarakat."

Kita akhiri FOKUS kali ini dengan kunci kata 'amalkan cara hidup sihat'.

Peraduan dan Pameran Foto ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jawatankuasa Komite ASEAN Mengenai Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COCI) akan menganjurkan Peraduan dan Pameran Foto ASEAN yang bertemakan 'Growing With Nature - ASEAN Environmental Challenges'.

Antara lain peraduan ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai poten-

si dan peluang-peluang ASEAN melalui peraduan dan pameran, di samping memperkayakan koleksi gambar ASEAN-COCI.

Peraduan ini dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat kebangsaan dan serantau. Sebanyak 10 keping gambar terbaik akan dipilih untuk dipertandingkan di peringkat serantau yang akan diadakan di Kuala

Lumpur, Malaysia sebelum penghujung tahun 2004.

Jabatan Penerangan selaku Pengerusi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI dengan kerjasama Persatuan Jurufoto Negara Brunei Darussalam akan mengelolakan peraduan ini di peringkat kebangsaan.

Seramai 10 orang pemenang bagi peringkat

kebangsaan akan menerima hadiah sejumlah US\$500 setiap seorang, manakala jurufoto terbaik akan mewakili Negara Brunei Darussalam di peringkat serantau.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Awang Haji Haranadi bin Haji Buntar selaku koordinator peraduan di Jabatan Penerangan melalui talian telefon 2383400.

Pameran Jubli Perak Jabatan Penerangan dibuka semasa cuti sekolah

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dengan ini memaklumkan kepada ibu bapa dan orang ramai khususnya para pelajar institusi pendidikan dan murid-murid sekolah bahawa jabatan tersebut membukakan Pameran Jubli Perak Jabatan Penerangan di sepanjang cuti penggal dua persekolahan yang akan bermula pada 13 hingga 27 Jun ini.

Pameran itu dibuka

bermula pada jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Pelbagai gambar-gambar bersejarah dipamerkan dalam pameran tersebut termasuk pengagihan buku, phamplet dan poster terbitan Jabatan Penerangan yang diberikan secara percuma.

Melalui pameran yang seumpama itu, para pelajar dan murid-murid seko-

lah akan mendapat manfaat dan ilmu pengetahuan sambil mengisi waktu cuti sekolah dengan bijak melalui aktiviti yang berfaedah.

Datanglah beramai-ramai ke Dewan Setia Negara, Jabatan Penerangan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas untuk sama-sama melihat sendiri aspek-aspek kenegaraan, adat-istiadat, hari kebangsaan, hari keputeraan, ASEAN dan lain-lain lagi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama pegawai-pegawai rendah ABDB di Dewan Makan Pusat Latihan ABDB (atas dan bawah).



BAGINDA berkenan memotong kek sempena Sambutan Ulang Tahun ABDB Ke-43 (kiri).

TERIMA PESAMBAH ... Baginda berkenan menerima pesambah yang disambahkan oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi (bawah).



BERANGKAT KE MAJLIS ULANG TAHUN ABDB KE-43

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke Majlis Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-43 di Padang Kawad Penanjong Garison pada 31 Mei lalu.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Keberangkatan baginda dan DPMM dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, YAM Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith; Pemerintah ABDB, YDM Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi dan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran) Kementerian Pertahanan, YDM Pehin Datu Singamanteri Kolonel Dato Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin.

Baginda telah berkenan memeriksa pasukan-pasukan perbarisan yang berjumlah seramai 1,564 orang anggota tentera dan pegawai-pegawai ABDB iaitu Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ATDDDB), Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB), Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB),

Liputan
Dk. Hjh. Saidah PHOA
Gambar-gambar oleh
Abdullah HAD,
Haji Masmaleh HMA
dan Pg. Rafee PDPHM

Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei (ATPBDB) dan Pusat Latihan ABDB serta Pasukan Pancaragam ABDB.

Sejurus selepas itu pasukan-pasukan perbarisan yang membawa Panji-panji Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Panji-panji Pasukan ABDB berjalan lalu di depan pentas diraja dalam gerak perlahan dan cepat, diikuti selepas itu tiga kali daulat untuk baginda serta terbang lalu pesawat pesawat ATUDB.

Baginda selaku Pemerintah Tertinggi ABDB juga berkenan mengurniakan titah.

Dari sana baginda dan DPMM berkenan berangkat bercemar duli dan beramah mesra bersama pegawai-pegawai tidak bertauliah kanan ABDB di Mess Pegawai Waran dan Sarjan.

Baginda dan DPMM juga berkenan bercemar duli beramah mesra bersama pegawai-pegawai tidak bertauliah rendah ABDB di



Dewan Makan Pusat Latihan ABDB dan destinasi lawatan terakhir baginda dan DPMM ialah Mess Pegawai Penanjong Garison.


Semasa berada di sana baginda dan DPMM berkenan beramah mesra bersama pegawai-pegawai ABDB dan baginda berkenan memotong kek sempena 43 tahun ABDB yang bertepatan 'Patriotisme dan Perpaduan Teras Keutuhan Pertahanan Negara'.

Semasa berangkat di majlis-majlis ramah mesra berkenaan baginda dan DPMM berkenan menandatangani buku lawatan, menerima pesambah dan bergambar ramai bersama pegawai-pegawai kanan dan anggota ABDB.

ABDB ditubuhkan pada 31 Mei 1961 yang dikenali sebagai Askar Melayu Brunei. Pada masa itu seramai 60 orang anggota telah terpilih untuk menjalani latihan rekrut di Port Dickson, Negeri Sembilan, Malaya. Mereka telah berjaya menamatkan latihan pada 4 November 1961 dan pada 8 Disember 1962, tiga orang Pegawai Kadet Brunei yang pertama ditauliahkan di Maktab Tentera Persekutuan Tanah Melayu. Mereka ialah Pegawai Kadet Sulaiman bin Awang Damit (sekarang dikenali sebagai Yang Dimuliakan Pehin



BAGINDA ketika berkenan merakamkan gambar bersama anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.



BERBARIS MEGAH ... Pasukan perbarisan pentas diraja.



Ser Mejar
Dato Seri
Awang
(Damit);
Mohamad
Daud
sebagai
Pehin
Dewa
Dato Seri
Awang
Mohd
Pegawai
Datu bin
sekarang
Yang
Pengiran
Mejar
Haji
Pengiran
Pengiran
Imbalan
Melayu
latih-
sana
dan
kemah-
1964.
Tahun
Ke-4
1965,
Maha
Baginda
Ali
Khairi
berkenan
gelaran
Me-
Askar
Brunei

Waddien dalam perbarisan di Perkhemahan Berakas.

Pada akhir tahun 1972 AMDB dibahagikan kepada beberapa unit kecil iaitu Batalion Pertama Unit Angkatan Laut Pertama Cawangan Udara. Melalui unit-unit kecil ini terbentuklah angkatan-angkatan yang ada pada masa ini.

Apabila Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan pada 1 Januari 1984 AMDB ditukar nama kepada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang mana Batalion Pertama dan Batalion Kedua di bawah Markas Angkatan Tentera bersama Tentera Laut, Tentera Udara, Pusat Latihan, Kompeni Askar Wanita dan Unit Bantu.

Dengan kematangan dan perkembangan yang dicapai, pada 17 September 1991 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan titah bagi penyusunan semula struktur ABDB yang dibahagikan kepada lima unit besar iaitu ATDDB, ATLDB, ATUDB, ATPBDB dan Pusat Latihan ABDB.

ABDB berkembang sehingga hari ini dan kini mempunyai keramaian anggota melebihi 5,000 orang.




BAGINDA ketika berkenan berangkat ke Majlis Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-43 di Padang Kawad Penanjong Garison. Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (atas).



BAGINDA dan DPMM ketika berkenan menandatangani buku lawatan (kanan dan bawah kanan).



BAGINDA dan DPMM berkenan bergambar ramai bersama pegawai-pegawai tidak bertauliah kanan ABDB di Mess Pegawai Waran dan Sarjan.



MEMERIKSA PERBARISAN ... Baginda menaiki kenderaan bagi memeriksa pasukan perbarisan terdiri dari 1,564 anggota ABDB.



BAGINDA dan DPMM ketika berkenan menerima tabik hormat.



Kawad Panji-panji Kebawah DYMM, Panji-panji ABDB berjalan lalu di depan

Brunei tubuh CERT banteras siber

BERAKAS, 19 Mei. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria berkata, Negara Brunei Darussalam tidak lama lagi akan mewujudkan satu Pasukan Respon Kecemasan Komputer Kebangsaan atau National Computer Emergency Response Team (CERT) bermula tahun 2005.

"Pihak Berkuasa Bagi Infokomunikasi Industri Teknologi Brunei Darussalam, AiTi sekarang buat sementara mengetahui kerja penyediaan bagi pewujudan CERT-Brunei," jelas Yang Berhormat semasa membuka rasmi Seminar Bell Labs LWS 2004 di Pusat Persidangan Antara-bangsa di sini.

Seminar bertemakan Menempatkan Inovasi Pada Kerja atau Putting Innovation To Work adalah anjuran Lucent Technologies.

Yang Berhormat berkata, pewujudan CERT-Brunei juga akan mengandungi kemajuan sistem bagi standard prosedur operasi atau standard operating procedures, SOPs dan dasar-dasar keselamatan siber yang sejajar dengan komitmen kita dalam ASEAN bagi membangun satu rangka kerja biasa ke arah perkongsian bersama ancaman

Oleh
Abdullah Asgar

an keselamatan siber dan penilaian, ketahanan maklumat di kalangan CERTS Kebangsaan di ASEAN.

Yang Berhormat menambah, kerajaan telah pun memulakan program e-kerajaan di mana ia



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria.

adalah sangat penting kepada masyarakat, e-kerajaan boleh mengubah cara kita bekerja, berinteraksi dan berhubungan dengan kerajaan, malah dengan masyarakat.

Yang Berhormat menjelaskan aspek yang penting dalam e-kerajaan sama dengan e-perdagangan, e-perbankan dan di semua sektor perkhidmatan e-jarak ialah keselamatan komputer di sekeliling telah banyak memberikan perhatian

dan telah menjadi kebimbangan yang kritikal di kalangan perniagaan.

"Dilaporkan tahun lalu saja telah menyaksikan sejumlah US\$14 bilion dalam kerosakan yang disebabkan oleh virus dan kegiatan hacker," kata Menteri Perhubungan.

Menurut Yang Berhormat, ketika online kita didedahkan kepada dunia dan ancamannya, internet spam, virus, worms dan yang lain.

"Ancaman tumbuh dan bertambah pada setiap hari, oleh itu adalah sangat imperatif yang rangkaian kerja kita itu selamat dan boleh disimpan aman," kata Yang Berhormat.

Sehubungan dengan hal ini, Yang Berhormat berkata, kerajaan dengan kerjasama sektor swasta patut menghalang dan bertindak balas yang berterusan dalam hal seperti antara lain memikirkan perundangan yang membolehkan bagi penyiasatan dan pendakwaan kerana salah guna.

Seminar sehari itu dianjurkan oleh Lucent Technologies dengan kerjasama Jabatan Telekom Brunei (JTB) sebagai usaha membantu negara dalam menjadikannya sebagai salah satu pusat dalam pembaharuan teknologi yang lebih selamat.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz ketika menghadiri Majlis Doa Kesyukuran bagi pelajar-pelajar ITB. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Majlis Doa Kesyukuran pelajar ITB

JERUDONG, 20 Mei. - Institut Teknologi Brunei (ITB) telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran bagi merayakan 123 pelajar pengambil ke-17 yang lulus dalam Diploma Tinggi Kebangsaan (HND) di institut berkenaan yang berjaya dalam pelajaran mereka yang berlangsung di Royal Berkshire Jerudong Park and Country Club di sini.

Oleh
Aliddin HM

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz yang juga menyampaikan hadiah kepada para pelajar yang cemerlang dalam pel-

bagai bidang akademik yang mereka cemerlang.

Hadiah-hadiah adalah sumbangan daripada 12 buah pertubuhan perdagangan termasuk profesional dan institut pendidikan swasta di negara ini.

Juga hadir di majlis itu ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Dimulakan Pehin Orang Kaya

Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi dan Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Pemangku Pengarah ITB serta para pegawai kanan kerajaan.

Majlis diserikan dengan dikir oleh para pelajar ITB dan diakhiri dengan bacaan doa selamat.

Ambil langkah strategik menanggapi warisan budaya

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Mei. - Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal berkata, pertumbuhan ekonomi, kemajuan negara memaksa kita merubah kehidupan yang sebaliknya mengancam marhabat budaya kita yang tinggi dan jika tidak ditangani dan dipelihara dengan baik akan hilang oleh tekanan sosial yang mementingkan keindividualan.

Kita juga mungkin akan kehilangan beberapa aktiviti budaya tradisi yang berharga seperti amalan bergotong royong, misalnya dalam suasana mengemam padi, adat menumbuk padi, upacara makan tahun dan mengamping, mengisar padi dan membina durong selain mungkin juga akan kehilangan banyak lagi suasana kehidupan bermasyarakat oleh kerana kita tidak lagi hidup berjiran sekeluarga dalam sekampung seperti dulu.

Beliau menyatakan de-

Oleh
Haji Ahmad HS

mikian di Majlis Perasmian Hari Muzium Antarabangsa 2004 yang berlangsung di Muzium Teknologi Melayu di Jalan Kota Batu.

Menurutnya atas pengajaran daripada kejadian yang dinyatakan itu, sambil mengambil iktibar yang positif, kita harus membuat langkah-langkah strategik dalam menanggapi warisan budaya di negara ini, bukan sahaja ke atas bahan-bahan budaya material yang dipamerkan di galeri-galeri muzium-muzium, juga ke atas bahan-bahan budaya non material yang terdapat di kalangan masyarakat tempatan di negara ini.

"Berkat hasil dari visi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, kita berasa berbangga bahawa dengan adanya penubuhan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, kita telah melangkah setapak ke arah menghidupkan semula sebilangan khazanah budaya kita untuk disebarluaskan dan diajar kepada generasi muda kita," jelas beliau.

Daripada usaha yang murni seperti ini, tambah beliau, generasi muda kita seterusnya dapat menghayati dan menghargai warisan budaya tersebut dan membentuknya ke dalam situasi pembangunan masyarakat masa kini sebagai satu sumbangan ke arah kemajuan negara dan rakyat.

"Kita mendapati sebilangan kegiatan budaya tradisi telah dikembangkan ke dalam bentuk industri perkhidmatan pelanggan seperti industri perubatan tradisional, masakan etnik di restoran dan pusat-pusat tarikan pelancongan, per-

sembahan pentas budaya tradisi, begitu juga sering dianjurkan pesta muzik indigenous yang kini semakin popular," jelas beliau.

Semua perkembangan budaya tradisi ini, ujar beliau, yang telah diberikan nafas baru, ternyata mulai menempah ruang yang kukuh dan dihasratkan dapat menyaingi perkhidmatan-perkhidmatan pelanggan yang bertaraf antarabangsa.

Terdahulu daripada itu Pengarah Muzium-Muzium, Awang Haji Matasim bin Haji Jibah berkata, seperti biasa sambutan kali ini akan mengandungi dua acara utama iaitu upacara pengisytiharan 'Anugerah Pekerja Contoh' Jabatan Muzium mula dilaksanakan pada tahun 2001 iaitu bagi Bahagian III, IV dan V ke bawah.

Acara utama kedua ialah pelancaran sebuah buku panduan berkenaan dengan herba, shrubs dan pokok-pokok memanjat yang terdapat di Taman Warisan Merimbun iaitu hasil dari Bengkel Botani bulan Mei 2003 anjuran Jabatan

Muzium-Muzium Brunei dengan bantuan tenaga pakar dari James Cook University, Australia.

Sebagai sebuah jabatan yang juga sama-sama berfungsi untuk memelihara warisan budaya nasional, baik dalam bentuk tangible dan intangible, jelas beliau, jabatan itu berpendapat adalah sangat perlu supaya tradisi lisan seperti itu dikumpulkan dan dibukukan serta disebarluaskan di kalangan generasi muda di negara ini kerana intangible heritage/warisan non-material seperti itu mengandungi nilai-nilai budaya dan jati diri dalam kita berbangsa dan bernegara, di samping memastikan tradisi lisan itu tidak akan pupus.

Selepas itu tetamu kehormat menyampaikan Anugerah Pekerja Contoh 2004 kepada Awang Abdullah bin Haji Abdul Wahab dan Awang Tarip bin Haji Ladis dari Bahagian III. Manakala penerima Bahagian IV dan V ialah Dayang Hajah Rudiah binti Haji Ibrahim dan Awang Zaini bin Haji Safar.

Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2004 diadakan setiap 18 Mei dan tahun ini tema sambutan 'Muzium dan Warisan Non Material'. Sempena sambutan itu Jabatan Muzium-Muzium Brunei telah mengadakan satu peragaan pakaian rasmi bagi kakitangan yang berhadapan dengan pelanggan iaitu bagi ketua atendan, atendan dewan kanan, atendan dan jurujual.

Selain itu Majlis Jerayawara sehari suntuk juga akan diadakan pada Ahad, 23 Mei 2004 yang akan berlangsung di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di ibu negara.



SEBAHAGIAN para jemputan yang hadir di Seminar Bell Labs LWS 2004 bertepatan Menempatkan Inovasi Pada Kerja. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.



TETAMU kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal ketika merasmikan Hari Muzium Antarabangsa 2004. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

PENDEKATAN MENGENAI ISTIADAT MENGURNIAKAN GELARAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DI NEGARA Brunei Darussalam pengurniaan gelaran itu tidak semata-mata dikhususkan kepada bumiputera, bangsa-bangsa lain pun ada juga dikurniakan gelaran mengikut kriteria-kriteria tertentu dan keperluan untuk mengadakan gelaran tersebut dengan mengambil kira jasa-jasa yang mereka curahkan kepada negara

ini dan juga ketaatan mereka itu. Kategori gelaran untuk mereka itu ialah Manteri Dagang sesuai dengan bidang dan aktiviti yang mereka jalankan. Dalam membuat pendekatan mengenai perkara ini kita terus bersama Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat Sejarah untuk menghuraikannya.

Pelita Brunei: Bagaimana pula dengan kedudukan mereka yang dikurniakan gelaran sebagai Manteri Dagang itu Yang Dimuliakan?

Yang Dimuliakan: Ada beberapa orang yang telah dikurniakan gelaran ini, mereka itu terdiri dari masyarakat Cina di negara ini. Gelaran-gelaran dan tanggungjawab mereka itu adalah seperti berikut:

Pehin Datu Temenggong Kornia Diraja

Menjadi ketua dan pemimpin kepada masyarakat Cina di negara ini supaya mematuhi undang-undang, peraturan negara dan memberikan sumbangan kepada perkembangan kemajuan negara serta mengadakan penyelidikan

dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk disebarkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Gelaran ini telah dikurniakan dalam zaman pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien kepada Yang Dimuliakan Pehin Datu Temenggong Kornia Diraja Dato Seri Paduka Awang Lim Cheng Choo pada 17 Mac 1951.

Pehin Kapitan China Kornia Diraja

(a) Menjadi pembantu kanan kepada Pehin Datu Temenggong Kornia Diraja.

(b) Bertanggungjawab memerhatikan keadaan masyarakat Cina supaya bersungguh-sungguh memberikan bantuan dan pimpinan kepada rakyat Brunei dalam segenap bidang yang berkecuali khasnya dalam bidang perniagaan dan perusahaan serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk disebarkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Gelaran ini telah dikurniakan dalam zaman

pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei yang ke-28 kepada Yang Dimuliakan Pehin Kapitan China Kornia Diraja Awang Lim Teek Ho pada 2 Ogos 1958.

Pehin Bendahari Kornia Diraja

(a) Menjadi pembantu kepada Pehin Datu Temenggong Kornia Diraja.

(b) Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal masyarakat Cina supaya sentiasa taat kepada Sultan dan bersih dari segala anasir-anasir yang berlawanan dengan kehendak-kehendak negara serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk disebarkan kepada baginda sebagai nasihat.

Gelaran ini telah dikurniakan dalam zaman pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei yang ke-28 kepada Yang Dimuliakan Pehin Bendahari China Kornia Diraja Awang Hong Kok Tin pada 24 Mei 1960.

Pelita Brunei: Istana

SIRI KETUJUH

merupakan pusat kepada Adat Istiadat Diraja Brunei, jadi apakah ada gelaran-gelaran yang dikhususkan kepada mereka yang bertanggungjawab di dalam Istana itu selain daripada Pengiran-Pengiran Cheteria?

Yang Dimuliakan: Ya, sudah tentu ada. Manteri-Manteri yang berkewajipan dalam Istana itu ialah:

Pehin Penyurat

(a) Bertanggungjawab untuk menjadi penyambung lidah bagi menjunjung dan menyampaikan titah atau sabda dan mengawasi kesempurnaan alat perhiasan diraja dan alat kebesaran diraja.

(b) Bertanggungjawab mengawasi kedudukan pembesar diraja dan pPembesar negara serta alat perhiasan diraja dan alat kebesaran diraja dalam sesuatu majlis beristiadat.

(c) Menjadi pembantu kepada Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja dalam sesuatu majlis yang beristiadat dan bertanggungjawab untuk memerhatikan keadaan perjalanan sesuatu istiadat.

(d) Mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang terkandung di dalam hal-ehwal

yang disebutkan untuk disebarkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Bendahari

(a) Bertanggungjawab mengetahui kesempurnaan alat-alat keserantaan Istana.

(b) Menjadi pembantu kepada Pehin Penyurat untuk mengawasi kesempurnaan alat perhiasan diraja dan alat kebesaran diraja serta kedudukan alat-alat tersebut dalam sesuatu majlis yang beristiadat.

(c) Menjadi pembantu kepada Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja dalam sesuatu majlis yang beristiadat dan bertanggungjawab untuk memerhatikan keadaan perjalanan sesuatu istiadat.

(d) Mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang terkandung di dalam hal-ehwal yang disebutkan untuk disebarkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Manteri Bini

(a) Menjadi penyambung lidah untuk menjunjung dan menyampaikan titah atau sabda bagi pihak perempuan.

(b) Bertanggungjawab mengetahui kesempurnaan perbendaharaan diraja dan

OLEH HAJI TIMBANG BAKAR

alat kebesaran diraja.

(c) Bertanggungjawab mengawasi kesempurnaan sesuatu pengurniaan diraja dalam sesuatu istiadat dan persediaan-persediaan yang diperlukan oleh sesuatu majlis beristiadat dalam Istana.

(d) Menjadi pembantu kepada Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja dalam sesuatu majlis beristiadat dalam Istana dan bertanggungjawab untuk memerhatikan keadaan perjalanan sesuatu majlis beristiadat.

(e) Mengadakan penyelidikan serta kajian mengenai masalah yang terkandung di dalam hal-ehwal yang disebutkan untuk disebarkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Jawatan Bini

(a) Menjadi penyambung lidah untuk menjunjung dan menyampaikan titah atau sabda bagi pihak perempuan.

(b) Bertanggungjawab menentukan persiapan dan persediaan bagi sesuatu majlis beristiadat di dalam Istana.

(c) Menjadi pembantu kepada Pehin Manteri Bini untuk mengawasi kesempurnaan sesuatu majlis beristiadat dan kedudukan

pembesar diraja dan pembesar negara serta alat perhiasan diraja dan alat kebesaran diraja dalam sesuatu majlis beristiadat di dalam Istana.

(d) Bertanggungjawab memerhatikan keadaan perjalanan sesuatu istiadat di dalam Istana.

(e) Mengadakan penyelidikan serta kajian mengenai dengan masalah yang terkandung di dalam hal-ehwal yang disebutkan untuk disebarkan kepada Sultan sebagai nasihat.

KEWAJIPAN MANTERI DALAM TAMBAHAN

Pehin Manda Bini

(a) Menjadi penyambung lidah untuk menjunjung dan menyampaikan titah atau sabda bagi pihak perempuan.

(b) Bertanggungjawab mengawasi kesempurnaan orang-orang yang menghadiri sesuatu majlis dan memerhatikan perjalanan sesuatu istiadat di dalam istana.

(c) Mengadakan penyelidikan mengenai dengan masalah yang terkandung di dalam hal-ehwal yang disebutkan untuk disebarkan kepada Pehin Manteri Bini.

Bersambung

Mesyuarat ASOF bincang pengurusan hutan



PEGAJAWAI-PEGAJAWAI Kanan ASEAN mengadakan perbincangan mengenai pengurusan sumber hutan. - Gambar oleh Masri Osman.

GADONG, 27 Mei. - Pegawai-pegawai Kanan ASEAN iaitu Laos, Kemboja, Malaysia, Republik Singapura, Viet Nam, Republik Filipina, Republik Indonesia, Myanmar berhimpun di Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah Mesyuarat Ketujuh Pegawai-pegawai Kanan Mengenai Perhutanan (ASOF).

Mesyuarat yang berlangsung selama tiga hari dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah Perhutanan, Awang Haji Saidin bin Salleh.

Mesyuarat yang bermula hari ini merupakan pelu-

Oleh Haji Ahmad HS

ang terbaik bagi pegawai-pegawai Kanan ASOF untuk menumpukan perbincangan terhadap topik yang berkaitan program projek kerjasama pengurusan sumber hutan secara berkekalan serta kerjasama dengan rakan dialog dan pertubuhan antarabangsa.

Mesyuarat ASOF tersebut merupakan bahagian siri mesyuarat tahunan agensi-agensi perhutanan negara-negara ASEAN bagi membincangkan hal-hal kepentingan bersama

dalam bidang perhutanan.

Selain itu mesyuarat juga membincangkan beberapa agenda yang lain termasuk perkembangan laporan inisiatif negara-negara ASEAN rundingan bersama mengenai pencegahan kebakaran hutan bersama pengerusi pegawai Kanan mengenai alam persekitaran, rumusan kedudukan ASEAN dan pendekatan isu perhutanan antarabangsa dan juga serantau, di samping mengkaji semula strategi pelan tindakan mengenai kerjasama perhutanan (1999 - 2004) dan meningkatkan pelan tindakan bagi tahun 2005 - 2010.

ARENA SUKAN



Liputan
Samle HJ
Gambar-gambar
oleh
Mohd. Zul-Izzi HD

Upacara Menaikkan Bendera Negara

SEREMBAN, 28 Mei. - Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkibar megah menjadi simbolik semangat juang atlet kebangsaan untuk sama-sama bersaing merebut kejuaraan di temasya sukan terbesar Malaysia yang bermula secara rasmi hari ini.

Upacara Menaikkan Bendera Perkampungan Sukan SUKMA X 2004 dirasmikan oleh Yang Ber-

hormat Dato' Haji Mohammad bin Haji Hassan, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus di Perkampungan Sukan Sekolah Menengah Tuanku Jaafar, Ampangan di sini.

Upacara itu juga menandakan dengan rasminya bermula kejohanan SUKMA X yang menemukan kira-kira 10,000 atlet dan pegawai bersaing bagi merebut sebanyak 1,201 pingat termasuk 368



KETUA kontinjen negara, Awang Haji Mohammad bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah bersalaman bersama Menteri Besar Negeri Sembilan, Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad semasa Upacara Menaikkan Bendera Negara peserta.

pingat emas dan perak, di samping 465 pingat gangsa pada edisi ke-10 sukan berprestij kebanggaan Malaysia, hari ini.

Negara Brunei Darussalam yang menjadi pasukan jemputan diketuai oleh Awang Haji Moham-

mad bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah juga selaku ketua kontinjen menghantar seramai 99 atlet dan 35 pegawai menyertai dalam 11 acara sukan.

Selain tumpuan venue perlawanan di Seremban,

pihak penganjur juga meletakkan beberapa gelanggang pertandingan di kawasan daerah seperti Rembau, Kuala Pilah, Nilai, Mantin dan Port Dickson bagi memberi peluang warganegara desa di negara itu sama-sama memeriahkan kejohanan yang julung kali berlangsung di negara Tanah Beradat itu.

Sementara itu, penganjur juga menyediakan pusat media dan sistem teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi memberi keselesaan para wartawan dan jurugambar tempatan termasuk dari Negara Brunei Darussalam untuk menjalankan tugas dengan lancar.

Ketua Urusetia Kontinjen Negara Brunei Darussalam, Pengiran Anak Md. Sofian bin Pengiran Anak Haji Ibrahim melahirkan rasa terima kasih kepada pihak penganjur yang menjemput atlet Negara Brunei Darussalam untuk menyertai temasya sukan terbesar Malaysia.

Menurutnya, sejauh ini perlawanan yang melibatkan pasukan negara telah berjalan lancar seperti di-

Paroi; Stadium Hoki dan Gelanggang Tennis di Seremban 2; di Gimnasium Rakyat dan Lapang Sasar Galla, Mantin.

Negara Brunei Darussalam mengambil bahagian sebelas acara sukan termasuk bola sepak, boling padang, golf, karate-do, lawan pedang, lumba basikal, olah raga, pencak silat, taekwondo, tenis boling dan tenis dengan menyandarkan seramai 140 orang pegawai dan atlet untuk sama-sama bersaing merebut kejuaraan.

Temasya sukan dwitahunan juga menyaksikan kesungguhan penganjur dengan pembentukan sebanyak 23 Jawatankuasa Kecil SUKMA X bagi memastikan temasya sukan itu berjalan lancar.

yang menjadi rebutan para atlet menerusi acara-acara termasuklah olahraga, renang dan terjun, tinju, bola jaring, sepak takraw, badminton, golf, hoki, tenis boling, tenis, gimnastik/gimma, skuasy, boling padang, bola sepak, menembak, wusyu, ping pong dan kriket.

Juga dipertandingkan ialah pencak silat, karate-do, memanah, lawan pedang, judo, ragbi, angkat berat, bola tampar, perahu layar, bola keranjang, taekwondo dan lumba basikal.

Selain Stadium Tuanku Abdul Rahman dan Stadium Nilai, penganjur juga menyediakan lokasi pertandingan di semua daerah termasuk Kelab Golf Antarabangsa di Seremban; Stadium Akuatik Renang di

PAROI, 28 Mei. - Negeri Sembilan yang terkenal dengan negara Adat Perpatihnya buat pertama kali menjadi tuan rumah Sukan Malaysia (SUKMA X) 2004 yang berlangsung pada 28 Mei hingga 6 Jun.


Sebanyak 17 kontinjen termasuk kontinjen Negara Brunei Darussalam yang menjadi negara jemputan menyertai sukan terbesar peringkat kebangsaan Malaysia disertai oleh kira-kira 10,000 atlet dan pegawai sukan dari seluruh negara Malaysia.

Pihak penganjur telah membelanjai sebanyak RM170 juta keseluruhan dengan RM134 juta daripadanya digunakan untuk perbelanjaan menaik taraf dan membina infrastruktur baru di mana sejumlah RM36 juta lagi dibelanjakan bagi menampung kos pengurusan untuk menjadikan temasya itu yang terbaik dikendalikan.

Sementara itu, Stadium Tuanku Abdul Rahman yang menjadi venue bagi upacara perasmian dan penutupan, di samping bagi acara bola sepak dan olahraga telah membelanjakan kira-kira RM51 juta untuk menaik taraf dan keselesaan penonton memuatkan tempat duduk sehingga 40,000 orang berbanding 25,000 sebelumnya.

Penganjuran SUKMA kali ini dilihat akan lebih mencabar kemampuan Negeri Sembilan sebagai tuan rumah dengan memperandingkan sebanyak 30 acara sukan berbanding 27 acara pada SUKMA Ke-9 di Sabah dua tahun lalu.

Sebanyak 1,201 pingat



BERSEMANGAT ... Kontinjen negara yang mengandungi 140 orang pegawai dan atlet menyertai sebelas acara temasya SUKMA X 2004 di Paroi, Negeri Sembilan.

Azizul kecundang kepada M. Kumaran

SEREMBAN, 28 Mei. - Skuad karate-do negara, Mohammad Azizul Omar perlu mendapat pujian sekalipun gagal mengutip sebarang pingat selepas memberi persaingan yang hebat kepada lawan dalam acara karate-do 60 kilogram Kumiti Lelaki Individu di Dewan Majlis Perbandaran, di sini hari ini.

Bekas peserta negara dalam Kejohanan Sukan SEA lalu memulakan laluan dengan baik apabila mengejutkan peserta Polis Diraja Malaysia, Muhammad Khairuddin.

Bagaimanapun Azizul kurang bernasib baik untuk melangkah ke pusingan seterusnya selepas tewas tipis kepada peserta Kedah, Sathis Kumar dalam perlawanan tambahan satu mata untuk menentukan kemenangan.

Kekalahan itu tidak memutuskan harapan Azizul untuk sekurang-kurangnya mengutip pingat gangsa namun terpaksa

akur dengan kehebatan pasukan handalan dari Perak M. Jeyaganthan yang berjaya menyekat kemaraan peserta negara.

Acara itu telah dinangi oleh peserta Pahang, M. Kumaran sambil Sathis Kumar memperolehi pingat perak.

Sementara itu, dalam acara Kumiti Perempuan 60 Kilogram Perseorangan, peserta negara, Jean Liew Zhi Ying lebih awal disingkirkan oleh peserta remaja kebangsaan 2003, V. Gunasundari dari Selangor.

Pengurus Karate-do Kebangsaan, Haji Okhida berkata, Jean tidak menunjukkan permainan yang sebenar apabila terlalu ghairah menyerang tetapi gagal menemui sasaran.

Menurutnya, aksi itu memberi peluang kepada pihak lawan untuk mengambil kesempatan dari kesilapan langkah Jean untuk mengutip mata dan seterusnya memberi kemenangan kepada lawan.

"Sekalipun gagal, beliau nampak bersemangat untuk memberi saingan sengit kepada lawannya yang sudah mempunyai pengalaman tinggi dalam perlawanan ini. Kejohanan ini merupakan peluang terbaiknya untuk meningkatkan kemantapan dalam acara ini," jelasnya kepada wakil PELITA BRUNEI.

Manakala Aaina Fariadah Hamdan juga dikecewakan oleh peserta Perak, G. Yugneswary dengan kiraan 2 - 1 pada acara Kumiti Perempuan 48 Kilogram Perseorangan.

"Faktor fizikal peserta kita telah memberi kelebihan lawan untuk memenangi perlawanan tetapi kita perlu bangga dengan persembahan yang telah beliau tunjukkan sepanjang perlawanan sekali gus menunjukkan potensi yang perlu digilap untuk masa depannya," jelas jurulatih kedua karate-do negara, Gustaf Linelejan.



TERIMA INI ... Peserta karate-do, Mohammad Azizul bin Omar melakukan serangan dalam pertemuan bersama peserta Polis Diraja Malaysia, Muhammad Khairuddin dalam acara 60 Kilogram Kumiti Perseorangan Lelaki.

Tenis tewas di suku akhir

SEREMBAN, 31 Mei. - Kemaraan skuad tenis tersekat di peringkat suku akhir selepas menjuarai Kumpulan B acara Tenis Berpasukan Lelaki SUKMA X di Kompleks Sukan Belia dan Sukan Paroi, hari ini.

Kemaraan pasukan negara dihalang oleh pemain tuan rumah yang menampilkan kehebatan di depan penyokong sendiri dengan kiraan 2 - 1.

Bagaimanapun Billy Wong lebih awal mengutip mata sulung Negara Brunei Darussalam selepas menewaskan Zulazri Hassan dengan 6 - 3 dan 6 - 1 tetapi pemain perseorangan Ian Chok pula tewas kepada Nizar Zainuddin 1 - 6, 4 - 6.

Namun pasangan ketiga Negara Brunei Darussalam yang dibarisi Ian Chok dengan Billy Wong kecundang di ta-

ngan Mohd. Iqbal dan Md. Amirulafiq dengan 2 - 6, 4 - 6 sekali gus tersingkir untuk mara ke separuh akhir.

Para peringkat awal, pasukan negara telah bermain cemerlang menewaskan pasukan Kuala Lumpur dan Terengganu untuk menjuarai Kumpulan B.

Ketika menentang pasukan Kuala Lumpur, Billy Wong mengalahkan Shahrul Anuar (7 - 5, 6 - 1); Ian Chok menewaskan Jonathan Lee (1 - 6, 7 - 5, 6 - 2), sementara Hamizah dan Jason Tay tewas kepada Hafiz dan Anuar (5 - 7, 1 - 6).

Negara Brunei Darussalam menumpaskan pasukan Terengganu 2 - 1 untuk mara ke suku akhir bagaimanapun tersekat oleh pasukan Negeri Sembilan untuk melangkah ke separuh akhir.

ARENA SUKAN

LAWAN PEDANG PAMER AKSI MENYERLAH

REMBAU, 30 Mei. - Senario kejayaan skuad lawan pedang yang meraih pingat emas pertama untuk negara menerusi acara Berpasukan Sabre Wanita disifatkan sebagai menakjubkan dan jarang terjadi dalam mana-mana perlawanan akhir.

"Sungguh hebat dan jarang terjadi keputusan seperti ini sejak saya menubuhkan bidang lawan pedang dan saya sungguh berpuas hati pencapaian ini," jelas jurulatihnya, Rocky Poerawinata mengulas kejayaan terbesar skuad lawan pedang negara pada SUKMA kali ini.

Pada perlawanan akhir itu, semangat juang yang tinggi peserta terakhir, Noor Baizura jelas kekal mengemuka mata emas sekalipun pasukan lawan sudah lena dengan kiraan 27 - 40.

Selangkah demi selangkah dengan hunusan pedang yang tepat ke sasaran memberi tekanan kepada peserta Perak yang gagal menambah mata dan perlawanan terus mendebarakan apabila kedudukan

mata 44 - 44.

Namun anak kesayangan Mohd. Rushdi menjadi wira Negara Brunei Darussalam apabila tikaman terakhir menjelma mata emas buat negara.

Kejayaan itu sekali gus membantu menaikkan bendera kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke mercu teratas dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam turut bergema di Dewan Institut Kemahiran Belia Cemerlang selepas empat hari kejohanan dijalankan.

Menurut jurulatih, kegigihan anak buahnya untuk mendapatkan pingat oleh kesemua para pemain sangat ketara, malah mereka sudah menerima suntikan semangat menerusi kutipan pingat gangsa di hari pertama kejohanan hasil Md. Yunus dalam acara Sabre Lelaki Perseorangan.

Kutipan pingat itu berlanjutan di hari kedua kejohanan apabila Nor Baizura mengemuka mata emas selepas mengalahkan nama Negara Brunei Darussalam dengan kutipan pingat

perak menerusi Sabre Individu Wanita dan disusuli kejayaan trio Epee Lelaki gandingan Abdul Hakim, Mohd. Nashriq dan Abdul Azim.

"Kejayaan itu bagai dicongkak oleh pemain dan tekad mereka untuk menyumbang pingat emas jelas berhasil sekalipun terpaksa menunggu di hari terakhir kejohanan tetapi ia sangat bererti kepada pasukan sekali gus kepada negara," jelas Rocky.

Presiden Persekutuan Lawan Pedang, Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad yang tidak kendur menyuntik semangat pemain melahirkan rasa terharu di atas pencapaian paling besar sejak skuad lawan pedang itu ditubuhkan.

"Kita telah berjaya membuktikan skuad kita juga hebat dengan kejayaan pingat emas, perak dan gangsa, semuanya sudah berbaloi untuk kita dan negara," jelasnya ketika ditemubual oleh wakil PELITA BRUNEI.

Beliau yang memberi



MENYERLAH ... Skuad Lawan Pedang yang menyertai temasya Sukan Malaysia SUKMA X mempamerkan persembahan yang menggagalkan dengan merangkul sebutir pingat emas, satu perak dan tiga gangsa.

sokongan moral setiap kali anak buahnya turun ke gelanggang berharap kemenangan cemerlang itu bukan berhenti di situ saja malah menjadi pembuka jalan dan semangat kepada pemain-pemain lain untuk mengagalkan usaha demi mencapai kejayaan.

Beliau juga yakin dan berharap kejayaan itu akan menjadi pendorong kepada golongan remaja kebangsaan untuk menceburi dalam bidang berkenaan.

Taekwondo alami semua kekalahan

SEREMBAN, 1 Jun. - Skuad taekwondo negara tidak perlu kecewa di atas kekalahan demi kekalahan dalam semua acara yang dipertandingkan di Kejohanan SUKMA X yang berlangsung di Dewan Pusat Rakan Sukan, Port Dickson kira-kira 40 kilometer dari sini.

"Keseluruhan pemain menampilkan semangat yang tinggi sekalipun dibalkan sebagai pemain baru berbanding lawan mereka yang sudah banyak menimba pengalaman sepanjang kejohanan itu," jelas pengurusnya, Haji Ismadey Haji Hussain.

Sementara itu, jurulatih, Nurul Hannah Abdul Mateen Kim berkata, barisan pemain muda yang majoritinya merupakan pendedahan pertama pada kejohanan luar negeri, tetapi berjaya memberi persaingan yang hebat kepada peserta lawan yang sudah banyak pengalaman menerusi penyertaan mereka dalam beberapa kejohanan serantau dan antarabangsa.

Beliau yang sudah mengendalikan sukan itu yakin, Negara Brunei Darussalam bakal mempunyai pemain-pemain taekwondo yang berkebolehan jika mereka berusaha lebih gigih dan secara berterusan.

Kejohanan kali ini menyaksikan aksi Dayangku Nur Izah Nazurah binti Pengiran Mohammad tewas kepada Vani dari Pahang 2 - 3 dalam kategori 'Fin Weight' Wanita, sementara dalam 'Fin Weight' Lelaki yang diwakili Awangku Md. Adi

Hazmi bin Pengiran Haji Raimi juga kalah kepada Yap Fok Choy dari Melaka 1 - 2.

Langkah kiri peserta negara itu berterusan apabila Zalehani binti Haji Lakim yang kalah kepada Dheban dari Pulau Pinang dengan kiraan 1 - 5 dalam 'Bantam Weight' Wanita pada pusingan awal, sementara dalam acara 'Fly Weight' Wanita peserta negara Aflina Shareena tewas kepada peserta Sabah, Veroneta 2 - 8.

Namun, Padillah binti Haji Amit bagi menyelamatkan rakannya dari kehampaan di peringkat saringan selepas menang kepada peserta Negeri Sembilan, Wan Ahmad untuk mara ke pusingan kedua.

Bagaimanapun skuad taekwondo negara kembali muram selepas pemain Sarawak, Lee Yeong berjaya menghalang Padillah untuk terus mara ke suku akhir apabila Lee Yeong menang 3 - 1.

Sejak negara menyertai Sukan Malaysia pada tahun 1996, pasukan taekwondo negara gagal menyumbang sebarang pingat selepas termasuk pasukan kejohanan SUKMA Pulau Pinang 2000 dan SUKMA Sabah 2002.

Karate-do sumbang satu perak

SEREMBAN, 30 Mei. - Skuad karate-do hanya berpuas hati menyumbang satu pingat perak buat kontinjen negara di hari terakhir kejohanan karate-do di Sukan SUKMA X di Dewan Majlis Perbandaran Seremban, hari ini.

Sekalipun menyaksikan saingan hebat oleh peserta negara dalam penyertaan beberapa kategori namun peserta negara terpaksa akur dengan pengalaman lawan yang mengambil peluang kekurangan skuad negara.

Bagaimanapun, kejayaan Lim Hooi Sian melangkah ke peringkat akhir sekalipun hanya mengagalkan pingat perak sudah cukup mengubati kehampaan kontinjen karate-do negara yang mengakhiri perlawanan, petang tadi.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran

Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam juga berangkat menyaksikan perlawanan hebat peserta negara itu.

Langkah kemas dan serangan pantas Lim menceburi rumah, R. Harivendran 2 - 1 membuka laluan peserta junior kebangsaan itu untuk melangkah ke separuh akhir selepas undian 'bye' berpihak kepadanya.

Tekad Lim untuk memburu pingat pada penyertaan sulungnya hampir terlaksana selepas menang mudah kepada peserta Terengganu, Mohd. Al-Azim dengan kiraan 3 - 0.

Bagaimanapun, peserta harapan negara terpaksa akur dengan pengalaman peserta Perak, S. Selvan yang juga menjadi atlet kebangsaan Malaysia dengan bijak menggunakan strategi memerangkap Lim dengan asakan keras di baha-

gian rusuk sekalipun pengadil memberi mata percuma kepada Lim.

Namun, S. Selvan mengambil kesempatan kesakitan Lim untuk menyering bertalu sehingga Lim terjatuh beberapa kali.



KENANGAN MANIS ... Lim Hooi Sian merakamkan gambar kenangan sejour upacara penyampaian pingat acara karate-do.

Semangat Lim yang sangat kukuh memberi tentangan sehingga berjaya bangkit untuk menghampiri kutipan mata tetapi terpaksa akur dengan kekalahan 3 - 5.

"Perlawanan ini merupakan landasan terbaik untuk saya dalam menimba penguasaan pada kejohanan akan datang dan saya bertekad untuk meningkatkan usaha dan prestasi dalam acara ini," jelasnya kepada wakil PELITA BRUNEI.

Beliau yang julung kali dipilih membarisi kontinjen negara jelas mempunyai potensi yang besar jika mendapat perhatian dan sokongan wajar dari pihak tertentu demi kejayaan negara dalam karate-do bagi masa depan.

Perkara itu juga diakui oleh jurulatih, Haji Okhida yang merasa puas hati pencapaian anak buahnya selepas melihat persaingan memberangsangkan yang ditunjukkan semua peserta negara dalam kejohanan SUKMA kali ini.



PESERTA taekwondo negara membuktikan saingan sengit sebelum tumpas kepada peserta lawan.



PINGAT GANGSA ... Usaha, kecekalan dan semangat yang tinggi telah membawa kejayaan kepada Lim Hooi Sian merangkul sebutir pingat perak acara karate-do.

ARENA SUKAN

AK. MOHD. AIZAT CAPAI PERAK ACARA BOLING

SEREMBAN, 31 Mei. - Peserta boling negara, Awangku Mohd. Aizat berjaya membuat kejutan dengan merangkul pingat perak pada acara Tenpin Boling Perseorangan lelaki Kejohanan SUKMA X di Seremban Golden Bowl, petang tadi.

Pemain remaja negara yang juga menerima suntikan semangat dari ibunya, Nursidah Haji Jaafar menunjukkan aksi 'top spins' yang konsisten sehingga mengutip mata 1,281 keseluruhan sebelum mengaku kalah kepada peserta terbaik Selangor, Aiman Kelana yang berjaya mengutip 1,315 di pusingan terakhir untuk mengalung pingat emas.

Kemenangan anak sulung Pengiran Abu Samah diperolehi selepas menampilkannya aksi meyakinkan

pada tiga pusingan pertama dengan 207 mata pada 'frame' pertama seterusnya 247 mata dan 288 masing-masing di 'frame' kedua dan ketiga untuk mendahului kedudukan seramai 60 pemain.

Bagaimanapun kedudukan pemain muda negara itu goyah apabila hanya mampu mengutip 182 mata tetapi berjaya bangkit pada 'frame' ke-5 dengan 248 mata, namun aksinya semakin menurun selepas hanya mengutip 169 di pusingan terakhir.

Sementara itu, tiga lagi pemain perseorangan negara berjaya menampilkan aksi baik termasuk dua adik-beradik, Awangku Izzul Raihan yang mengutip 1,136 untuk menduduki di tempat ke-24 dan Awangku Khairul Rijal berjaya mengutip 1,096, sementara Haji Mohd.



BERJAYA ... Awangku Mohd. Aizat bin Pengiran Abu Samah meraih pingat perak, manakala peserta Selangor, Aiman Kelana merangkul pingat emas dan pingat gangsa diraih oleh peserta Sabah.

Iqbal menduduki tempat ke-55 selepas hanya memperoleh 974 mata.

"Kejayaan ini sebagai permulaan yang baik kepada skuad negara dan berharap mereka akan terus menampilkan aksi yang lebih cemerlang dan menambah kutipan pingat pada acara yang lain," jelas pengurus pasukan boling negara, Awang Haji Maidin kepada wakil

PELITA BRUNEI.

Sekalipun gagal memperoleh kilau emas, beliau melahirkan rasa gembira di atas potensi pemain negara sehingga hanya tewas pada pusingan terakhir selepas beliau menampilkan persembahan yang konsisten.

Sementara itu, Awangku Aizat pula menyifatkan dirinya kurang bernasib baik pada pusingan ter-

akhir sehingga tewas kepada pemain Selangor cuma dengan 34 mata.

Beliau yang tenang sepanjang perlawanan bertekad untuk memberi persaingan yang lebih hebat dan membuktikan kemampuan pada kategori yang lain termasuk pada acara bergu, berpasukan bertiga, acara keseluruhan lelaki dan bergu campuran.



Liputan
Samle HJ
Gambar-gambar
oleh
Mohd. Zul-izzi HD

Barisan pesilat kurang menyerlah

SEREMBAN, 31 Mei. - Secara tradisi, acara pencak silat menjadi lombong pingat buat kontinjen Negara Brunei Darussalam pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) sejak penyertaan sulung pada SUKMA VI Pahang 1999.

Sepanjang empat edisi penyertaan, skuad pesilat negara telah berjaya mengutip 1 emas pada SUKMA VI Pahang; 1 perak dan 1 gangsa pada SUKMA VIII Pulau Pinang dan membawa pulang satu gangsa pada SUKMA IX di Sabah.

Namun penyertaan berlangsung di negeri beradat berpatih ini sangat berbeza apabila seorang demi seorang pesilat tumbang di peringkat awal persaingan lagi.

"Faktor pengadil banyak menjadi mendorong kekalahan peserta kita. Banyak keputusan juru perlu dipertikaikan terutama pada perlawanan melibatkan pesilat kita yang sering membuat keputusan yang berat sebelah," jelas jurulatih, Mochamed Nasri melahirkan kekecewaan kepada wakil PELITA BRUNEI.

Menurutnya, penyertaan Brunei pada SUKMA bukan untuk rakan perlawanan latihan sehingga pengadil meremehkan banyak mata yang diperolehi oleh pesilat dalam perlawanan.

Beliau percaya jika beberapa perlawanan dapat diadili dengan telus, pesilat negara pasti berjaya sekurang-kurangnya peringkat kedua sebelum menerima cabaran yang lebih genting lagi.

Kehampaan itu mula diukir menerusi pertandingan Silat Seni Jurus Tunggal Baku (solo lelaki)

apabila Mohd. Khairul Azmi Haji Sulaiman hanya sekadar mengutip 193 mata menduduki tempat ke-10 dari 14 peserta.

Terengganu lega meraih pingat emas dengan 218 mata, sementara Johor mengutip 209 mata merangkul perak dan Negeri Sembilan mendapat gangsa hasil kutipan 206 mata.

Sementara aksi solo wanita negara, Norleyhar-yanti Haji Raya pada kategori Silat Seni Jurus Tunggal Baku hanya mendapat 403 mata berbanding 448 mata kutipan pesilat Johor untuk merangkul pingat emas.

Kategori Tempuran terus menyaksikan pesilat negara menyaksikan kekalahan pada persaingan Kelas 'B' Putra di mana Mohd. Khairul Azmi Haji Sulaiman tewas kepada pemain Sabah, Fadzy 2 - 3.

Kemudian, Mohd. Zulkarnain Haji Ladi turut kecondang di tangan pemain Perak, Mohd. Syumus 1 - 4 sambil Mohd. Arbi Joecreny 'dikerjakan' oleh pesilat Kelantan, Mohd. Jazli 0 - 5.

Kelas 'E' Putra juga menyaksikan kekalahan Sihaimi Sidup selepas menerima tentangan hebat daripada peserta berpengalaman, Mat Sabar mewakili Pulau Pinang dengan 0 - 5 dan badi kekalahan itu menjelma pula kepada Mohd. Azlizani Hamzah yang bermain dalam Kelas 'F' Putra oleh peserta Sarawak, Mohd. Zain 1 - 4.

Aksi Kelas Putri turut menerima nasib serupa, Siti Nuraminah Haji Kamis kecondang di tangan Nuraziyati peserta Kelantan 0 - 5, sementara Aslina Mohamad juga dikecewakan oleh pemain Perak, Nurlina 0 - 5.

Bola sepak hanya capai seri bersama Pulau Pinang

SEREMBAN, 30 Mei. - Lupakan kekecewaan pada Kejohanan SUKMA dan buat persediaan yang lebih mantap pada kejohanan yang lain, di samping setiap pemain perlu mempelajari kesusilaan sendiri dan berusaha lebih gigih untuk menyumbang kepada peningkatan mutu bola sepak negara.

"Sekalipun gagal memenangi ketiga-tiga perlawanan, pemain telah menunjukkan permainan yang baik dan kekalahan pada pusingan awal, cuma tipis selepas memberi persaingan kepada pasukan lawan," jelas jurulatih

Moksen Haji Mohammad kepada wakil PELITA BRUNEI.

Pasukan Negara Brunei Darussalam gagal mara mewakili Pasukan B selepas tewas tipis 0 - 1 kepada Kuala Lumpur, dikalahkan oleh pasukan Selangor 1 - 2 dan terpaksa berkongsi mata dengan pasukan Pulau Pinang 1 - 1.

Menurut jurulatih, pemain-pemain yang ada dalam skuad kali ini mempunyai potensi yang membanggakan dan mampu menjadi satu pasukan yang boleh menyerlah jika mereka terus dikekalkan dalam pasukan ini dan berusaha memantapkan pasukan dengan latihan yang berterusan selepas kejohanan ini.

Ketika ditanya mengenai rumusan kekalahan Brunei, jurulatih menyifatkan kekalahan pasukannya berpunca dari kesusilaan yang sedikit yang diambil manfaat oleh pihak lawan terutama pada perlawanan menentang Kuala Lumpur 1 - 0.

Sekalipun bangkit untuk memburu kemenangan, pasukan Selangor lebih bernasib baik memenangi perlawanan selepas menyaksikan bari depan Brunei gagal memperolehi jaringan sekalipun banyak terhidang di depan pintu gol.

Namun, berkongsi mata dengan pasukan Pulau Pinang bagi mengubah kehampaan skuad bimbingan Moksen Mohammad untuk pulang ke Brunei berbekal satu mata.

Sementara, penyerang Julremi Haji Zaini menjadi penjaring kesemua gol yang diperolehi termasuk ketika menentang Selangor dan Pulau Pinang.

PESILAT puteri, Siti Zuliza Omar bertarung sengit menentang pesilat dari Sabah Rosleha Chua Kim Bing pada acara Kelas 'C' 55 - 60 kg yang berkesudahan Siti Zuliza mengatasi peserta negeri di bawah bayu (bawah).



BERSEDIA ... Awangku Mohd. Aizat bersedia untuk melakukan lontaran pada persaingan Tenpin Boling di Golden Bowl, Seremban.



PEMAIN Negara Brunei Darussalam cuba merampas bola yang dikawal oleh pemain Pulau Pinang dalam aksi Kumpulan 'B' yang berkesudahan kedua pasukan seri 1 - 1.

ARENA SUKAN



DILANCARKAN ... Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria melancarkan perasmian temasya Sukan Kementerian Perhubungan yang mempertandingkan lapan acara sukan. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Sukan Kementerian Perhubungan

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS, 30 Mei. - Kementerian Perhubungan mengenal pasti sebanyak lapan jenis sukan untuk dipertandingkan dalam temasya sukan kementerian itu dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Perasmian sukan tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria di kawasan letak kereta Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama di sini.

Majlis yang sepatutnya dimulakan dengan senam robik beramai-ramai dan walkaton bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya terpaksa dibatalkan kerana keadaan cuaca yang tidak mengizinkan.

Kem. Pendidikan juara bola jaring

BERAKAS, 16 Mei. - Kementerian Pendidikan muncul sebagai johan bola jaring setelah menundukkan Kementerian Pembangunan dengan jaringan 21 - 8 di perlawanan akhir sukan kementerian-kementerian yang berlangsung di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanali Bolikiah.

Kemenangan yang diumpamakan sebagai makan besar itu jelas terbukti apabila permainan lebih banyak dikuasai oleh pasukan Kementerian Pendidikan sekali pun pada awalnya mereka menerima tentangan terutama di suku masa pertama.

Ketinggian jaringan 2 - 4 kepada pasukan Kementerian Pembangunan di suku masa pertama ternyata hanya sebagai batu loncatan untuk membakar semangat buat anak buah Datin Hajah Asmah mengatur strategi sekali gus untuk menguasai perlawanan hingga ke akhirnya.

Kementerian Pendidikan yang mengandaikan dua pemain tunggal utama di bahagian pertahanan dan hadapan ternyata terserlah dengan ketinggian yang mereka miliki di samping gerakan bergiat aktif menghantar bola untuk disudahkan.

Strategi mantap yang dimainkan Kementerian Pendidikan akhirnya terbukti apabila di suku masa kedua mereka berjaya mengatasi pasukan lawan dengan jaringan 7 - 6 setelah tekanan yang dibuat

Oleh Abu Bakar HAR

menjadikan pasukan Kementerian Pembangunan sering kali melakukan kesilapan. Di suku masa ketiga pasukan Kementerian Pendidikan terus menggunakan asakan apabila membuat perbezaan dengan tujuh jaringan namun di suku masa keempat pasukan Kementerian Pembangunan terbukti seolah tidak bermaya untuk meneruskan saingan setelah gagal membuat jaringan, namun sebaliknya jaringan mereka



BERSAING ... Kementerian Pendidikan muncul sebagai juara Kejohanan Bola Jaring selepas menumpaskan Kementerian Pembangunan 21 - 8 dalam perlawanan akhir di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanali Bolikiah, Berakas. - Gambar oleh Ramli Tengah.

direntap bagaikan pesta oleh Kementerian Pendidikan apabila bolos 6 jaringan lagi.

Terdahulu dari itu dalam perlawanan awal bagi merebut tempat ketiga dan keempat, Jabatan Perdana Menteri telah menunjukkan belangnya apabila berjaya menumpaskan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan jaringan 20 - 18.

Hadir menyaksikan perlawanan akhir dan menyampaikan hadiah kepada pemenang ialah Ketua Pengarah Pendidikan, Pengiran Hajah Hairani.



SELEPAS mencatatkan kemenangan besar ke atas TNB Kelantan minggu lepas, permainan skuad negara kemudian menukarkan dengan hanya seri 1 - 1 dalam pertemuan dengan Johor F.C. di Padang Jabatan Belia dan Sukan di Berakas.

Skuad negara yang memulakan permainan yang cukup baik sebaik saja permainan bermula, berjaya mendahului pasukan pelawat 1 - 0 melalui jaringan Abang Norsillmy Abang Haji Taha yang menerima umpanan rendah dari Viban Francis Bayong.

Jaringan tersebut mengejutkan pasukan pelawat dan bingkis menguasai permainan sepenuhnya melalui beberapa percubaan untuk merapatkan jurang kedudukan.

Bagaimapapun, barisan pertahanan tuan rumah yang diketuai oleh Etuwe Charles Johnson dan penjaga gol Mohd. Wardun Yusof berjaya menggagalkan kesemua percubaan-percubaan tersebut.

Pasukan pelawat sekurang-kurangnya mempunyai lima peluang terbuka

Kejohanan Dart

Oleh Aliddin HM

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 Mei. - Kementerian Kesihatan menganjurkan Kejohanan Dart bagi memilih wakil kementerian berkenaan untuk bertanding di peringkat antara kementerian-kementerian yang akan diadakan dalam tahun ini.

Kejohanan itu juga bagi merebut Piala Yusof yang disumbangkan oleh Awang Yusof bin Amba, Pemangku Pengarah Dasar dan Perancangan, Kementerian Kesihatan yang berlangsung di Kompleks Sukan Hospital RIPAS di sini.

Kejohanan Dart itu

Sukan tahunan Sekolah Menengah PAPHM

RUMAH Melor menjuarai keseluruhan Kejohanan Olahraga Antara Rumah-rumah Ke-11 Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (SMPAPHM) selepas berjaya mengutip 22 pingat di Kompleks Sukan Berakas, 28 April lalu.

Kejohanan itu juga menyaksikan Rumah Teratai selaku naib juara, sementara Rumah Mawar dan Cempaka masing-masing

SKUAD NEGARA SEKAT JOHOR F.C.

Oleh Haji Ahat HI

untuk menjaringkan gol terutama melalui tandukan Idris Abdul Karim dan rembatan Travis Garth Dodd, namun kesemuanya berjaya ditolak keluar oleh penjaga gol tuan rumah.

Selepas gagal mendapatkan sebarang jaringan di separuh masa pertama, pelawat terus melipatgandakan asakan yang hampir membuahkan hasil jaringan selepas bola kawalan Mohd. Wardun terlepas ke arah Walter Silva dan rembatannya melencong keluar.

Kegagalan itu tidak mematikan harapan pendahulu Liga Perdana Kumpulan 'A' itu untuk mendapatkan jaringan sebaliknya mereka berjaya memanfaatkan kesempatan sepakan bebas Idris Abdul Karim untuk menyamakan kedudukan 1 - 1.

Sepakan bebas itu dengan mudah ditanduk masuk oleh tunggak mere-

ka, Walter Silva ke tepi pintu gol tuan rumah tanpa disedari oleh penjaga gol Mohd. Wardun yang menyangka bola keluar.

Jaringan penyamaan itu terus mencetuskan penugasan pasukan pelawat menguasai permainan dan tuan rumah hanya sekali-sekala melakukan serangan melalui Viban Francis Bayong, namun kesemuanya berjaya dipatahkan oleh pasukan pelawat dan kedudukan kekal 1 - 1 hingga permainan tamat.



ABANG Norsillmy Abang Haji Taha (jersey 18) mengejutkan pertahanan Johor F.C. dengan menjaringkan gol pertama tuan rumah dari jarak dekat melalui hantaran Viban Francis Bayong. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



PEMANGKU Pengarah Dasar dan Perancangan, Kementerian Kesihatan, Awang Yusof bin Amba diperkenalkan kepada para peserta. - Gambar oleh Hamadi HM.

telah dirasmikan oleh Pemangku Pengarah Dasar dan Perancangan Kementerian Kesihatan, Awang Yusof.

Sebanyak lapan buah pasukan mengambil bahagian dari seluruh negara

dan setiap pasukan disertai oleh lima orang pemain dan single terbuka disertai oleh 28 orang.

Sistem perlawanan berpasukan itu dijalankan secara Four Some, 2 Single dan 2 Double dengan

kiraan 1,001. Manakala single terbuka pula dengan kiraan 501 best of three.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang dalam Kejohanan Dart itu akan disampaikan kemudian.

Awang Arsad bin Haji Adis yang juga menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang.

Terdahulu, acara dimulakan dengan barisan hormat berjalan lalu yang diikuti dengan bacaan Ikrar Sukan yang dibacakan oleh Ketua Penuntut seterusnya disusuli dengan acara senamrobik beramai-ramai yang disertai oleh semua peserta yang mengambil bahagian.

Oleh Samle HJ

sing menduduki di tempat ketiga.

Peserta dari Rumah Melor, Nuhazamah Hamzah yang memenangi empat pingat emas melalui acara 400m, 800m, 1,500m dan 4 x 400m dipilih menjadi Bintang Sukan bagi Kumpulan B.

Sementara Nurfaridah

Safar pula menjadi Bintang Sukan bagi Kumpulan C selepas merangkul tiga pingat masing-masing diperolehi menerusi dua pingat acara 800m, 1,500m dan pingat gangsa dalam acara lompat tinggi.

Kejohanan tahunan yang mempertandingkan 14 acara padang dan balapan itu telah dibuka rasmi oleh Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan,

Lawatan kerja DPMM ke Mukim Serasa



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima taklimat ringkas mengenai senjata yang dimiliki oleh Pasukan Polis Diraja Brunei ketika DPMM melawat Ibu Pejabat Daerah Polis Muara.

MUARA, 5 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat membuat lawatan kerja ke Mukim Serasa.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia di Sekolah Rendah Sultan Umar 'Ali Saifuddin di sini dijunjung oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan; Setiausaha Tetap Kementerian berkenaan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman; Timbalan Setia-

Oleh
Haji Ahmad HS

usaha Tetap Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ishaaq bin Haji Abdullah; Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara dan Penghulu Mukim Serasa.

Turut hadir semasa keberangkatan lawatan ialah Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar.

Keberangkatan tersebut merupakan siri lawatan Duli Yang Teramat Mulia ke jabatan-jabatan kerajaan, kampung-kampung dan mukim di negara ini.

Majlis keberangkatan itu bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah dan menyusul sembah alu-aluan oleh Penghulu Mukim Serasa, Orang Kaya Bandar Awang Haji Ali yang antara lain menyebarkan mengenai prasarana dan kemudahan-kemudahan awam yang diberikan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang terdapat di Mukim Serasa seperti jalan raya, bekalan elek-

trik, bekalan air bersih, talian telefon dan pantai-pantai perangan.

Dalam sembah alu-aluan itu, Penghulu Mukim Serasa juga menyebarkan bangunan-bangunan kerajaan yang turut didirikan bagi memberikan kemudahan dan perkhidmatan kepada orang ramai iaitu tiga buah masjid, sebuah sekolah menengah, empat buah sekolah rendah, sebuah sekolah agama, 11 buah jabatan-jabatan kerajaan, Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei.

Semasa keberangkatan lawatan kerja itu Duli Yang Teramat Mulia berangkat melawat Sekolah Rendah Sultan Umar 'Ali Saifuddin, Perusahaan Butira, Heidelberg Cement Sendirian Berhad, Jabatan Laut, Jabatan Pelabuhan, Terminal Feri Serasa, Kompleks Pendaratan Ikan, Pasukan Polis Marin, Ibu Pejabat Daerah Polis Muara dan Pasukan Simpanan Kompeni C serta beberapa buah syarikat swasta.

Kehalusan tenunan Brunei diperakui masyarakat antarabangsa

JERUDONG, 3 Jun. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna hari ini berkenan berangkat merasmikan Majlis Sentuhan Benang Emas, Pameran Tekstil Tenunan Brunei bertempat di Empire Hotel and Country Club.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria bersama ahli-ahli jawatankuasa lainnya.

Acara dimulakan dengan sembah alu-aluan Pengarah Muzium-Muzium, Awang Haji Matasim bin Haji Jibah.

Dalam ucapannya beliau menyebarkan usaha kerajinan tangan dalam tenunan, bukan lagi merupakan sebagai kegiatan masa lapang, malah sekarang secara bertahap sudah menjadi salah satu industri perniagaan sederhana SME yang membanggakan di mana para pengusahanya adalah kebanyakan terdiri daripada lepasan penuntut Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei (PLKPTB).

Beliau menambah, sebahagian produk tenunan

Oleh
Siti Aishah HS

dan aksesori berkenaan juga dipasarkan dan dipamerkan di luar negeri melalui ekspo pameran dan promosi perdagangan yang diungkahyahkan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dari masa ke semasa.

Beliau juga menjelaskan bahawa kehalusan tenunan Brunei diperakui oleh masyarakat antarabangsa dan buat pertama kalinya pihak PLKPTB memberikan diri menyertai Pertandingan Seal of Excellence anjuran Persatuan Pertukangan Tangan Promosi ASEAN dan Pembangunan (AH-PADA-UNESCO) pada tahun 2002, di mana kain jongsarat keluaran PLKPTB menerima anugerah berkenaan dan pada tahun berikutnya produk tenunan lain, selendang juga menerima anugerah yang sama.

Pameran selama tiga hari itu adalah diungkahyahkan bersempena salah satu acara keraian sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-20, antara lain dihasratkan akan dapat memartabatkan tenunan Brunei dan aksesori melalui pelba-

gai promosi dari masa ke semasa, bahkan menjadi hasrat pihak PLKPTB untuk membantu para syarikat berkenaan mempromosikan produk keluaran masing-masing baik di dalam dan luar negara.

Acara diteruskan dengan peragaan pakaian dan pameran aksesori oleh para pereka fesyen dan pereka bentuk melalui daya kreativiti dan reka bentuk menarik, mampu untuk pelbagai kegunaan baik untuk pakaian, hiasan

dalam rumah hingga sebagai cenderamata dan aksesori perhiasan yang lain.

Majlis diselenggarakan dengan pelancaran Buku Panduan Pengusaha Kraf Tangan Negara Brunei Darussalam yang disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Hadir sama di majlis itu, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran

Anak Haji Abdul Aziz; Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria; Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan para pegawai serta kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna ketika menyaksikan Pameran Tekstil Tenunan Brunei sejour merasmikan pelancaran Buku Panduan Pengusaha Kraf Tangan Negara Brunei Darussalam di majlis tersebut. - Gambar oleh Halim HS.

Kempen 30 Hari Tanpa Rokok

Dari muka 1

Selain dari itu, kesan tembakau juga boleh mengakibatkan kematian ketika mereka masih produktif untuk memberi sumbangan terhadap ekonomi negara. Jelas sekali, penggunaan tembakau bukan saja menjejaskan kesihatan, tetapi juga dari segi kewangan, ekonomi, sosial, beban penyakit dan sebagainya terhadap individu dan negara.

Yang Berhormat menjelaskan bahawa menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, negara-negara yang sedang membangun akan menanggung beban yang disebabkan oleh 'wabak tembakau'. Walaupun penggunaan tembakau telah menurun di kebanyakan negara-negara yang berpendapatan tinggi, ianya didapati meningkat dengan cepat di

negara-negara yang berpendapatan rendah dan sederhana. Hampir 60 peratus dari 5.7 bilion rokok yang digunakan setiap tahun dan 75 peratus dari pengguna tembakau adalah dari negara-negara yang sedang membangun.

Kesan tembakau sebagai penyebab kematian dan penyakit memang telah terbukti. Walau bagaimanapun, tambah Yang Berhormat, perhatian tidak diberikan terhadap kesan tembakau kepada meningkatnya kemiskinan, umpamanya, keluarga yang miskin yang mempunyai sumber pendapatan yang terhad seharusnya mengunakannya untuk keperluan yang lebih penting, seperti persekolahan dan makanan dan bukan untuk tembakau.

هيدوف صحاح تنف روكوك
HIDUP SIHAT TANPA ROKOK

دربيتكن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن كراجان، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Lawatan kerja DPMM ke Mukim Gadong

GADONG, 2 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat meneruskan siri keberangkatan lawatan kerja ke Mukim Gadong.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Sekolah Agama Beribi, Gadong dijunjung oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan; Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Haji Abdul

Rahman; Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Sheikh Haji Adnan; Pegawai Daerah Brunei Muara dan Penghulu Mukim Gadong.

Turut hadir semasa keberangkatan lawatan tersebut ialah Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Kementerian Kesihatan dan Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu

Liputan Siti Aishah Hj. Selamat
Gambar-gambar oleh
Harun HR dan Hj. Masmaleh HMA

Bakar serta pegawai-pegawai kerajaan lainnya.

Atur cara lawatan ke Mukim Gadong didahului dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Penolong Guru Besar Sekolah Agama Beribi, Awang Haji Suhaimi bin Haji Osman, diikuti sembah alu-aluan Penghulu Mukim Gadong, Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Dalam sembah alu-aluannya beliau menyebarkan menjunjung kasih di atas keberangkatan DPMM ke mukim berkenaan, yang sudah setentunya menjadi ristaan keemasan dan kenangan abadi kepada penduduk setempat, di samping untuk mengenali dengan lebih dekat perkembangan dan kehidupan penduduk-penduduk sekitarnya.

Beliau menambah, Mukim Gadong adalah salah sebuah daripada 17 buah mukim yang terdapat di Daerah Brunei-Muara, bersempadan dengan Bandar Seri Begawan mempunyai keluasan kira-

kira 67 kilometer persegi. Terdapat 20 buah kampung di dalamnya, mempunyai seorang penghulu dan 10 orang ketua kampung manakala penduduknya berbilang bangsa dan ugama dengan keramaian kira-kira 61,946 orang.

Beliau antara lain menjelaskan, sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1984, Mukim Gadong merupakan salah sebuah mukim yang paling pesat membangun, dilengkapi secukupnya dengan prasarana kemudahan-kemudahan asas, di samping terdapat di dalamnya kawasan-kawasan perindustrian yang dimajukan.

DPMM juga berkenan menanam seponon pokok sempena keberangkatan ke sekolah berkenaan sebelum dijunjung meninjau secara lebih dekat bilik-bilik darjah dan kemudahan-kemudahan di sekolah ugama berkenaan, di samping disebarkan penerangan oleh guru besar dan guru-guru mengenai perkembangan dan pencapaian sekolah. Di akhir lawatan, DPMM berkenan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah semasa berkenan berangkat meneruskan siri keberangkatan lawatan kerja ke Mukim Gadong.

beramah mesra bersama guru-guru dan murid-murid di sekolah tersebut.

Sebagai memperingati keberangkatan DPMM, sebuah syarikat penjual kenderaan bermotor Maju Motors Sendirian Berhad menyumbangkan derma kewangan berjumlah \$10,000.00 kepada Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA), diselajurkan dengan perasmian bilik pameran syarikat berkenaan.

Cek sumbangan itu diserahkan oleh wakil syarikat tersebut ke hadapan majlis DPMM dan seterusnya menyerahkan cek berkenaan kepada Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Sura Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abas bin Haji Serudin selaku wakil

DANA. DPMM berkenan untuk melihat secara lebih dekat kemudahan bengkel dan peralatan yang disediakan oleh syarikat tersebut sebagai perkhidmatan pasca jualan.

DPMM seterusnya dijunjung berangkat ke Kompleks Perindustrian Beribi II, bagi meninjau secara dekat lagi aktiviti-aktiviti perusahaan dan perniagaan di beberapa buah syarikat swasta yang beroperasi di tapak tersebut.

Keberangkatan DPMM dijunjung oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Idris dan pegawai-pegawai Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA).

Lihat muka 16



KEPRIHATINAN Duli Yang Teramat Mulia semasa meninjau lebih dekat lagi ke bilik-bilik darjah Sekolah Agama Beribi.



PENYERAHAN cek untuk Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim yang diserahkan oleh wakil syarikat Maju Motors Sendirian Berhad ke hadapan majlis DPMM.



PERUSAHAAN produk makanan tempatan turut menjadi perhatian Duli Yang Teramat Mulia bertempat di Kompleks Perindustrian Beribi I.



BILIK Kawalan Utama, Kompleks Janakuasa Perkhidmatan Elektrik Gadong juga menjadi perhatian Duli Yang Teramat Mulia.

Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

KEREMAJAAN ADALAH SATU TEMPOH KERISAUAN DAN KETEGANGAN

SHARIFAH Alwiah Alsagoff (1987 : 126) menyatakan bahawa remaja ialah 'tempoh masa yang berlangsung dari kira-kira dua belas tahun hingga ke akhir belasan tahun atau awal dua puluhan.' Pada peringkat ini, mereka dikatakan telah meninggalkan ciri-ciri keanak-anakan apabila mereka mencapai peringkat akil baligh dan telah menjadi seorang yang mempunyai kematangan dari segi rohani, jasmani, intelek dan sosial. Kematangan tersebut menyebabkan mereka ingin mendapatkan kebebasan yang sebanyak mungkin dan seterusnya menunjukkan keidentitian yang tersendiri (Mohd. Salleh Lebar, 1995 : 97-99). Berdasarkan definisi ini, memang benar bahawa keremajaan merupakan satu tempoh kerisauan dan ketegangan kerana remaja biasanya akan menghadapi berbagai-bagai konflik dalam diri sendiri.

MENGAPA KEREMAJAAN ADALAH SATU TEMPOH KERISAUAN DAN KETEGANGAN?

Spielberger, 1972 (dlm. Rohaty Mohd. Majzub, 1992 : 148) menyatakan kerisauan adalah keadaan emosi negatif yang timbul apabila individu berasa tegang, khuatir dan susah hati. Dari segi pandangan Islam, kerisauan itu timbul kerana ketidakpastian mengenai masa hadapan individu. Manakala teori kemanusiaan menekankan bahawa individu risau kerana berasa takut mengenai masa depannya (Rohaty Mohd. Majzub, 1992 : 149). Ini boleh dikaitkan dengan teori Robert Havighurst (Mohd. Salleh Lebar : 1995 : 110) yang menyatakan bahawa remaja sudah mula memikirkan untuk memilih sesuatu pekerjaan (berkaitan dengan masa depan).

Dalam hal ini, sudah tentu wujud kerisauan di kalangan remaja dalam memilih kursus yang ingi diikuti di maktab-maktab, universiti, memilih sesuatu pekerjaan yang diminatinya dan sebagainya. Ini adalah kerana akan wujud pertentangan antara remaja dan ibu bapa kerana terdapat ibu bapa yang tidak bersetuju pada kursus dan kerjaya yang dipilih oleh remaja. Dengan itu, timbul konflik antara ibu bapa dan remaja yang boleh menyebabkan ketegangan. Oleh itu, jelas keremajaan adalah satu tempoh kerisauan dan ketegangan.

Selain itu, konflik yang sering dihadapi oleh para remaja ialah krisis identiti kerana mereka ingin membentuk sahsiah mereka sendiri sebagai seorang remaja yang inginkan kebebasan. Dalam mencari identiti, remaja mudah terikut-ikut dengan idola mereka sama ada dari segi berpakaian atau penampilan. Pada peringkat ini, remaja boleh dianggap dalam proses bereksperimen kerana mereka bebas untuk membina identiti sendiri, dan mereka ingin melihat dan meniru karektor yang sesuai dengan keperibadian mereka sebagai remaja.

Oleh itu, remaja akan berasa risau jika penampilan mereka itu tidak diterima secara positif oleh masyarakat. Di sini, timbul ketegangan untuk memenuhi kemahuan masyarakat dan juga kepuasan remaja itu sendiri. Ini boleh menyebabkan remaja tersebut berasa malu dan kurang yakin untuk berhadapan dengan masyarakat mahupun rakan sebaya.

Kerisauan dan ketegangan juga boleh berlaku dalam pemilihan rakan sebaya. Remaja amat rapat dengan rakan sebayanya. Oleh itu, rakan sebaya banyak mempengaruhi pembentukan sikap dan tingkah laku seseorang remaja itu. Remaja biasanya berfikir sama ada dia sesuai untuk bergaul dengan rakan yang lain. Mereka akan risau dalam memilih rakan sebaya kerana mereka khuatir tidak dapat menyesuaikan diri dengan kehendak sesuatu kumpulan rakan sebaya itu. Oleh itu, timbul pelbagai persoalan dalam diri remaja seperti adakah orang lain akan menerima dirinya dan sebagainya.

Akhirnya, kerisauan ini akan membawa kepada ketegangan kerana untuk menyertai satu-satu kelompok rakan

OLEH PUTIH EHW

sebaya, remaja itu mestilah menyesuaikan diri dengan kehendak kelompok itu. Jika remaja itu gagal menyesuaikan diri dalam kelompoknya, mungkin dia akan disisihkan. Ini dapat disokong oleh pendapat Robert Havighurst yang menyatakan bahawa jika seseorang individu (remaja) berjaya mencapai tugas perkembangannya, bererti mereka akan berasa gembira. Selain itu, ia juga akan memudahkan kejayaan pada tugas perkembangan yang selanjutnya. Sementara kegagalan dalam tugas perkembangan akan membawa kepada kekecewaan pada remaja. Kekecewaan itu pula tentu akan mendatangkan kerisauan dan menyebabkan emosinya terganggu seperti stress. Oleh itu, remaja perlu menunjukkan tingkah laku yang sesuai mengikut selera atau cita rasa kumpulannya agar dia tidak tersisih.

Remaja amat sensitif dan risau pada perubahan badan dan imej sendiri. Remaja dikatakan sudah dapat menerima bentuk tubuh badan mereka tetapi biasanya akan mudah sensitif dengan bentuk tubuh mereka itu. Hal ini adalah disebabkan remaja selalu beranggapan bahawa segala yang ada pada diri mereka akan sentiasa menjadi perhatian masyarakat. Oleh itu, mereka akan cuba berusaha agar kelihatan menarik dan menjadi tumpuan rakan-rakannya. Sekiranya dalam kelompoknya itu terdiri daripada mereka yang mempunyai tubuh badan yang menarik (terutamanya remaja perempuan), sudah pasti dia juga berkeinginan untuk mempunyai tubuh badan yang menarik.

Dalam hal ini, remaja akan menjadi risau dan mula berfikir adakah dia sesuai untuk berada dalam kelompok itu atau sebaliknya? Pertanyaan seperti ini akan sentiasa bermain di fikirannya dan sukar untuknya membuat keputusan sehingga akhirnya dia mula mengasingkan dirinya daripada rakan-rakannya. Dalam hal ini, kita sudah tahu akan timbul masalah masalah emosi pada diri remaja itu. Ditambah pula jika ada rakan-rakan yang menyisihkannya kerana bentuk badan yang tidak menarik. Ini sudah pasti menimbulkan perasaan malu, gelisah, curiga, risau dan seterusnya stress dan akhirnya ketegangan berlaku tentang bagaimana mengatasi masalah yang dihadapi. Kadang-kadang timbul masalah dalam mengatasi masalah fizikal remaja seperti kesan diet yang keterlaluan sehingga menyebabkan penyakit *bulimia* dan *anorexia*.

Hal seperti ini berlaku dalam beberapa tahun di Negara Brunei Darussalam sendiri, seorang remaja perempuan disahkan mengidap penyakit *anorexia* kerana telah mengamalkan diet yang keterlaluan iaitu memuntahkan semula makanan yang dimakannya. Salah satu faktor ini terjadi adalah disebabkan remaja itu menganggap dirinya tidak setanding dengan remaja perempuan yang lain. Dia melihat dirinya serba kekurangan begitu juga dengan masyarakat di sekelilingnya. Remaja tersebut beranggapan bahawa masyarakat melihatnya tidak mempunyai personaliti yang menarik. Hal ini telah menimbulkan kerisauan terhadap dirinya sehingga mengambil keputusan sedemikian rupa. Remaja tadi telah tidak mempunyai harapan untuk hidup lagi. Berpanduan masalah ini, sudah cukup untuk membuktikan bahawa peringkat keremajaan merupakan satu tempoh kerisauan dan ketegangan.

Teori Sigmund Freud membahagikan perkembangan personaliti manusia itu kepada tiga bahagian, iaitu *id*, *ego* dan *superego* (dml. Mok Soon Sang, 2001 : 23). Berdasarkan teori ini, remaja mempunyai keinginan yang kuat dan tinggi untuk melakukan sesuatu kerana didorong oleh *id*. Kadang kala, kelakuan seseorang remaja itu tidak dapat diterima oleh kelompok rakan sebayanya dan sudah pasti dia akan disingkirkan. Remaja hanya inginkan kepuasan dalam pergaulan sehari-hari tanpa memikirkan kesan positif atau negatif.

Oleh itu, remaja akan sentiasa bertindak terburu-buru tanpa berfikir dan ini boleh menyebabkan dirinya tersisih daripada rakan sebayanya. Remaja tidak dapat lari dari mengalami konflik dalam dirinya dan rakan sebayanya. Misalnya, sikap permusuhan sesama rakan sebaya cepat

wujud sehingga membawa rasa bersalah dan risau terhadap remaja itu sendiri. Ini bertitik tolak daripada jauhnya *superego* berkuasa terhadap *id* dan *ego*. Misalnya, remaja selalu naik darah tanpa memikirkan perasaan rakannya kerana ingin memuaskan dan mengikut kehendak *id*.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, memang benar bahawa keremajaan itu merupakan satu tempoh kerisauan dan ketegangan kerana terdapat beberapa faktor yang menyokong pendapat ini. Antaranya ialah berdasarkan beberapa teori seperti teori Robert Havighurst dan teori Sigmund Freud. Teori Robert Havighurst ada menyatakan remaja sudah mula memikirkan pekerjaan. Oleh itu, timbul kerisauan dan ketegangan antara remaja dan ibu bapa dalam pemilihan pekerjaan ini. Berdasarkan teori Sigmund Freud, perkembangan personaliti itu terbahagi kepada tiga iaitu *id*, *ego* dan *superego*. Dalam hal ini, remaja selalu mengikut atau memuaskan kehendak *id*. Oleh itu, akan timbul ketegangan antara remaja dengan keluarga, rakan sebaya dan lain-lain.

Selain itu, konflik yang sering dihadapi oleh para remaja ialah krisis identiti kerana mereka ingin membentuk sahsiah mereka sendiri sebagai seorang remaja yang inginkan kebebasan. Dalam hal ini, timbul kerisauan dan ketegangan untuk memenuhi kemahuan masyarakat dan juga kepuasan remaja itu sendiri. Kerisauan dan ketegangan juga boleh berlaku dalam pemilihan rakan sebaya kerana remaja risau dia tidak dapat menyesuaikan diri dalam kumpulannya dan menyebabkannya tersisih. Selain itu, remaja juga amat risau dan sensitif pada perubahan badan dan imej sendiri.

Melalui pergaulan sosial dengan masyarakat juga boleh menyebabkan timbulnya konflik dalam diri remaja. Dalam situasi ini, remaja beranggapan bahawa mereka mampu melakukan semua perkara yang dilakukan oleh masyarakat sekeliling. Tetapi remaja mudah merasa risau

apabila berada di tengah-tengah masyarakat kerana mereka perlu menyesuaikan diri dengan suasana dan keadaan. Apatah lagi berhadapan dengan masyarakat yang berbilang kaum, budaya dan agama boleh menyebabkan salah faham. Di sini timbul ketegangan untuk berhadapan dengan masyarakat dan akan sentiasa berada dalam kebimbangan yang menyebabkan remaja tersebut merasakan bahawa kewujudan mereka tidak diperlukan.

BIBLIOGRAFI

- Ah Meng, Ee. 2002. *Psikologi Pendidikan 1: Psikologi Perkembangan (Semester 1)*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Chee Yee, Tang. 1990. *Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- F.J. Monks, A.M.P. Knoers & Siti Rahayu Haditono. 1985. *Psikologi Perkembangan*. Yogyakarta : Gadjah Mada University Press.
- Manja Mohd. Ludin. 1990. *Psikologi, Sosiologi dan Falsafah Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 1994. *Asas Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Noran Fauziah Yaakub (Penterjemah). 1994. *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohaty Mohd. Majzub. 1992. *Psikologi Perkembangan Untuk Bakal Guru*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sanapiah Faisal dan Nur Yasik. *Sosiologi Pendidikan*. Usaha Nasional, Surabaya, Indonesia.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. 1987. *Psikologi Pendidikan 1*. Petaling Jaya : Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Soon Sang, Mok. 2001. *Psikologi Pendidikan Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 1*. Subang Jaya : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

PERATURAN RUANGAN SASTERA DAN BUDAYA

SUKACITA menarik perhatian kepada penulis-penulis yang ingin menghantar rencana mengenai Sastera dan Budaya untuk terbitan akhbar PELITA BRUNEI supaya akan dapat mematuhi peraturan-peraturan berikut:

1. Rencana hendaklah dialamatkan kepada :
PENERBIT SASTERA DAN BUDAYA,
BAHAGIAN AKHBAR,
TINGKAT 2, JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS BB 3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
2. Rencana mestilah ditaip dengan jarak dua (2) langkau (double spacing) dalam bahasa Melayu menggunakan ejaan rumi baru.
3. Rencana hendaklah dihantar/dikirim ke alamat di atas dalam disket komputer. Walau bagaimanapun gambar-gambar, lukisan, ilustrasi atau grafik boleh disertakan secara berasingan jika perlu.
4. Rencana tulisan tangan tidak akan diterima.
5. Penulis hendaklah menyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan alamat bank, alamat penuh, nombor telefon dan nama samaran (jika ada).
6. Rencana yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini tidak akan dilayan.

KONFLIK yang sering dihadapi oleh para remaja ialah krisis identiti kerana mereka ingin membentuk sahsiah mereka sendiri sebagai seorang remaja yang inginkan kebebasan. Dalam mencari identiti, remaja mudah terikut-ikut dengan idola mereka sama ada dari segi berpakaian atau penampilan.

وقت ۲ سبھج باگي دائره توتوغ دقمه ساتو مينيت دان دائره بلايت دشبه نيگ مينيت، سبھج فرض جمعة دسلوروو نكارا برونني دارالسلام دملای دوي فوکل 12.45 نغھاري.

Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda.

ORANG yang ingin mencapai kesempurnaan iman tentu sekali tidak mahu terlalai atau dilalaikan oleh sesuatu daripada berzikir dan berdoa. Zikir dan doa yang dipanjatkan kepada Allah merupakan ibadat dan sumber keberkatan dan kebaikan di dunia dan di akhirat.

DORONGAN MELAKUKAN ZIKIR

Banyak dalil-dalil syarak yang menjelaskan tentang dorongan melakukan zikir, antaranya firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Oleh itu, berzikirlah (ingatlah) kamu kepada Aku, nescaya Aku akan mengingati kamu sekalian; dan bersyukurlah kamu kepada Aku dan janganlah kamu kufur (akan nikmat-Ku)." (Surah Al-Baqarah, ayat 152).

Firman Allah Taala di dalam ayat yang lain yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya; dan bertiasbihlah kamu kepada-Nya pada waktu pagi dan petang." (Surah Al-Ahzab, ayat 41-42).

Di dalam ayat yang lain lagi yang tafsirnya:

"Dan sebutlah serta ingatlah akan Tuhanmu di dalam hatimu, dengan merendah diri serta de-


ngan perasaan takut (melanggar perintah-Nya), dan dengan tidak pula menyaringkan suara, pada waktu pagi dan petang. Dan janganlah engkau menjadi dari orang-orang yang lalai." (Surah Al-A'raf, ayat 205).

DORONGAN BERDOA

Doa pula adalah termasuk dalam kategori zikir. Allah Subhanahu Wataala memerintahkan hamba-hamba-Nya supaya memohon atau meminta dengan berdoa kepada-Nya; segala hajat dunia dan akhirat sebagaimana firman-Nya yang tafsirnya:

"Dan Tuhan kamu berfirman: Dan berdoa-lah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu." (Surah Al-Mukmin, ayat 60).

Firman Allah Taala di dalam ayat yang lain



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail: mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

yang tafsirnya:

"Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan (dengan suara) perlahan-lahan." (Surah Al-A'raf, ayat 55).

Di samping itu, zikir dan doa selain dilakukan secara berseorangan ianya juga boleh dilakukan secara beramai-ramai atau berjemaah. Terdapat beberapa dalil yang menyebutkan secara khusus tentang kelebihan berzikir secara beramai-

ELOKKAN TEMPAT DAN SUASANA BERDOA SERTA BERZIKIR

Bilangan 182 Bahagian Pertama

mereka itu kepada sesiapa yang berada di sisi-Nya." (Hadis riwayat Muslim).

Daripada hadis di atas, jelas bahawa orang yang berkumpul pada majlis zikir memperoleh empat keistimewaan yang tidak dimiliki oleh orang lain, iaitu Malaikat rahmat turun mendampingi, rahmat meliputinya, ketenangan menyelubunginya dan namanya akan disebut-sebut Allah di kalangan makhluk-makhluk yang berada di sisi-Nya.

KEMULIAAN ZIKIR MESTI DIPELIHARA

Oleh kerana doa dan zikir itu adalah ibadat di mana seseorang hamba bermunajat kepada Tuhan-Nya Allah 'Azzawajalla, maka perlulah dipelihara dan diambil perhatian dengan bersungguh-sungguh

segala adab-adabnya demi memelihara kemuliaan, kehormatan zikir dan doa itu supaya mudah diterima dan dimakbulkan.

Salah satu adab yang perlu diberi perhatian dengan sungguh-sungguh ialah tempat dan suasana berzikir serta berdoa itu sendiri hendaklah dipilih pada tempat dan suasana yang elok, yang sesuai dengan kemuliaannya.

Dalam hal ini, Al-Imam An-Nawawi Rahimahullah Taala ada menjelaskan, semestinya tempat berzikir itu bersih dan tenang daripada sebarang gangguan, kerana yang demikian itu lebih diberi perhatian demi menjaga kemuliaan zikir dan lebih lagi kemuliaan yang diingati iaitu Allah Subhanahu Wataala. Oleh itu,

berzikir di masjid dan di tempat-tempat yang mulia adalah suatu yang terpuji. Al-Imam Al-Jalil Abu Maisarah Radiallahuanhu berkata yang maksudnya:

"Tidak disebut nama Allah Taala kecuali pada tempat yang baik."

Menurut Ibnu 'Allan, apa yang dimaksudkan dengan 'tempat yang baik' itu ialah tempat yang bebas daripada perkara syubhah (yang tidak jelas halal dan haramnya), apatah lagi yang diharamkan yang boleh mengganggu gugat hati orang yang berzikir, lebih-lebih lagi perkara-perkara yang mendatangkan dosa. (Al-Futuhaat ar-Rabbaniyyah 'ala al-Azkar an-Nawawiyyah 1/142)

Bersambung

BERZIKIR mengingat Allah Subhanahu Wataala tidak ditentukan tempatnya dan masanya, akan tetapi dituntut dalam setiap keadaan, setiap waktu dan setiap masa. Tetapi pada masa kini, dengan kecanggihan teknologi menuntut manusia yang agresif dan berinovatif sehingga sesetengah golongan ada yang tidak ambil peduli dan ada yang beralasan kesibukan dunia hari ini menghalang mereka untuk berzikir. Di samping itu ada yang beranggapan bahawa berzikir itu hanya merupakan satu perkara biasa sahaja dan tidak mempunyai kelebihan atau fadilatnya. Maka dengan itu timbullah sikap iaitu mahu berzikir pun boleh dan tidak mahu berzikir pun tidak apa.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Munaafiqun ayat 9 yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu dilalaikan oleh (urusan) harta benda kamu dan anak-pinak kamu daripada mengingati Allah (dengan menjalankan perintah-Nya). Dan (ingatlah)

sesiapa yang melakukan demikian, maka mereka itulah orang-orang yang rugi."

Zikir terbahagi kepada tiga bahagian iaitu lidah, hati dan anggota badan. Berzikir dengan lidah dapat dilakukan dengan mengucap kalimah-kalimah yang menyucikan Allah seperti memuliakan,

Mengingati Allah dengan berzikir

membesarkan dan memuji-Nya.

Berzikir dengan hati ialah dengan cara bertafakur (merenung dan memikirkan) tanda dan bukti kewujudan-Nya dan keesaan-Nya. Berfikir mengenai kebijaksanaan-Nya, mengenai janji seksa dan janji balasan kebaikan. Dengan cara seperti itu, akan mudahlah seseorang hamba taat kepada Tuhan dan menjauhkan diri daripada maksiat.

Manakala berzikir dengan anggota badan ialah dengan sentiasa memperbuat perkara-perkara yang disuruh serta menjauhkan diri daripada semua yang diharamkan dan yang mungkar.

Ketiga-tiga unsur ini iaitu lidah, hati dan anggota badan harus disatukan dalam zikir supaya ia benar-benar menjadi

zikrullah yang dimaksudkan seperti ketika melakukan ibadah sembahyang, ianya diisi dengan zikrullah iaitu ketika takbiratul-ihram, lidah menyebut kalimah 'Allahuakbar'. Hati menghayati kebesaran dan keagungan Allah dan anggota tubuh melakukan gerakan sebagaimana diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Zikir mempunyai hikmah tersendiri, barang siapa melazimkan diri dengan berzikir mengingat Allah Subhanahu Wataala akan mendatangkan kedamaian, ketenangan, kegembiraan dan kelapangan dalam hati, ia juga akan menghilangkan ketakutan dan ketegangan jiwa seperti yang dinyatakan dalam firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ar-Ra'd ayat 28 yang

tafsirnya:

"Ingatlah dengan zikrullah itu damailah hati."

Di samping itu juga akan dapat mensucikan jiwa dan membersihkan hati daripada karat-marat dosa dan penyakit batin serta mengusir was-was dan bisikan-bisikan syaitan dan dorongan hawa nafsu seperti yang dijelaskan dalam firman Allah Subhanahu Wataala dalam surah Al-A'araaf ayat 201, yang tafsirannya:

"Sesungguhnya

متوجوكرىضان الله
Menuju Keredaan Allah
كلولان قوسه دعوه اسلاميه

orang-orang yang ber-taqwa, apabila mereka disentuh oleh sesuatu imbasan hasutan dari syaitan, mereka ingat (kepada ajaran Allah), maka dengan itu mereka nampak (jalan yang benar).

Dalam sebuah hadis Qudsi dari Abu Darda Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, Allah Subhanahu Wataala berfirman yang tafsirnya:

"Aku ada bersama hamba-Ku ketika dia

mengingati-Ku dan bergerak kedua bibirnya (untuk mengingati-Ku)." Riwayat Abu Daud.

Jadi rebutlah peluang ini, ia adalah hubungan roh antara hamba dengan Tuhan, tanpa zikir manusia tidak akan merasa kehadiran Allah Subhanahu Wataala dalam jiwanya. Dengan berzikir bukan hanya pahala akhirat yang diperolehi tetapi kesan baik dan kuntungannya sudah dapat dirasakan ketika di dunia.

ZIKIR mempunyai hikmah tersendiri, barang siapa melazimkan diri dengan berzikir mengingat Allah Subhanahu Wataala akan mendatangkan kedamaian, ketenangan, kegembiraan dan kelapangan dalam hati, ia juga akan menghilangkan ketakutan dan ketegangan jiwa.

BERZIKIR dengan hati ialah dengan cara bertafakur (merenung dan memikirkan) tanda dan bukti kewujudan-Nya dan keesaan-Nya. Berfikir mengenai kebijaksanaan-Nya, mengenai janji seksa dan janji balasan kebaikan. Dengan cara seperti itu, akan mudahlah seseorang hamba taat kepada Tuhan dan menjauhkan diri daripada maksiat.



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi menyampaikan pingat kepada seorang anggota ABDB. - Gambar oleh Ramil Tengah.

78 anggota ABDB terima pingat

Oleh
Siti Aishah HS

BERAKAS, 28 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menganugerahkan Pingat Kerja Lama dan Perangai Baik (Tentera) kepada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Majlis Penganugerahan Pingat-pingat yang berlangsung di Padang Kawad Berakas Garrison telah disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi.

Terdahulu dari itu, Pemerintah ABDB dalam

ucapannya berkata, untuk mendapatkan penganugerahan Pingat Kerja Lama dan Perangai Baik (Tentera) bukanlah sesuatu yang mudah, malahan seseorang anggota mestilah mencapai 18 tahun perkhidmatan yang bersih dan berkualiti di dalam ABDB.

Dalam kata lain, tamahnya, penganugerahan pingat adalah penghormatan, penghargaan dan pengiktirafan yang sangat bernilai tinggi dan penuh bermakna kepada penerimanya.

Di majlis itu, Yang Dimuliakan juga menyentuh mengenai prestasi dan disiplin di mana, jelasnya, dalam kita menghukum yang salah, kita juga tidak boleh lupa untuk memberi

pengiktirafan kepada yang benar-benar telah menyumbang dan berkorban bagi kebaikan ABDB.

"Perkara ini mungkin nampak seolah-olah sudah jelas atau 'obvious', akan tetapi adalah baik untuk kita saling mengingati akan perkara ini dari masa ke semasa kerana kita makhluk yang mudah lupa," ujarnya.

Menurutnya jika diteliti daripada sudut yang lain pula, bukanlah maksud kita berkhidmat di dalam ABDB semata-mata mendapatkan dan mengumpul pengiktirafan dan ganjaran demi ganjaran sehingga kita lupa apa tujuan utama kita untuk berkhidmat.

"Setiap kita mempunyai tanggungjawab baik dari peringkat bawah hinggalah kepada peringkat kepimpinan. Manakala itu setiap pemimpin pula adalah dipertanggungjawabkan ang-

gota yang dipimpinannya. Oleh yang demikian di sebagai kita memikirkan dan cuba terdapatnya ganjaran di alam nyata ini, kita harus juga sentiasa ingat akan terdapatnya ganjaran hakiki yang hanya Allah Subhanahu Wataala sahaja yang dapat menganugerahkan sebarangnya," katanya.

Oleh itu, tegasnya, semua anggota harus merasa yakin bahawa jika seseorang itu memberi pengorbanan dalam bertugas dengan penuh keikhlasan ke arah kebaikan, maka ganjaran pasti akan diterima, walaupun bukan di alam nyata yang fana ini.

Seramai 29 orang pegawai, 41 anggota lain-lain pangkat dan lapan orang Askar Wanita ABDB termasuk dua orang yang sudah bersara menerima anugerah Pingat Kerja Lama dan Perangai Baik (Tentera).

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Mei. - Tenaga manusia yang berkelayakan dan berkemahiran adalah aset penting dalam pembangunan negara. Menyedari akan hal ini dan juga terdapatnya penuntut-penuntut persendirian yang berpotensi dan memerlukan bantuan demi untuk menamatkan pengajian mereka, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) hari ini telah memberikan bantuan berupa kewangan kepada dua orang penuntut persendirian yang terdiri

YSHHB hulur bantuan

Oleh
Hj. Ahmad HS

rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menuntut tahun akhir di seberang laut.

Penyerahan bantuan kewangan kepada penuntut-penuntut itu disempur-

nakan oleh Pengarah Urusan YSHHB, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Haji Awang Abdul Ghani.

Para penerima terdiri daripada Dayang Hajah Kartini binti Haji Bakar yang merupakan pelajar tahun akhir peringkat ijazah pertama (BA) dalam jurusan Syariah Islamiah di Universiti Al-Azhar, Kahe-

Hajah Kathy Katherinah Zeimah bin Haji Ibrahim, penuntut tahun akhir peringkat ijazah pertama (BA Hons) dalam jurusan 'International Relation & Politics' di London Metropolitan University, United Kingdom, England.

Juga hadir di majlis itu ialah Pengarah Eksekutif YSHHB, Penolong Pengarah Urusan YSHHB, sebahagian pegawai-pegawai kerajaan dan YSHHB.

Tabung Insaniah Mangsa Gempa Bumi Iran terima sumbangan

Oleh Abdullah Asgar

BERAKAS, 12 Mei. - Tabung Insaniah Mangsa Gempa Bumi Iran terus menerima sumbangan dan derma oleh pelbagai pihak untuk sama-sama mengisi dan menambah tabung berkenaan.

Sejauh ini tabung tersebut telah menerima lebih dari B\$18,000.00 sejak mula ditubuhkan pada bulan Mac lalu di mana pada hari ini tabung tersebut menerima empat sumbangan derma dari empat penderma.

Kelab Lion Bandar Seri Begawan menyumbang \$1,000.00 yang disampaikan oleh Presidenya, Awang John Suffolk; Persekutuan Guru-Guru Melaju Brunei (PGMB) menyumbang \$586.00 disampaikan oleh Setiausaha Agung PGMB, Awang Abdul Halim bin Haji Othman; Brunei LNG Sendirian Berhad menderma \$5,142.00 disampaikan oleh Pemangku Pengarah Urusannya, Awang Haji Mohd. Said Ahmad dan Persatuan Wanita Brunei Shell mendermakan \$1,000.00 yang disampaikan oleh Yang Dipertuanya, Datin Paduka Hajah Hayati dan sebuah kelab antarabangsa menderma \$1,000.00

Majlis serah terima semua sumbangan derma berlangsung di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah diterima oleh Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal.

Juga menyaksikan majlis tersebut termasuklah pegawai-pegawai kanan KKBS dan penyumbang serta penderma.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal menerima sumbangan derma oleh Setiausaha Agung PGMB, Awang Haji Abdul Halim bin Haji Othman. - Gambar oleh Hamadi HM.

Forum keugamaan di Masjid Kampong Junjongan

AHLI Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Junjongan buat julung kalinya telah mengadakan forum keugamaan sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam 1425H/2004M pada 13 Mei lepas.

Majlis Forum yang berlangsung di Masjid Kampong Junjongan, Mukim Pengkalan Batu antara lain bertujuan untuk memberikan kesedaran dan peringatan mengenai pentingnya memelihara sembahyang lima waktu, di samping menambah sema-

ngat untuk mendirikan solat secara berjemaah.

Dua orang panel telah diundang bagi menyempurnakan Majlis Forum yang dipengerusikan oleh Pengiran Haji Metassan bin Pengiran Bakar. Ahli-ahli panel tersebut terdiri Pengarah dari Universiti Brunei Darussalam, Ustaz Dr. Haji Maimon Aqsa dan Tuan Imam Haji Sheikh Edham bin Haji Sheikh Nikman.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Ismail

bin Haji Abdul Manaf.

Forum tersebut juga dihadiri oleh para pegawai Angkatan Bersenjata Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Perkhidmatan Bomba, Persatuan Jururawat, Jabatan Penjara dan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan serta Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

Majlis bertujuan untuk menjana semangat kejiwaan dan ukhuwah sesama Muslim serta menyebarkan ajaran lagi syiar Islam sejagat.



PENGARAH Urusan YSHHB, YDM Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Haji Awang Abdul Ghani semasa menyempurnakan penyerahan bantuan kewangan kepada seorang pelajar. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.



PERSATUAN Wanita Brunei Shell adalah antara yang turut memberi sumbangan yang disampaikan oleh Datin Paduka Hajah Hayati kepada Setiausaha Tetap Kementerian berkenaan.



MAJLIS Forum dipengerusikan oleh Pengiran Haji Metassan bin Pengiran Bakar. - Cerita dan gambar ihsan oleh Imam Haji Abidin bin Haji Matarshad.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

TANAMKAN SIKAP POSITIF DALAM DIRI

SESUATU yang wujud di dunia ini mempunyai harga yang tertentu. Tidak ketinggalan juga manusia. Walaupun manusia makhluk yang bernyawa tetapi ia juga mempunyai 'harga' dan tidak ketinggalan juga bagi para remaja. Remaja adalah aset penting bagi sesebuah negara dan untuk memastikan mereka mampu bersaing di dunia yang serba mencabar ini mereka haruslah mempunyai sikap positif di dalam diri masing-masing. Tetapi bagaimana?

Sikap positif boleh ditanam di dalam diri remaja dengan menambah keyakinan diri sendiri. Seseorang itu tidak akan bernilai jika mereka tidak memiliki keyakinan. Oleh itu adalah penting bagi ibu bapa dan juga guru-guru untuk memastikan mereka dapat membimbing para remaja menjadi seorang yang berkeyakinan dan berkemampuan tinggi. Ini boleh dilakukan dengan mengajar para remaja dengan ajaran agama sekali gus memberikan mereka kekuatan iman. Mereka juga akan dapat menghargai diri masing-masing sekali gus tidak akan melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah.

Sikap positif juga boleh dipupuk dengan mengajar para remaja cara hidup berdikari. Berdikari di sini tidak semestinya bermaksud seorang remaja itu perlu tinggal berasingan daripada ibu bapa. Belajar mencuci pakaian atau memasak adalah satu cara bagaimana sikap berdikari dapat dipupuk walaupun pekerjaan harian ini kelihatan tidak penting.

Sifat tanggungjawab atas segala tindakan yang mereka lakukan juga penting untuk memastikan seorang remaja bersikap positif, bak kata pepatah 'berani buat, berani tanggung'. Di sini seorang remaja hendaklah dididik oleh ibu bapa dan juga guru-guru agar mereka menjadi seorang yang dapat berdiri dengan sendiri dan mampu memikul tanggungjawab yang diberikan kepada mereka, tanpa perlu meminta kepastian dari orang lain.

Keyakinan, mampu berdikari dan juga bertanggungjawab memang tidak dapat dinafikan sebagai kriteria-kriteria penentu sama ada seseorang itu memiliki sikap positif atau tidak. Harus diingat faktor kesihatan juga penting. Untuk menjadikan seseorang itu betul-betul cukup untuk digelar seorang yang bersikap positif.

Pada kesimpulannya, para remaja merupakan 'jentera' penggerak kepada kemajuan sesebuah negara, tetapi mereka ini hanya akan menjadi bebanan jika tidak memiliki sikap positif. Oleh itu adalah perlu bagi semua pihak untuk berganding bahu supaya para remaja yang juga bakal pemimpin masa hadapan ini dapat menjadi seorang yang positif dari segala aspek kehidupan.

Haji Mohd. Hairol Azaman,
No. 38 B, Kampong Tamoi Tengah, BL 2112.
No. k/p : 00-284683.

Sikap positif asas kemajuan negara

PEPATAH Melayu menyatakan 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'. Kenyataan ini bukan sahaja merupakan satu pepatah yang ada kalanya digunakan dalam ucapan-ucapan dan ceramah-ceramah sebagai satu nasihat, tetapi juga merupakan satu rangsangan ke arah pembentukan kepribadian. Manfaat yang perlu diambil daripadanya ialah supaya digunakan bagi melahirkan satu individu yang berdisiplin dan berakhlak mulia melalui pendidikan serta penanaman sifat-sifat positif ke dalam diri individu itu sejak dari kecil lagi. Sifat-sifat positif mempunyai pengertian yang sangat meluas, namun begitu dalam konteks ini dapatlah diertikan sebagai satu disiplin atau tatatertib yang baik dan berguna untuk keperluan

pembangunan serta kemajuan individu ke arah yang diredai oleh Allah Subhanahu Wataala.

Agama Islam menyuruh umatnya supaya berakhlak mulia, bersikap jujur, penuh amanah dan bantu-membantu. Ini bermakna bahawa sifat-sifat positif yang hendak ditanam ke dalam kepribadian seseorang itu perlulah mempunyai nilai-nilai Islam yang telah ditentukan. Dalam pada itu, penanaman sifat-sifat tersebut bukanlah hanya sekadar untuk memilikinya atau untuk menambah ilmu pengetahuan diri tetapi perlulah diamalkan dalam suasana kehidupan seharian seperti dalam kekeluargaan, persekolahan, pekerjaan, pergaulan sosial dan perniagaan.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam yang

berlandaskan ajaran-ajaran agama Islam, sifat-sifat positif ditumpukan kepada disiplin rakyat secara menyeluruh. Rakyat adalah sumber utama yang memainkan peranan penting dalam mewujudkan sebuah negara yang aman damai, tenteram, selamat, stabil dan sejahtera melalui sistem pentadbiran yang cekap dan berkesan.

Dalam hubungan ini, rakyat perlulah mempunyai dan mengamalkan sifat-sifat positif dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab masing-masing bagi sama-sama membangun dan memajukan negara dari segi politik, sosial dan ekonominya.

Ini bermakna bahawa sifat-sifat positif itu adalah asas dalam pembangunan dan kemajuan negara serta cabaran

utama negara dalam perkara ini ialah untuk mempertahankan pembangunan dan kemajuan tersebut pada tahap yang dikehendaki secara berterusan. Untuk mencapai matlamat ini, individu-individu itu perlulah memainkan peranan masing-masing secara peribadi atau dalam organisasi. Secara peribadi, individu itu perlulah sentiasa berusaha untuk mengamalkan sifat-sifat positif dalam tindak-tanduk harian.

Adalah disedari bahawa kejayaan itu tidak semestinya seratus peratus akan tercapai walaupun individu itu bersifat komited dan yakin dalam tindakannya, kerana ia haruslah menyedari bahawa setiap tindakan adalah dipengaruhi oleh persekitaran yang tidak menentu yang sebahagian-

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Hi-Tech Memerlukan Pendidikan Vokasional dan Teknikal'. Tarikh tutup 16 Jun 2004.
2. 'Pupuk Perpaduan, Eratkan Silaturahmi'. Tarikh tutup 23 Jun 2004.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
emel: pelita@brunet.bn

Libatkan diri dalam program berkebajikan

PARA belia merupakan aset penting di dalam sesebuah negara. Para belia merupakan pemangkin semangat ke arah masa depan pembangunan negara. Belia hari ini berdepan dengan cabaran-cabaran yang memerlukan pelengkapan diri yang berkualiti seperti kebolehan berkomunikasi, cepat bertindak, berdaya tahan, tidak mudah menyalah dan dapat berinteraksi dengan rakan secara positif serta saling bantu-membantu.

Kita di Negara Brunei Darussalam amat memerlukan para belia yang sentiasa bersikap positif dan cekal, kerana sikap ini sangat penting. Di samping itu para belia haruslah dibekalkan dengan ilmu pengetahuan mengenai ICT. Dalam

langgan dengan majikan seperti orang ramai yang berurusan dengan pihak kerajaan. Jadinya, sifat-sifat positif sangatlah penting untuk ditanam dan diamalkan oleh setiap individu bagi pembangunan serta kemajuan diri dan lebih-lebih lagi dalam kehidupan negara yang berfalsafahkan 'Melayu Islam Beraja'.

Mahmud bin Haji Ibrahim,
No. 11A, Kampong Serusop, BB 2313.
No. k/p : 00-042584

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Tanamkan Sikap Positif Dalam Diri'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

erti kata lain, para belia haruslah celek IT dan bersikap positif di mana mereka tahu menilai mana yang baik dan mana yang sebaliknya. Ini adalah kerana para belia sentiasa terdedah melalui internet kepada pelbagai unsur dari luar yang sememangnya tidak secekok dengan adat resam dan cara hidup kita di negara ini.

Contohnya sahaja seperti televisyen yang setiap hari ditonton. Kita melihat melalui kaca televisyen di mana adanya tayangan mengenai keadaan-keadaan asing yang sememangnya nampak menarik kerana kepopulernya. Dalam hal ini kita haruslah ingat bahawa setiap apa yang ditonton itu cuma sedikit daripada kebenaran dan kebanyakannya setakat untuk keperluan komersil sahaja.

Oleh itu para belia haruslah lebih awal lagi menyedari kebenaran dalam hidup kita seharian. Para belia haruslah diserapkan dengan ilmu moden dan ilmu agama yang seimbang.

Selain daripada itu, penglibatan para belia di dalam program-program yang berkebajikan secara sukarelawan akan dapat mengajar mereka untuk merasai elemen-elemen kehidupan yang mencabar yang boleh menimbulkan kesedaran supaya lebih berani, berusaha dan berdikari. Dengan itu, ia akan dapat menaikkan minat para belia untuk bekerjasama dalam mana-mana persatuan lebih-lebih lagi negara yang amat memerlukan sukarelawan dan pemimpin yang aktif di dalam persatuan yang merupakan jentera yang diharapkan boleh membantu negara.

Dalam erti kata lain, para belia akan terhindar daripada gejala-gejala negatif yang tidak sihat seperti gejala najis dadah dan sebagainya. Dengan bantuan program-program aktiviti yang diikuti para belia akan dapat melatih mereka untuk menempuh masa hadapan, di samping adanya latihan kepimpinan aktiviti-aktiviti keagamaan dan ceramah motivasi.

Di sini juga akan dapat membangkitkan kesedaran dalam mewujudkan semangat kerjasama dan sikap bertanggungjawab terhadap diri, kumpulan, masyarakat, agama, bangsa dan negara. Ini juga akan meningkatkan motivasi diri ke arah hidup berdikari serta pandai menggunakan masa, di samping melatih para belia agar lebih bersemangat cekal, yakin pada diri dan berani menghadapi cabaran hidup.

Nor Azlina binti Asmalee,
No. 6, Simpang 39-60-4, RPN Kampong Pandan 7, Kuala Belait, KA 1931.
No. k/p: 00-292873

REMAJA

TAHNIAH

OLEH H. A. MANAP

31 MEI yang lalu genaplah usia pertubuhan Angkatan Bersenjata Di Raja Brunei (ABDB) Ke-43 tahun. ABDB telah ditubuhkan sebagai pasukan ketenteraan yang berperanan untuk menjaga keamanan dan kemakmuran negara tercinta. Pasukan ini dikurniakan perkataan Diraja pada 31 Mei 1965 dan ianya dinaikkan taraf menjadi sebuah angkatan dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan pada 1 April 1984.

Kita amat beruntung kerana memiliki sebuah angkatan bersenjata yang bukan sahaja dilengkapi dengan senjata dan peralatan ketenteraan yang moden, akan tetapi juga ianya telah dijelmam oleh rata-rata anak watan yang bersedia untuk menabur bakti mereka untuk tanah air yang tercinta. Malahan lebih jauh dari itu pertubuhan ini juga telah memiliki golongan anggotanya yang terdiri daripada generasi muda belia yang berkelulusan tinggi dari pengajian-pengajian di seberang laut. Kelulusan yang mereka perolehi bukan setakat terhad dalam bidang pengkhususan tentera akan tetapi ia meliputi kepada pelbagai bidang yang dahulunya diisikan oleh tenaga luar. Bidang kedokteran, jurutera dan pelbagai kemahiran lagi sudah diisikan oleh anak-anak tempatan yang berkecayaan. Keadaan ini sekali gus telah mengangkat kewibawaan dan juga kualiti perkhidmatan ABDB. Kecemerlangan dan kewibawaan pasukan bertambah lagi dengan adanya Pengurniaan Pangkat Jeneral kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini.

Keadaan ini jelas memperlihatkan kepada kita betapa perkembangan dan kemajuan yang dilalui oleh angkatan bersenjata kita semakin pesat. Minat dan dorongan untuk generasi muda belia menawarkan khidmat mereka juga memang sentiasa mendapat tempat. Ia bukan lagi merupakan sebagai hanya untuk persinggahan mendapatkan kerja, malahan kini menjadi sebuah angkatan yang mampu menawarkan pelbagai kemahiran dan kecakapan selain dari bidang ketenteraan itu sendiri. Ini jelas dengan adanya beberapa cawangan dan bidang yang diwujudkan memperlihatkannya bahawa tawaran-tawaran menarik melalui bidang ketenteraan memang sentiasa ada. Kursus di seberang laut terus digiatkan bagi memastikan setiap mereka yang berkecayaan dapat diberikan peluang untuk meningkatkan keupayaan diri dan peningkatan kecakapan ke tahap yang diperlukan dalam sebuah pasukan angkatan bersenjata.

Sejak 1 Oktober 1991, angkatan bersenjata telah dikembangkan dengan penyusunan organisasi kepada penubuhan lima unit besar seperti Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei, Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei, Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pusat Latihan ABDB. Jelasnya perkembangan ini merupakan langkah dalam meningkatkan keupayaan bagi angkatan tersebut berperanan dengan lebih berkesan. Inilah yang menjadi kebanggaan kita, yang mana merupakan sebagai benteng pertahanan barisan hadapan negara yang akan mempertahankan kedaulatan negara kita dari ancaman musuh yang tidak diingini.

Golongan muda belia merupakan bilangan yang agak besar dalam menjelamai angkatan ini, yang membolehkan mereka menggunakan peluang ini dengan sebaiknya bagi memahami apakah sumbangan dan peranan sebenar yang perlu mereka lakukan. Sebagai anggota pasukan yang terlatih dengan disiplin yang tinggi sudah sententunya pembinaan diri dan keupayaan berkhidmat begitu terdorong dan terasah dengan baiknya. Inilah yang menjadi modal dalam mewujudkan sebuah perkhidmatan yang kukuh dalam sebuah pasukan ketenteraan. Pengalaman yang sudah jauh dilalui oleh angkatan ini, sudah sententunya dapat dijadikan sebagai modal untuk membina kekuatan diri dan disiplin yang tinggi.

Meskipun keadaan sekeliling, pengaruh dan pelbagai cabaran tidak mengecualikan anggota pasukan ini dari terkena, kita amat yakin gejala-gejala yang tidak sihat itu akan mudah ditangani dengan adanya unsur latihan dan kawalan diri yang terbina dalam perkhidmatan angkatan bersenjata ini. Kita mendoakan semoga semua anggota pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan terus dikurniakan kejayaan dan kecemerlangan, dan sebagai wira dan harapan bangsa untuk mempertahankan kedaulatan ugama, bangsa dan negara yang tercinta. Selamat menyambut Hari Ulang Tahun ABDB Ke-43.

Bangunan perpustakaan dibina di Muara

MUARA, 13 Mei. - Rakyat dan penduduk sekitar Pekan Muara dan yang berdekatan akan mendapat kemudahan bahan bacaan tanpa pergi ke perpustakaan pusat yang terletak di ibu negara apabila sebuah lagi perpustakaan dibina di kawasan strategik di Pekan Muara di sini.

Projek pembinaan perpustakaan yang bermula akhir bulan tahun lalu dijangka siap pada Oktober tahun ini dengan menelan belanja lebih \$4,998,888.00 di tapak seluas 0.40 hektar.

Majlis Perletakan Batu Asas bangunan berkenaan telah disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain.

Pegawai Tugas-Tugas Khas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DPB), Awang Haji Sumadi bin Sukaimi berkata, sejumlah \$4 juta telah diperuntukkan bagi membangun perpustakaan di kawasan-kawasan yang padat dengan penduduk melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-8.

Perpustakaan DBP bagi Pekan Muara merupakan salah sebuah dari empat bangunan yang telah diluluskan iaitu termasuk di

Oleh Samle HJ

Perumahan Negara Kampong Pandan, Kuala Belait, di Mukim Sengkurong dan Perumahan Negara Lambak Kanan.

"Kita perlu bersyukur di atas keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam menggalakkan masyarakat negara ini rajin membaca, di samping memastikan perlunya setiap rakyat dan penduduk negara ini mendapat kemudahan asas bahan bacaan dan keperluan lain yang berkait rapat," jelasnya.



YANG Berhormat ketika menyaksikan struktur bangunan yang sedang dalam proses pembinaan.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyempurnakan perletakan batu asas bangunan perpustakaan baru.

RBA umumkan bayaran tambahan

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Jun. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) melalui siaran akhbar hari ini memaklumkan kepada orang ramai bahawa bayaran tambahan akan dikenakan sebagai langkah bagi mengimbangi kenaikan harga minyak pesawat terbang baru-baru ini. Sehubungan dengan itu bayaran tambahan sebanyak B\$8.00 akan dikenakan kepada penumpang-penumpang yang mengikuti penerbangan ke destinasi negara-negara ASEAN, Asia Utara, Calcutta dan Darwin, sementara bayaran tambahan sebanyak B\$16.00 juga akan dikenakan bagi penumpang-penumpang yang mengikuti penerbangan ke Dubai, Bris-

Oleh Haji Dayang HK

bane, Perth, Auckland, Frankfurt dan London. Langkah ini menurut RBA adalah bersesuaian dengan syarikat-syarikat penerbangan di dunia yang telah melakukan perkara yang sama berikutan kenaikan harga minyak tersebut. Bagaimanapun, bayaran tambahan ini adalah diharapkan sebagai satu yang bersifat sementara sahaja dan akan dipantau dan dinilai semula dari sebulan ke sebulan.

Bayaran tambahan itu berkuat kuasa pada 4 Jun 2004.

Penuntut Maktab DPMAB terima hadiah cemerlang

GADONG, 1 Mei. - Zaman persekolahan adalah zaman perjuangan yang belum tamat, bahkan perlu diteruskan dengan meningkatkan usaha ke arah yang lebih cemerlang, manakala mereka yang mempunyai kelulusan cemerlang, tidak perlu ragu untuk mendapat pekerjaan dalam era globalisasi masa kini.

Perkara itu dinyatakan oleh Timbalan Pengetua Pusat Sejarah, Dr. Haji Mohd. Hadi bin Abdullah, tetamu kehormat di Majlis Penyampaian Hadiah Akademik bagi penuntut-pe-

Oleh Siti Aishah HS

nuntut yang menduduki peperiksaan peringkat 'A' 2003 bertempat di Auditorium Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (DPMAB).

Sementara itu, menurut Pemangku Pengetua Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Cikgu Haji Mahrub bin Haji Murni sebanyak 95 peratus lulus dalam pencapaian akademik bagi peperiksaan peringkat 'A' pada tahun

2003 iaitu 19 peratus mendapat 1A; 33 peratus memperoleh 2A; 40 peratus memperoleh 3A, sementara tiga peratus daripadanya mendapat 4A.

Seramai 30 orang penuntut yang mencapai keputusan cemerlang menerima hadiah mereka masing-masing yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian hadiah cemerlang bagi para penuntut Tingkatan Enam Bawah pada tahun 2003.

OMEGA 3000 kurangkan pencemaran alam sekitar

Berita dan gambar-gambar oleh
Dk. Hajah Saidah PHOA

SERIA, 25 Mei. - Pengarah Urusan Syarikat Gas Cecair Asli Brunei, Dato Paduka Awang Haji Hamdillah menyatakan, satu pelan induk ini dilaksanakan oleh Syarikat Minyak Brunei Shell bagi menjamin operasi berterusan sehingga tahun 2022 dan seterusnya.

Dato Paduka berkata, pelan yang dilaksanakan bersama Syarikat Pemasaran Brunei Shell dan Unit Petroleum akan meneliti permintaan Minyak di masa akan datang. Beliau berucap demikian di Majlis Pelancaran Sistem Terminal Pemunggaan Automatik (OMEGA 3000) yang dijalankan di kawasan pemunggaan kenderaan Tangki Jalan Raya (RTC) berlangsung di Loji Penapisan Brunei Shell di sini.

Tetamu kehormat Pengarah Pengangkutan Kementerian Perhubungan, Pengiran Haji Mohd. Yaakub menyempurnakan pelancaran OMEGA 3000. Sistem berharga \$3.6 juta itu adalah sebahagian program pengurusan alam sekitar yang memperlihatkan penglibatan yang berterusan dalam meningkatkan kegiatan ke arah mengurangkan pencemaran alam sekitar. Sistem tersebut digunakan dengan meluas di rantau Asia Pasifik.

Dato Paduka menambah berikutan dengan pengubahsuaian unit penapisan minyak mentah baru-baru ini penapisan minyak Brunei Shell dijangka meningkatkan lagi kapasiti yang mana boleh memenuhi permintaan sehingga tahun 2008 dan seterusnya.

Dato Paduka juga menyentuh mengenai kejayaan aspek keselamatan di mana Penapisan Minyak Brunei Shell mencatat 20 tahun sejarah tanpa kecederaan, satu rekod terbaik sebuah industri dan bagi rekod dunia Shell keseluruhannya.

Pengurusan Loji Penapisan BSP, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Sirat menyatakan sistem itu dijangka tidak akan menjejaskan keadaan alam sekitar kerana pengeluaran wap dan haba dari produk minyak iaitu Hydro Carbon Emissions.

Menurutnya Syarikat Penapisan Brunei Shell adalah organisasi pertama di negara ini yang diiktiraf dengan penganugerahan Sijil ISO 14001 bagi sistem pengurusan alam sekitar dan bertepatan dengan inisiatif Sistem Terminal Pemunggaan Automatik yang secara tidak langsung boleh memperbaiki operasi bagi menghindari pencemaran alam sekitar.

"Selain itu ia juga boleh memproses tempahan terus dari Pejabat Syarikat Pemasaran Brunei Shell dengan lebih efisien melalui rangkaian kawasan luas BSP dan dengan adanya kemudahan ini Syarikat Pemasaran Brunei Shell (BSM) dapat mengelak kemungkinan terputusnya bekalan kepada pengguna di negara ini terutama sekali di musim perayaan," jelas beliau.

Operasi pemunggaan produk Loji Penapisan Minyak BSP beroperasi sejak 1983 dan pada waktu itu hanya dua produk loji dikeluarkan iaitu Diesel dan Jet A1, sementara pada tahun 1992 loji berkenaan mengeluarkan lagi produk baru Gasoline apabila terbinanya Unit Penemuan dan seterusnya pada tahun 1998 loji tersebut mengeluarkan minyak kereta tanpa plumbum.



RASMIKAN ... Pengarah Pengangkutan Kementerian Perhubungan, Pengiran Haji Mohd. Yaakub melancarkan OMEGA 3000 yang berharga \$3.6 juta.

JANGAN TERPERANGKAP DENGAN AJARAN SESAT

KUALA BELAIT, 21 Mei. - Jurutera Elektrik Daerah, Jabatan Perkhidmatan Elektrik Daerah Belait, Awang Haji Abdul Syawal bin Yaman berkata dengan aqidah yang kukuh, kuat dan betul umat Islam akan berjaya menempuh liku-liku kehidupan dunia dan tidak mudah digugat oleh apa jua keadaan dan pengaruh.

Oleh itu, katanya, sebagai usaha memelihara lagi aqidah amat mustahak bagi umat Islam mengetahui kriteria ajaran sesat sebagai panduan kepada mereka untuk memastikan dan membezakan sesuatu ajaran itu sama ada betul atau sebaliknya.

"Jangan sampai kita terperangkap dengan ajaran yang bertentangan dengan ajaran agama Islam yang boleh menyesatkan kita dan di antara kriteria ajaran sesat itu seperti Fahaman Al-Arkam, Fahaman Ilmu Bungkus, Bahai dan Taslim," katanya di Majlis Pengislaman Awang Zakaria bin Abdullah Mulak dan keluarga serta penyerahan bantuan jana kuasa enjin generator kepada saudara-saudara baru yang berlangsung di Pejabat Dakwah di sini.

Beliau menambah, usaha menyelewengkan dan menyesatkan umat Islam memang berlaku sehingga ke hari ini dan tidak akan berkesudahan. Ianya bukan sahaja dilakukan oleh golongan bukan Islam tetapi juga orang Islam sendiri.



TETAMU kehormat, Jurutera Elektrik Daerah, Jabatan Perkhidmatan Elektrik Daerah Belait, Awang Haji Abdul Syawal bin Yaman menyerahkan bantuan jana kuasa enjin generator kepada Dayang Zubaidah binti Gawong.

Sehubungan itu beliau mengingatkan supaya umat Islam berwaspada tidak mudah terpengaruh dan kuatkan iman serta berpegang teguh dengan ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah. Hanya dengan demikian, umat Islam akan terpelihara dan selamat dan negara akan aman makmur di bawah lindungan Allah Subhanahu Wataala, katanya.

Beliau juga mengingatkan saudara baru supaya tidak malu bertanya, memanglah pada permulaan terdapat sedikit kesukaran dalam memahami pelajaran agama Islam, namun perkara yang penting ialah menanamkan sifat gigih dan mengikuti segala yang diajar oleh pegawai-pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah.

Zakaria anak Mulak, 34 tahun berbangsa Iban kini dikenali sebagai Awang Zakaria bin Abdullah Mulak, sementara isterinya Senia anak Dewat 29 tahun sekarang dikenali sebagai Dayang Nur Hamizah bin Abdullah Dewat dan tiga orang anak mereka Hasniza Fazira, 9 tahun 11 bulan memilih nama Islamnya Dayang Nur Hanisah Faizah, manakala dua orang adiknya Harnieza Manjan, 9 tahun 29 hari memilih nama Islamnya Dayang Nur Hazi-mah Huda dan Helnieza, 4 tahun 5 bulan kini dikenali sebagai Dayang Nur Hazi-rah Husna.

Sementara itu seorang lagi lelaki berbangsa Iban juga memeluk Islam di

majlis tersebut, Peter anak Awak, 29 tahun yang memilih nama Islamnya Awang Muhammad Firdaus bin Abdullah Awak.

Dalam majlis yang sama turut diadakan penyampaian sumbangan bantuan jana kuasa enjin generator oleh Pusat Da'wah Islamiah kepada tiga orang saudara baru, Dayang Nur Mahayani binti Abdullah Lupa dan Dayang Nur Faizatul Azrina binti Abdullah Majan, kedua-dua mereka dari Kampong Merangking, manakala Dayang Zubaidah binti Gawong dari Kampong Sungai Mau, Ulu Belait.

Ketua Unit Da'wah Daerah Belait, Dayang Hajah Hanisah Abdullah dalam ucapan alu-aluannya menyatakan dari bulan Januari hingga hari tersebut jumlah mereka yang memeluk agama Islam 52 orang dan beliau berharap mereka akan dapat menghadiri kursus yang dianjurkan oleh Pusat Da'wah Islamiah. Setakat ini sejumlah 35 buah jana kuasa enjin generator telah diberikan kepada saudara-saudara baru terutama yang tinggal di kawasan pedalaman.

Menurutnya objektif utama Pusat Da'wah Islamiah memberi bantuan alat tersebut bagi memberi kemudahan kepada mereka menjalani kehidupan seharian dan diharapkan bantuan tersebut akan dapat menjalankan amali ibadah kepada Allah Subhanahu Wataala dengan lebih selesa.



OMEGA 3000 adalah sebahagian program pengurusan dalam meningkatkan kegiatan ke arah mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Skim Bimbingan Al-Quran menjana masa depan belia

KUALA BELAIT, 28 Mei. - Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid akan mengadakan Skim Bimbingan Itqan Qiraatil Quran bagi belia masjid pada awal bulan depan.

Skim tersebut dibuka kepada remaja lelaki dan perempuan berusia 12 hingga 22 tahun bertujuan antara lain untuk melatih dan membimbing golongan remaja dalam pembacaan Al-Quran dengan bacaan yang betul melalui lagu-lagu Al-Quran yang masyhur.

Selain itu juga bagi menjadikan masjid sebagai salah satu pusat ilmu membaca Al-Quran serta melahirkan pembaca Al-Quran yang baik dan berkeupayaan di kalangan remaja dan sebagai pelapis qari dan qariah di masa akan datang.

Skim tersebut sebagai kesinambungan bagi golongan remaja yang pernah mengikuti pelajaran Al-

Quran melalui Kelas Al-Quran dan Mukaddam di masjid. Peserta yang akan mengikuti skim berkenaan adalah mereka yang diakui mempunyai bakat dan kebolehan dalam pembacaan Al-Quran oleh pihak penemu duga sebelum penyertaan ditetapkan.

Di samping itu peserta yang menunjukkan pencapaian dalam skim itu nanti akan diberi keistimewaan belajar di Majlis Qura, manakala tenaga pengajar skim terdiri daripada guru-guru Al-Quran khas dan Pegawai-pegawai Masjid yang pernah mengikuti pertandingan peringkat antarabangsa dan sekurang-kurangnya menguasai ilmu Al-Quran iaitu menguasai lagu dan tajwid. Skim tersebut akan berlangsung selama dua tahun di mana setiap peserta skim belajar dua kali seminggu setiap hari Jumaat dan Ahad dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.



PETER anak Awak melafazkan Ikrar pengislamannya di hadapan tetamu kehormat dan pegawai-pegawai Unit Da'wah Daerah Belait dan kini dikenali sebagai Muhammad Firdaus bin Abdullah Awak.

MENTERI PERHUBUNGAN ADAKAN LAWATAN KERJA KE DAERAH BELAIT

Berita dan gambar-gambar oleh
Dk. Hajah Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 29 Mei. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria telah mengadakan lawatan kerja ke cawangan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan di sini.

Menyertai dalam rombongan Yang Berhormat ialah pengarah-pengarah kementerian berkenaan, ketua-ketua jabatan, timbalan-timbalan ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kementerian tersebut.

Lawatan kerja Yang Berhormat dan rombongan merupakan kesinambungan kepada lawatan kerja tahunan bagi mengeratkan hubungan silaturahmi dengan pegawai-pegawai dan kakitangan cawangan jabatan-jabatan di daerah ini, di samping meninjau perkembangan projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8, selain itu juga melihat secara dekat lagi pelaksanaan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR).

Semasa lawatan itu Yang Berhormat diberi taklimat oleh pengarah-pengarah dan ketua-ketua cawangan jabatan masing-masing mengenai perkhidmatan, perancangan dan perkembangan semasa yang berlaku di daerah ini.

Antara jabatan yang dilawati Jabatan Pelabuhan

an. Ke arah meningkatkan lagi perkhidmatan dalam memenuhi keperluan semasa sebuah projek sedang diselenggarakan dengan membina Pusat Perhentian Dokumentasi. Projek yang menelan belanja \$3 juta itu dijangka siap sepenuhnya pada bulan Januari tahun depan.

Bangunan tersebut akan menempatkan tiga buah cawangan jabatan lain iaitu Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Laut dan Pasukan Polis Diraja Brunei. Ia merupakan projek RKN Ke-8.

Yang Berhormat juga melawat Pejabat Pos Kuala Belait. Jabatan tersebut mempunyai 17 orang kakitangan. Dalam masa empat bulan pertama tahun ini sahaja hampir 500 ribu pucuk surat telah diserahkan melalui posmen dan peti surat, manakala dari bulan Januari hingga Mac tahun ini kutipan perkhidmatan pelbagai pembayaran seperti lesen memandu \$8,370.00 dan cukai jalan \$5,945.00.

Antara projek yang telah dilaksanakan di bawah RKN Ke-9 pula antaranya pembinaan Pejabat Pos Kampong Mumong sedang menunggu tapak baru.

Seperti jabatan-jabatan lain Jabatan Pos Kuala

Belait juga tidak kurang menghadapi masalah secara keseluruhannya iaitu kekurangan tenaga posmen yang mencukupi terutama ekoran pertumbuhan jumlah perumahan seperti di Perumahan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampong Mumong.

Yang Berhormat juga melawat Jabatan Telekom Brunei, Jabatan Penerbangan Awam (Bahagian Kajiucua), Jabatan Pengerlukan Darat serta Cawangan Jabatan Perkhidmatan Pos Seria, Jabatan Telekom Seria, Pos Kawalan Sungai Tujoh serta meninjau kemudahan-kemudahan jalan raya terutama tempat-tempat yang sering berlaku kemalangan jalan raya.



LAWATAN kerja Menteri Perhubungan ke jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan bagi meninjau perkembangan semasa seperti perkembangan projek RKN Ke-8 dan melihat lebih dekat lagi pelaksanaan TPOR.

Kejohanan senaman, olahraga lahirkan jaguh negara

KUALA BELAIT, 23 Mei. - Pengerusi Kemasyarakatan Brunei LNG, Awang Haji Tujoh bin Haji Saidin menyeru pelajar-pelajar yang mengambil bahagian dalam kejohanan olahraga supaya membuat yang terbaik, bersungguhsungguh dan tekun serta bekerjasama antara mereka.

Katanya, dengan semangat kerjasama dan usaha mereka akan berjaya kerana kejayaan mereka itu bukan sahaja akan diraikan oleh pihak sekolah, malah keluarga dan diri mereka sendiri juga akan merasai kegembiraan tersebut. Beliau berucap demikian di Kejohanan Sukan dan Olahraga Sekolah-sekolah

Rendah Kerajaan dan Bukan Kerajaan Daerah Belait Ke-27 yang berlangsung di Kompleks Sukan Mumong di sini.

Selain itu beliau juga berharap guru-guru yang melatih pelajar-pelajar berkenaan akan dapat meneruskan perjuangan mereka demi masa depan negara dan bangsa. Di

samping itu beliau juga menyeru ibu bapa supaya sama-sama membantu guru-guru dan tenaga pengajar untuk memberi bimbingan kepada anak-anak mereka supaya mereka akan menjadi manusia yang berguna kepada masyarakat dan bangsa.

Pengerusi kejohanan, Guru Besar Sekolah Rendah Sungai Tali, Cikgu Hajah Mariam bin Abdullah berkata melalui kejohanan seumpama itu pihak sekolah berharap beberapa jaguh sukan akan dapat dilahirkan sekali gus di masa akan datang mereka akan dapat mengharumkan negara di peringkat serantau dan antarabangsa.

Menurutnya, di negara maju sukan telah diberi perhatian secara serius kerana terbukti sukan dan olahraga banyak memainkan peranan dalam mengharumkan nama negara.



BACAAN ikrar sukan diketuai oleh pelajar Sekolah Rendah Sungai Tali, Md. Saiful bin Omar.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria ketika melawat Pejabat Pos Kuala Belait.

Anugerah CIPTA tawar hadiah lumayan

SERIA, 28 Mei. - Institut Teknologi Brunei (ITB) dan Syarikat Brunei LNG (BLNG) akan menganjurkan pertandingan produk, kreatif, inovatif dan kemajuan teknologi CIPTA dua tahun sekali bermula tahun ini.

Sehubungan itu Majlis Pelancaran Jerayawara Anugerah Pengiran Muda Mahkota CIPTA 2005 telah dirasmikan oleh Pengarah Urusan Syarikat BLNG, Dato Paduka Awang Haji Hamdillah di Pusat Penerimaan Minyak dan Gas (OGDC) di sini.

Menurut Pemangku Pengarah ITB, Awang Haji Suhaila bin Haji Abdul Karim selaku pengerusi majlis, idea untuk mengadakan pertandingan yang menampilkan daya kreatif dan inovatif dalam sains dan teknologi di kalangan masyarakat tempatan terutama para belia negara ini tercetus dua atau tiga tahun

lalu sehingga diberi singkatan CIPTA dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi digelar Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota.

Pertandingan dibahagikan kepada dua kategori iaitu kategori produk kreatif dan berinovatif serta proses atau berteknologi dan kategori kedua pula pengubahsuaian yang kreatif dan berinovatif kepada produk yang sedia ada, proses atau teknologi.

Pemenang keseluruhan akan menerima anugerah tersebut di samping hadiah utama wang tunai \$10,000.00 berserta piala dan sijil penyertaan, sementara itu hadiah-hadiah lain juga diberikan termasuk pemenang setiap kategori iaitu wang tunai \$6,000.00 berserta piala, pemenang kedua setiap

kategori pula akan menerima wang tunai \$4,000.00 berserta piala dan wang tunai \$2,000.00 berserta piala kepada pemenang ketiga dan \$500.00 berserta sijil kepada pemenang saguhati.

Pertandingan bertujuan bagi menggalakkan daya inovasi dan kreativiti di negara ini dan pertandingan pertama dinamakan CIPTA 2005. Pertandingan tersebut mencakupi semua bidang sains, teknologi dan kejuruteraan termasuk kejuruteraan awam, mekanik, elektrik, elektronik, komputer, mikropemproses dan kejuruteraan kimia.

Pertandingan itu dibukakan kepada semua sekolah, institusi teknik dan tinggi, pertubuhan kerajaan dan swasta serta orang awam. Tema pertandingan itu 'Kreativiti dan Inovasi Untuk Kemajuan Saintifik dan Teknologi Di Negara Brunei Darussalam'.



TETAMU Kehormat, Pengarah Urusan Syarikat BLNG, Dato Paduka Awang Haji Hamdillah menyaksikan pameran jerayawara pertandingan Anugerah Pengiran Muda Mahkota CIPTA 2005.

Oleh itu, tambahnya, semangat kesukan sepatutnya telah wujud secara mendalam dalam diri setiap individu di negara ini.

"Perasaan seumpama itu harus dipupuk dan dikembangkan di peringkat sekolah rendah lagi dan adalah diharapkan agar kedua-dua senaman dan olahraga di peringkat sekolah rendah akan terus dilaksanakan sebagai salah satu aktiviti rutin tahunan," katanya. Selain itu katanya, pihak-pihak tertentu perlu merancang secara bersis-

tem dan bermatlamat program pembangunan sukan khusus bagi pelajar-pelajar sekolah rendah.

Sebanyak 14 buah sekolah rendah kerajaan menyertai kejohanan tersebut dalam 24 acara balapan dan 12 acara padang, manakala Pertandingan Senaman telah pun dijalankan pada 9 Mei lalu di mana pasukan lelaki dan perempuan mewakili 10 buah sekolah rendah kerajaan telah menyertainya dan juara kedua-dua bahagian lelaki dan perempuan ialah

Sekolah Rendah Sungai Liang.

Kejohanan tersebut bertujuan untuk menguatkan fizikal, saikologikal dan emosi seseorang kanak-kanak dengan demikian setiap pelajar akan bertindak lebih cemerlang dalam pelajaran mereka. Selain itu kejohanan tersebut juga sebagai konsep sosial bagi masyarakat sekolah, di samping sebagai medan terbaik bagi berkongsi dan mengenal pasti bakat, potensi dan kebolehan seseorang kanak-kanak dalam sukan.

Buku Rokok dan Merokok diterbitkan

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Mei. - Jabatan Mufti Kerajaan dan Koperasi Badan Kebajikan, Sukan dan Sosial (BKSS), Kementerian Kesihatan Berhad buat pertama kalinya akan menerbitkan buku yang berjudul Rokok dan Merokok.

Buku yang diusahakan tersebut merupakan Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang dikeluarkan pada tahun 2004.

Sehubungan dengan itu Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman antara Jabatan Mufti Kerajaan bersama BKSS Kementerian Kesihatan Berhad telah dilaksanakan di Darululfta di sini.

Mewakili pihak Jabatan Mufti Kerajaan di majlis penandatanganan

Oleh
Abu Bakar HAR

itu ialah Ketua Bahagian Penerbitan dan Penerangan, Awang Haji Mohodin dan BKSS Kement-

rian Kesihatan Berhad diwakili oleh Pengerusi Lembaga Pengarahnya, Pengiran Hashim.

Hadir sama menyaksikan majlis penandatanganan itu ialah Setiausaha

Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Zainal dan Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili.



PENANDATANGANAN Memorandum Persefahaman dilakukan oleh Ketua Bahagian Penerbitan dan Penerangan, Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Mohodin bagi mewakili jabatan tersebut, manakala Koperasi Badan Kebajikan, Sukan dan Sosial (BKSS), Kementerian Kesihatan Berhad diwakili oleh Pengerusi Lembaga Pengarahnya, Pengiran Hashim. - Gambar oleh Masri Osman.

MOU Brunei dan Singapura

BERAKAS, 19 Mei. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman bagi penyusunan pengesahan bersama MRA (Mutual Recognition Agreements) bagi ujian pengesahan peralatan komunikasi.

Peralatan komunikasi memang pada dasarnya perlu diuji bagi menyelaraskan piawaian negara penerima sebelum ianya disahkan oleh makmal-makmal pengujian yang dikehendaki oleh setiap negara. Ini dikenali sebagai fasa pertama MRA sementara fasa kedua MRA, akan

Oleh
Aliddin HM

melihat kepada penerima bersama peralatan yang telah diluluskan.

Menandatangani bagi pihak Infokomunikasi Teknologi Industri Brunei Darussalam (AiTi) ialah Ketua Eksekutif AiTi, Dato Paduka Awang Buntar bin Osman, sementara bagi pihak Infocom Development Authority of Singapore (IDA), Pengarah Urusannya, Leong Keng Thai.

Sebelum itu Dato Paduka Awang Buntar berkata, melalui MRA di-

harapkan peralatan telekomunikasi yang masuk ke Negara Brunei Darussalam memenuhi kehendak piawaian dan serasi dengan pengguna ICT untuk pelanggan di negara ini akan mendapat faedah produk telekomunikasi dan teknologi terkini tanpa perlu diuji jika ianya sudah menjalani pengujian dan pengesahan di Republik Singapura.

Perjanjian tidak akan lagi memerlukan ujian kedua di kedua-dua buah negara dan mengurangkan perbelanjaan dan masa untuk membawa peralatan telekomunikasi ke pasaran dengan lebih mudah ke-

pada para pengguna.

Memorandum Persefahaman terdapat di Mesyuarat ASEAN TELMIN peringkat menteri yang diadakan di Republik Singapura pada bulan September 2003.

Di mesyuarat itu negara ahli bersetuju untuk menyegerakan pelaksanaan MRA bagi ujian peralatan telekomunikasi.

Mesyuarat juga menyasarkan fasa pertama MRA dilaksanakan pada tahun 2005. MRA bertujuan untuk memudahkan pelaburan dan perdagangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Pengundian Ketua Kg. Panchor Murai

PENGKALAN BATU, 23 Mei. - Para penduduk Kampong Panchor Murai di Daerah Brunei dan Muara hari ini keluar untuk mengundi ketua kampung yang baru bagi kampung

berkenaan yang berlangsung di Sekolah Agama Panchor Murai di sini.

Pengundian itu adalah bagi calon tunggal di kampung berkenaan iaitu

Awang Haji Salleh bin Haji Bujang yang berusia 50 tahun.

Awang Haji Salleh adalah seorang bekas anggota tentera dan ketika ini se-

Oleh
Aliddin HM

dang bertugas di Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Hadir menyaksikan majlis pengundian tersebut ialah Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Adnan bin Haji Hanafiah.

Jawatan Ketua Kampong Panchor Murai kosong selepas Ketua Kampong Awang Haji Lamit bin Bahar bersara pada 30 Disember 2001, bagaimanapun Awang Haji Lamit terus memikul tanggungjawab tersebut dalam perkhidmatan sebelum ke sebulan sehingga sekarang.

Kampong Panchor Murai terletak dalam Mukim Pengkalan Batu dan mempunyai lebih 300 orang penduduk.



SEORANG penduduk Kampong Panchor Murai memasukkan kertas undinya ke dalam peti undi. - Gambar oleh Halim HS.

RBA rancang pelbagai projek

Oleh
Aliddin HM

JERUDONG, 15 Mei. - Beberapa projek yang dibuat untuk membuka jalan ke arah kejayaan Penerbangan Diraja Brunei (RBA) terus diusahakan dengan memperbaiki perkhidmatan kemudahan serta mempertingkatkan lagi produk-produk RBA semuanya berjalan lancar, bagi mengekalkan saingan intensif dalam industri penerbangan mega serta perkembangan pesat penerbangan harga murah.

Perkara itu dijelaskan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri,

Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid yang juga selaku Timbalan Pengerusi RBA di Majlis Anugerah RBA 2004 yang berlangsung di Amphitheatre Jerudong Park di sini.

Pengiran Dato Paduka menyeru lebih banyak lagi inisiatif kerja keras dan dedikasi perlu dilaksanakan ketika RBA memasuki tahun pertamanya sebagai penerbangan pilihan yang

mempunyai reputasi yang baik di rantau ini.

Pengiran Dato Paduka juga menyentuh mengenai perubahan besar dalam perkhidmatan RBA ketika ini termasuk tempahan enjin-enjin yang baru bagi tempahan langsung para pelanggan serta tiga buah pesawat yang dijadualkan pertengahan Ogos nanti.

Pengiran Dato Paduka juga menyampaikan sijil-sijil di majlis itu termasuk kepada mereka yang telah berkhidmat dengan RBA antara 20 hingga 25 tahun.

Kedutaan Kanada sumbangkan buku

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Mei. - Suruhanjaya Tinggi Kanada di negara ini hari ini menyumbangkan buku-buku kesusasteraan Kanada kepada Sekolah Menengah Sultan Hassan Temburong.

pat pengetahuan yang lebih mengenai rakan sejawat mereka di Kanada.

Semasa majlis penyampaian itu, TYT mencadangkan satu anugerah khas bagi karangan ring-

Oleh
Haji Ahmad HS

kas yang menarik daripada penuntut-penuntut selepas mereka membaca buku.



PESURUHJAYA Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Paul S H Lau menyerahkan buku-buku kesusasteraan Kanada kepada Pemangku Pengetua Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong, Awang Haji Malidi bin Ahmad. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

KACA saksikan cara melukis

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Mei. - Kanak-kanak Cacat (KACA) hari ini bertuah dan berpeluang menyaksikan seorang pakar seni lukis dari Taiwan, C S Liu yang membuat lawatan sambil menunjukkan cara-cara melukis di Pusat KACA

Oleh
Hj. Ahmad HS

Kampong Kiulap di sini.

Di Pusat KACA, C S Liu yang dialu-alukan oleh Pengurus Pusat KACA, Awang Haji Abdul Alim bin Haji Othman berserta

penghuni pusat dari Bandar Seri Begawan, Tutong dan Pulaie.

C.S. Liu berada di negara ini adalah atas jemputan Tabung Kebudayaan Hwa Ho sejak 17 haribulan bulan ini dengan tujuan untuk beliau melukis gambaran indah mengenai negara ini, di samping berpeluang untuk melawat mereka kurang upaya sambil memberikan tunjuk cara melukis. Beliau juga berhasrat untuk melukis dan menjual hasil lukisannya bagi tujuan amal.

C.S. Liu lahir pada tahun 1937 dalam keluarga yang miskin menyebabkan beliau tidak dapat dihantar ke sekolah untuk belajar. Walaupun keadaan penghidupan beliau yang susah ketika kanak-kanak lagi, namun beliau tidak pernah berputus asa untuk mencintai dan mendalami seni lukis sehingga beliau bergelar 'Master Liu'.



PAKAR Seni Lukis dari Taiwan, C.S. Liu menunjukkan cara-cara melukis kepada kanak-kanak KACA. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



DOA KESYUKURAN

PARA pegawai Kementerian Perhubungan mengadakan Majlis Doa Selamat bagi Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar yang dikurniakan gelaran Pehin Manteri baru-baru ini. Majlis yang berlangsung pada 1 Mei 2004 di Kementerian Perhubungan, Jalan Menteri Besar juga dihadiri oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Telekom Brunei Berhad (TelBru) dan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam (AiTi). - Gambar oleh Ramli Tengah.

Peniaga wanita lawat IDBB

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 Mei. - Dalam memupuk usaha menyediakan perbankan mesra wanita, beberapa pengenalan mengenai produk-produk dan perkhidmatan 'peribadi' diberikan termasuk perkhidmatan pelanggan terlatih untuk menyokong usaha wanita, khidmat nasihat bagi para wanita untuk menerokai peluang menambah kewangan mereka, di samping menyediakan latihan mengenai pelan perniagaan dan pengurusan.

Sehubungan dengan itu, Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB)

Oleh Siti Aishah HS

mengalukan para Ahli Perkumpulan Peniaga Wanita (WBC) untuk mendedikasikan serta sedikit mengenai khidmat kemajuan yang telah bank tersebut capai, di samping melihat dengan lebih dekat mengenai produk yang terdapat di perbankan itu.

Hadir menyampaikan penerangan mengenai latar belakang bank berkenaan ialah Pengarah Urusan IDBB, Pengiran Datin Paduka Hajah Urai binti Pengiran Ali.

Antara matlamat IDBB adalah untuk mempelbagaikan aktiviti keseluruhan perbankan di Negara Brunei Darussalam khususnya bagi mengadakan suasana yang positif untuk mempercepatkan pertumbuhan kemajuan ekonomi negara selain melaksanakan dwifungsi IDBB iaitu menyediakan perbankan komersil dan pembiayaan pembangunan yang berlandaskan konsep-konsep perniagaan Islam.

Lebih 20 orang ahli WBC menyertai lawatan itu yang diketuai oleh Datin Hajah Edah binti Haji Mohd. Noor selaku Yang Dipertua WBC.

IDBB akan perkenal Anugerah Usahawan SME

BERAKAS, 11 Mei. - Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) akan memperkenalkan Anugerah Usahawan Pengusaha Kecil dan Sederhana (SME) kepada pengusaha tempatan yang terpilih dan terbaik.

Anugerah itu terbahagi dua kategori iaitu Anugerah Usahawan Cemerlang dan Anugerah Usahawan Harapan.

Pengarah Urusan IDBB, Pengiran Datin Paduka Hajah Urai binti Pengiran Ali menyatakan perkara itu di Majlis Pelancaran 'Hari Pemedulian Pelanggan' yang berlangsung di Jabatan Kemajuan Perumahan dan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama di sini.

Hari Pemedulian Pelanggan dilancarkan oleh Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Metassan bin Haji Daud. Menurut Pengiran Datin Paduka Hajah Urai, penganugerahan usahawan itu akan dilancarkan melalui Pusat SME IDBB dengan kerjasama pihak kerajaan tidak berapa lama lagi.

Penganugerahan itu, tambah beliau, bertujuan memberi insentif kepada pengusaha tempatan untuk memajukan dan menete-

ngahkan diri mereka bagi menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi.

Di samping itu juga anugerah itu akan memberikan dorongan dan motivasi kepada pengusaha yang baru di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan itu, tambah beliau, salah satu aktiviti hari pemedulian itu ialah satu Mini Bazar pengusaha SME dan Korporat tempatan diadakan bagi mempamerkan dan menjual produk-produk mereka yang telah diberikan kemudahan kewangan oleh IDBB.

Oleh
Haji Ahmad HS

"Tujuan bazar ini di samping dapat mengenalkan produk-produk mereka kepada orang ramai juga akan dapat memberi mereka peluang secara langsung menambah pendapatan dari hasil jualan mereka nanti," jelas beliau.

Selepas itu tetamu kehormat dibawa melawat kawasan lobi dan kaunter perkhidmatan bank yang terletak di tingkat bawah bangunan Jabatan Kemajuan Perumahan dan

Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

Di samping itu ia juga bertujuan memberikan peluang kepada orang ramai khususnya dan pegawai-pegawai kerajaan untuk mengetahui lebih dekat lagi mengenai produk dan perkhidmatan yang berlandaskan hukum syarak yang disediakan oleh pihak IDBB.

Projek itu merupakan kali keempat dijalankan dan kali kedua diadakan di bangunan Jabatan Kemajuan Perumahan dan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.



PENGARAH Urusan IDBB, Pengiran Datin Paduka Hajah Urai binti Pengiran Ali semasa memberi penerangan mengenai perkhidmatan yang dilancarkan.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 26 Mei 2004

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.



Sila berikan nama penuh gambar di atas?

.....

Mohammad Rafie Ridaudin bin Awang
Kamis,
Sekolah Rendah Sengkurong.
Umur : 9 tahun

ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 621

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 621,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR

Apakah jawatan yang dipegangnya dalam kerajaan sekarang?

.....

Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 26 Mei 2004

Mohd. Sofian bin Mohidin/Hamidon,
Sekolah Rendah Tungku Gadong.
Umur : 7 tahun

Ruzanna binti Maskam,
Sekolah Nusa Laila Puteri,
Kampung Beribi.
Umur : 9 tahun

“A

KU sudah bosan dengan segala apa yang engkau cakapkan. Kalau kau malu punya babah seperti aku ni, yang hanya pandai menyapu di tepi jalan, tak payahlah hantar babah hari-hari. Kau ni baru jadi Financial Manager, sudah banyak action, apatah lagi bila kau ni jadi orang besar ...!” kata Pak Salim dengan suara yang tinggi dan penuh emosi.

“Zul bukan malu ... babah,” suara Zulkifli tersekat di kerongkongan.

“Hai kalau inda malu apa namanya!” tanya Pak Salim geram. Matanya tampak merah.

“Hai Zul kau dengar baik-baik apa yang babah cakap ni, babah kerja memang pakai tenaga, tak pakai kepala macam kau. Babah memang tidak boleh guna otak. Tapi apa yang babah lakukan adalah halal. Babah tidak mencuri, bukan pekerjaan hina,” kata Pak Salim sambil menatap Zulkifli tanpa berkedip.

“Babah ... maksud Zul, sebenarnya Zul kasihan sama babah, eloklah kalau babah ...”

“Apa ...!” potong Pak Salim dengan cepat. Zulkifli terdiam dan menelan ludah.

“Aku tahu Zul ... Kau malu punya babah yang setiap hari bekerja di tepi jalan, berpanas-panas, dengan baju yang tidak cantik. Sementara kau pakai kereta, bertali leher, duduk di belakang meja yang berhawa dingin, tapi kau harus ingat, siapa kau ... setinggi apa pun kau ni Zul kau tetap anakkau, Pak Salim penyapu jalan di bandar ini. Semua orang tahu, kau ani boleh macam sekarang ni kerana aku mau berkeriang, bersusah payah menyapu jalan. Kau memang anak tak tahu berterima kasih ...!” urat-urat sebesar sayur kacang panjang di leher jelas terbentuk. Muka Pak Salim merah padam menahan rasa. Rasa kecewa yang teramat dalam, rasa marah yang meledak-ledak, rasa terhinia kerana sikap Zulkifli, anak lelaki satu-satunya. Dengan sigap tubuh tua yang penuh keriput berjalan ke arah pintu depan. Braaakkk ...! Pak Salim menutup pintu yang tidak berdosa itu dengan sangat keras, meluahkan segala sesak di dada. Bagai bergegar seluruh isi rumah ini. Zulkifli terdiam dengan wajah pucat. Jantungnya berdetak lebih cepat. Titik-titik peluh telah pun membasahi seluruh badannya. Zulkifli takut benar melihat bapanya marah. Pak Salim belum pernah marah seperti ini.

“Rosnaaaahhh ...! Rosnaaaahhh ...! Mana Sarah ...!” Pak Salim berteriak dari luar rumah.

“Sarah telah awal pagi berangkat,” suara emak Rosnah sambil berlari dari dapur menghiripi Pak Salim yang berada di halaman depan.

“Bah ... aku mau naik basikal, haih susahnyanya hidup tak punya kereta. Anak sendiri pun tak boleh diharap ...” suara Pak Salim terdengar lebih sangat lemah, hampir tidak terdengar.

Sudah hampir satu minggu setiap pagi Pak Salim dan Zulkifli bergaduh pasal pekerjaan. Pada pendapat Zulkifli usia seperti Pak Salim memang harus sudah bersara. Menjadi kewajipan anak-anaknya untuk mengurus segala keperluannya. Akan tetapi bagi Pak Salim, selagi tulang empat keratnya masih mampu untuk bekerja, wajib baginya untuk mencari rezeki tanpa bergantung pada siapa pun.

Zulkifli membuka tirai jendela, tampak laki-laki tua menaiki basikal yang tidak kalah tuanya. Dia menarik nafas panjang perlahan-lahan. Bermacam-macam rasa yang bermain di dadanya. Sedih, pilu melihat tubuh tua berbungkus kulit kering keriput sekuat tenaga menaiki basikal. Bangga dan haru kerana semangat serta kerja keras yang masih tinggi di usia emas. Rasa lega kerana Zulkifli tidak akan menurunkan bapanya di tepi jalan, tempat Pak Salim memotong rumput, menyapu jalan dan merawat bunga-bunga di jalan-jalan utama pusat bandar, sementara dia berbalu kemas seperti lazimnya pegawai-pegawai yang lain. Seandainya kereta Pak Salim tidak rosak pasti setiap pagi tidak akan seperti sekarang. Zulkifli merasa semua ini kerana kereta tua berwarna putih tahun tujuh puluhan milik Pak Salim. Pak Salim terlalu sayang dengan keretanya. Pak Salim lebih rela menunggu dengan sabar sampai kereta tua itu dibaiki di woksyp, walau Zulkifli sanggup membeli kereta baru. Zulkifli tidak habis mengerti cara berfikir Pak Salim. Dia segera mengambil kunci kereta.

“Zul ... cakaplah baik-baik, emak belum pernah lihat babah kamu marah seperti ini.”

“Mak ... Zul sudah cakap, tapi babah yang kepala batu. Sampai bila babah akan bekerja me-rayau-rayau di jalan besar, kasihan sekali. Di usia seperti babah, seharusnya sudah banyak berehat atau mendekatkan diri dengan

Tuhan. Seharusnya dia tahu apa yang dibuatnya.”

“Walau babahmu hanya penyapu jalan, tapi babah boleh berbangga dengan segala yang ada sekarang ini,” suara emak Rosnah datar tanpa intonasi. Ada nada kecewa di dalamnya.

“Zul malu ... Zul ini anak laki-laki, banyak orang kata Zul tak bertanggungjawab, tak mahu men-jaga orang tua...”

“Janganlah kau dengar sangat kata orang, mereka itu tidak tahu betul sikap dan prinsip hidup babahmu. Sudahlah ... siang sudah, karang kau lambat sampai di pejabat,” kata emak Rosnah bijak.

“Orang lain mana peduli dengan sikap dan prinsip hidup. Mereka hanya tahu kalau Pak Salim masih bekerja bersusah payah di jalan, sementara aku ani, anaknya sudah jelas mampu menanggung segala keperluannya. Babah memang mahu membuat malu aku ...” Zulkifli berkata dengan nada marah. Zulkifli marah kepada Pak Salim yang keras kepala, marah kepada emak Rosnah yang selalu menyalahkannya dan marah kepada kawan-kawan di pejabat yang selalu sibuk mempercakapkan dirinya.

Sejak saat itu Pak Salim tidak banyak bercakap dengan Zulkifli. Pak Salim tidak mahu pergi bekerja dengan Zulkifli, walau letak tempat bekerja mere-



Tuhan. Seharusnya dia tahu apa yang dibuatnya.”

“Walau babahmu hanya penyapu jalan, tapi babah boleh berbangga dengan segala yang ada sekarang ini,” suara emak Rosnah datar tanpa intonasi. Ada nada kecewa di dalamnya.

“Zul malu ... Zul ini anak laki-laki, banyak orang kata Zul tak bertanggungjawab, tak mahu men-jaga orang tua...”

“Janganlah kau dengar sangat kata orang, mereka itu tidak tahu betul sikap dan prinsip hidup babahmu. Sudahlah ... siang sudah, karang kau lambat sampai di pejabat,” kata emak Rosnah bijak.

“Orang lain mana peduli dengan sikap dan prinsip hidup. Mereka hanya tahu kalau Pak Salim masih bekerja bersusah payah di jalan, sementara aku ani, anaknya sudah jelas mampu menanggung segala keperluannya. Babah memang mahu membuat malu aku ...” Zulkifli berkata dengan nada marah. Zulkifli marah kepada Pak Salim yang keras kepala, marah kepada emak Rosnah yang selalu menyalahkannya dan marah kepada kawan-kawan di pejabat yang selalu sibuk mempercakapkan dirinya.

Sejak saat itu Pak Salim tidak banyak bercakap dengan Zulkifli. Pak Salim tidak mahu pergi bekerja dengan Zulkifli, walau letak tempat bekerja mere-

ka searah. Setiap pagi dia akan berangkat bekerja dengan dibantar oleh Sarah, isteri Zulkifli sambil menunggu kereta tuanya keluar daripada woksyp. Sarah harus berangkat lebih awal untuk menghantar Pak Salim, kerana tempat kerja mereka berlawanan arah. Seperti hari-hari yang telah berlalu, Pak Salim akan berhenti di taman kota. Sambil membawa peralatannya seperti parang, cangkul, plastik, beg besar yang penuh dengan peralatan-peralatan kecil, tubuh tua itu berjalan pantas.

Dengan tutup kepala besar terbuat dari plastik Pak Salim menyapu jalan-jalan utama, memotong rumput yang telah panjang dan membentuk bunga-bunga di taman-taman bandar dan di tengah jalan dua jalur. Panasnya raja siang tidak membuat Pak Salim tua gementar. Dengan kudratnya yang semakin uzur hampir mencecah enam puluh tahun Pak Salim membuat pemandangan bandar ini semakin bersih dan cantik. Dia bekerja dengan tekun selama lebih dari tiga puluh tahun, tanpa mengeluh, tanpa peduli keramaian kereta yang melintasinya setiap saat. Kulit keriput yang hitam terbakar matahari sudah cukup menjadi bukti pengorbanan Pak Salim.

Pengorbanan ini dilakukan untuk orang-orang yang disayangnya. Rosnah, isterinya yang masih kelibatan cantik, Zakiah,

Aisyah dan Zulkifli satu-satunya penerus keturunan Pak Salim. Supaya mereka berjaya di masa hadapan, tanpa harus seperti Pak Salim. Mereka tidak boleh malalui keperitan hidup bekerja seperti Pak Salim. Cukuplah Pak Salim seorang yang merasakan panasnya berpijak di atas fatamorgana. Hanya ini pekerjaan yang Pak Salim mampu buat, kerana Pak Salim bukan orang yang bijak di alam persekolahan pada masa dahulu. Bermacam pekerjaan telah dicuba dan menjadi penyapu jalan adalah pilihannya sehingga kini.

Meskipun semua orang tahu menjadi penyapu jalan bukan cita-cita semua orang. Gaji setiap bulan yang Pak Salim terima bukanlah besar sangat. Akan tetapi kerana pekerjaan inilah Zakiah telah berhasil menjadi bidan di hospital kerajaan. Kerana pekerjaan ini Aisyah menjadi seorang pendidik di sebuah sekolah menengah kerajaan. Dan kerana keringat Pak Salim yang jatuh ke jalan di bawah terik matahari yang membakar kulit inilah Zulkifli boleh menjadi orang yang dihormati. Pak Salim sangat bersyukur dan berbunga hatinya bila mengingat semua. Hilang segala kepayahan yang dilalui.

Sebenarnya Pak Salim sudah bersara dari kerja-kerja sebagai penyapu jalan. Tetapi kerana Pak Salim bukan jenis orang

yang suka duduk diam, dia mengajukan kerja lagi. Bagi Pak Salim selagi badan mampu mengerjakan pantang baginya untuk berhenti. Kerana Pak Salim rajin bekerja dan hasil pekerjaannya sangat memuaskan, maka majikannya dengan senang hati menerima Pak Salim. Sangat susah mencari pekerja seperti Pak Salim.

Apabila kereta tua Pak Salim harus berada di woksyp, bermula duka Pak Salim kerana ucapan dan tanggapan Zulkifli yang sangat menghisir hati. Tiga puluh tahun Pak Salim bekerja memeras keringat tulang empat kerat, bukan wang, harta, kedudukan atau pujian yang diharapkan. Pak Salim hanya berharap anak-anaknya menjadi orang-orang yang berhasil dan boleh menghargai apa yang telah dilakukannya, walau hanya sebagai penyapu jalan. Tetapi Zulkifli telah membuat Pak Salim kecewa. Zulkifli malu dan tidak mahu menghantar Pak Salim bekerja walau hanya sementara waktu. Pak Salim merasa sebenarnya Zulkifli malu kalau ada orang tua yang telah beruban rambutnya, berkulit hitam dan kasar, memakai baju seadanya, membawa parang dan peralatan kebersihan lain berada dalam kereta mewah. Sedangkan Zulkifli setiap hari akan berpakaian cantik dengan tali leher yang serasi. Tampak segar dan gaya. Suatu pemandangan yang jauh berbeza, bagi langit dan bumi, bagi batu permata dengan batu hitam yang tergoles di tepi sungai.

“Ada apa ...? Pak Salim macam ada masalah. Beritahu aku, bolehlah kitani bertukar-tukar fikiran,” tanya Pak Majid kawan sekerja saat rehat tengah hari.

“Biasalah ... siapa lagi kalau bukan si Zulkifli anak Pak Salim yang bekerja di syarikat besar punya government. Kamu semua tahu dia mana ada rasa hormat pada kerja-kerja kitani,” kata Buang orang Iban sambil mencuci tangannya.

“Biasalah ... dah jadi orang yang di atas lupa pula orang yang di bawah,” mulut Ajiban penuh nasi.

“Sudahlah ... karang dia akan tahu sendiri, kalau dia dapat susah pasti cari Pak Salim,” Asman berkata sambil mengunyah nasi lemak yang dibeli di kedai seberang.

PENYAPU JALAN



OLEH HAWINA

yang suka duduk diam, dia mengajukan kerja lagi. Bagi Pak Salim selagi badan mampu mengerjakan pantang baginya untuk berhenti. Kerana Pak Salim rajin bekerja dan hasil pekerjaannya sangat memuaskan, maka majikannya dengan senang hati menerima Pak Salim. Sangat susah mencari pekerja seperti Pak Salim.

Apabila kereta tua Pak Salim harus berada di woksyp, bermula duka Pak Salim kerana ucapan dan tanggapan Zulkifli yang sangat menghisir hati. Tiga puluh tahun Pak Salim bekerja memeras keringat tulang empat kerat, bukan wang, harta, kedudukan atau pujian yang diharapkan. Pak Salim hanya berharap anak-anaknya menjadi orang-orang yang berhasil dan boleh menghargai apa yang telah dilakukannya, walau hanya sebagai penyapu jalan. Tetapi Zulkifli telah membuat Pak Salim kecewa. Zulkifli malu dan tidak mahu menghantar Pak Salim bekerja walau hanya sementara waktu. Pak Salim merasa sebenarnya Zulkifli malu kalau ada orang tua yang telah beruban rambutnya, berkulit hitam dan kasar, memakai baju seadanya, membawa parang dan peralatan kebersihan lain berada dalam kereta mewah. Sedangkan Zulkifli setiap hari akan berpakaian cantik dengan tali leher yang serasi. Tampak segar dan gaya. Suatu pemandangan yang jauh berbeza, bagi langit dan bumi, bagi batu permata dengan batu hitam yang tergoles di tepi sungai.

“Ada apa ...? Pak Salim macam ada masalah. Beritahu aku, bolehlah kitani bertukar-tukar fikiran,” tanya Pak Majid kawan sekerja saat rehat tengah hari.

“Biasalah ... siapa lagi kalau bukan si Zulkifli anak Pak Salim yang bekerja di syarikat besar punya government. Kamu semua tahu dia mana ada rasa hormat pada kerja-kerja kitani,” kata Buang orang Iban sambil mencuci tangannya.

“Biasalah ... dah jadi orang yang di atas lupa pula orang yang di bawah,” mulut Ajiban penuh nasi.

“Sudahlah ... karang dia akan tahu sendiri, kalau dia dapat susah pasti cari Pak Salim,” Asman berkata sambil mengunyah nasi lemak yang dibeli di kedai seberang.

“Kalau aku punya anak macam itu, aku cekik

lehernya biar keluar lidahnya yang kotor itu,” Ajiban berkata dengan suara marah.

“Senang saja kau cakap Ajiban, kalau kau punya anak baru kau tahu rasa,” Pak Salim berkata sambil meletakkan tubuhnya di atas rumput di samping Ajiban. Bujang berumur tiga puluh tahun itu hanya tersenyum.

“Bercanda saja, Pak Salim jangan marah, susah aku kalau Pak Salim marah. Ooaaahhh!” mulut Ajiban terbuka lebar dan matanya tertutup rapat. Ajiban pun tertidur kerana letih.

“Budak zaman sekarang memang susah, diberi nasihat, melawan. Ya, ibarat baju dicuci tidak basah, dijemu pun tidak kering, beginilah jadinya kalau menjadi orang tua yang tidak bijak, anak sendiri pun tidak ada rasa segan,” kata Pak Majid seperti bercakap dengan dirinya sendiri.

Bila tengah hari tiba Pak Salim dan kawan-kawannya akan berehat di bawah pokok. Mereka akan tidur untuk sesaat saja selepas penat lelah. Walau hanya beralas rumput mereka akan tidur dengan lena bagai tidur di atas katil yang empuk. Pak Salim telah melaluinya selama tiga puluh tahun. Pak Salim akan pulang bila langit sudah memerah dan suara muazin terdengar bergema memanggil semua hamba Allah untuk bersujud ke hadapan-Nya.

Malam telah memben-tangkan selimut gelapnya. Bulan tampak malu-malu menunjukkan wajahnya, sementara bintang-bintang bertaburan berkedip-kedip bagai mata perawan yang menggoda teruna pujaan hatinya. Suara Pak Salim membaca Al-Quran terdengar membelah bumi malam. Ayat demi ayat dibaca dengan khusyuk. Sesekali Pak Salim batuk-batuk. Di sampingnya tampak wanita tua yang masih jelas terukis sisa-sisa kecantikan masa mudanya khusyuk memainkan biji-biji tasbih. Matanya tertutup rapat dan mulutnya tiada henti berzikir memuji kebesaran Allah zat Penguasa alam ini. Sementara Zulkifli berada di biliknya dengan isterinya.

“Bang. Sarah tahu apa maksud abang dengan babah,” kata Sarah sambil menyikat rambutnya yang panjang.

“Kalau kau tahu, baik kau ni bantu abang, macam mana babah tidak bekerja lagi.”

“Abang malu, kalau babah masih bekerja sebagai penyapu jalan?” Sarah menatap Zulkifli.

“Jangan kau ni tanya macam itu bah ... kau ni memang tak faham laki-laki, ini bukan soal malu atau tidak, tetapi soal maruah. Maruah aku sebagai

anak lelaki satu-satunya.”

“Sama sajalah ...,” Sarah tertawa kecil.

“Di mana persamaannya? Ini jelas berbeza.”

“Kalau abang ada maruah, babah pun pasti ada maruah.”

“Eh ... kamu tahu kan berapa gaji babah ... aku pun boleh memberi dua kali ganda setiap bulan kalau babah mahu.”

“Nah ... itulah silap abang.”

“Buat baik pun kau masih cakap aku ni silap!” Zulkifli berkata dengan nada tinggi.

“Maksudnya baik, tapi kalau cara tak baik boleh jadi inda baik,” senyum terukir di bibir Sarah.

“Eh ... kau ni, tak mahu bantu aku ... kau memang bini tak boleh diharap. Sama saja dengan babah. Kau tahu tak, macam mana orang-orang di pejabat mengata aku!” Zulkifli kelihatan marah.

“Relaks ... kenapa kau ni, sekarang cepat sangat naik darah, macam orang punya hipertensi.”

“Zamri kata aku ni tak mahu menyara hidup babah, Saleha kata aku ni tak mahu keluar duit. Macam-macam lagi mereka cakap,” Zul menarik nafas panjang.

“Aku tahu perasaan kau ... tapi bukan begitu caranya.”

“Lantas, macam mana? Kau pun tahu babah sangat keras kepala,” Zulkifli kesal.

“Ha ... ha ... ha ...!” tawa jantan Sarah meledak.

“Eh ... apa yang lucu ...?” Zulkifli bertanya kehairanan. Dahinya tampak berkerut.

“Hii ... hi ... ke mana tumpahnya kuah kalau tak ke nasi, abang dengan babah itu sama saja, keras kepala!” Sarah memang tidak dapat menahan air matanya, kerana terlalu kuat tertawa.

“Ok ... ok aku akan bantu ...”

“Macam mana?” tanya Zul penuh harap.

“Orang tua macam babah ni, sangat sensitif atau sangat lembut hatinya. Mereka mudah terluka hatinya, mereka tidak keras kepala kalau kitani boleh menyampaikan maksud kita.”

“Macam mana? Kau ni, cakaplah.”

“Yang pasti tidak seperti cara abang. Eh ... abang tahu tak, kalau Sarah guna cara abang, pasti babah menghidap penyakit 3S.”

“Apa 3S?”

“Orang macam babah itu adalah type orang yang aktif, tak boleh duduk diam, kalau abang suruh berhenti kerja, goyang kaki sahaja di rumah pasti akan stress, nah

Dari muka 12

kalau sudah stress lama boleh jadi stroke lalu stop, tak bernyawa."

"Cakap baik-baik kau ni ...," Zulkifli sambil tersenyum. Entah dari mana isterinya dapat perkataan macam itu. Tetapi Zulkifli tetap ingat 3S, Stress, Stroke, Stop. Harap-harap babah panjang umur. Zulkifli teringat semasa membawa Pak Salim pergi ke Tanah Suci memenuhkan rukun Islam yang kelima. Tetapi Zulkifli tahu Pak Salim tidak suka minta belas kasihan dari orang. Pasti Pak Salim akan membuka tabungnya walaupun Zulkifli membiayai perjalanan ke Tanah Suci Pak Salim dan emak Rosnah.

"Besok hari Ahad. Babah pergi kerja atau di rumah," suara Sarah lembut terdengar sampai di bilik Zulkifli.

"Tadi Zakiah dan Aisyah telefon, mereka akan datang besok bang," isteri Pak Salim berkata sambil melipat telemek.

"Semuanya?"

"Tentu .. kalau tidak, tentu abang akan bising, mana cucuku, mana cucuku dan pasti Zakiah dan Aisyah akan abang marahi," Pak Salim tertawa mendengar kata isterinya.

"Sudah ada anak tentu harus dapat cucu," kata Pak Salim membayangkan wajah-wajah lucu kelima cucunya. Fikri, Nabila dan Altaf, anak Zakiah. Sementara Aisyah mempunyai sepasang kembar, Mira dan Amran.

Dan kehadiran cucu-cucu membuat rumah Pak Salim kelihatan meriah. Tawa dan tansis menjadi satu. Fikri sibuk membantu datuknya membuat kikik. Sementara Nabila, Mira dan Amran bermain air di halaman rumah. Si kecil Altaf sibuk bermain dengan neneknya.

Sarah sedang berbincang dengan Zakiah dan Aisyah. Perbincangan mereka nampak serius. Sese-kali Sarah menggaru kepalanya yang tidak gatal.

"Wow ... cantiknya kikik ini ...," Sarah kagum melihat kikik Fikri.

"Fikri, kau ni mau main kikik di mana? Tuk ada tempat lapang dekat sini," kata Zakiah.

"Eh ... mari ikut ...!" Sarah melambatkan tangannya.

"Ke mana?"

"Main kikik."

"Tapi di mana ...?"

"Ikut saja ... babah ... ikut sama ayo ..."

Sarah menghidupkan enjin kereta. Sarah, Pak Salim, Fikri dan Zakiah duduk satu kereta. Di belakang nampak menyusul Faisal suami Aisyah, Aisyah, Nabila, dua anak kembarnya dan seorang amah duduk berimpit dalam kereta. Mereka berputar-putar penuh riang gembira. Mereka berhenti di sebuah tanah lapang di antara bangunan-bangunan yang belum siap.

Sebahagian pekerja sibuk mengecat dinding bangunan dan sebahagian yang lain sibuk membersihkan sekitarnya.

"Nah ... boleh main kikik di sini," kata Sarah kepada Fikri.

"Tanah siapa ni? Macam tak terurus," tanya Pak Salim sambil mengamati sekelilingnya.

"Babah suka tak?" tanya Sarah.

"Jaga mulut kau, tanah ani bukan kita punya," Pak Salim memandang Sarah.

"Babah ... ini sebenarnya tanah Sarah dan Zul."

"Oh ya?" dahi Pak Salim berkerut.

"Dulu Sarah ingin sangat jual bunga."

"Tapi Sarah tak boleh juga, mana boleh dia tanam pokok atau bunga," Faisal berkata sambil tersenyum penuh makna.

"Hai ... kau ni. Pandai cakap saja, mana Sarah ada waktu. Pergi pagi balik petang, hari cuti kamu semua datang," teriak Sarah sambil memukul bahu Faisal. Semua tertawa mendengar kata Sarah.

"Aih ... siok sangat main di sini ... tunggu Fikri ya. Jangan pulang dulu ...!" teriak Fikri dari jauh sambil menarik-narik benang gelasnya.

"Hooii ... mainlah ... sampai puas ...!" Zakiah berteriak lebih keras.

"Sarah ada pelan mahu jual tanah ini."

"Hah! Kenapa?"

"Sarah mahu buat bisnes tapi tak ada partner."

"Berapa luas semua? Kau mahu bisnes apa?"

"Macam abang Faisal cakap, Sarah ada kawan pakar landskap, dia cakap susah sikit mahu cari bunga dan pokok hias di daerah

ini. Sarah mahu tanam pokok dan bunga tapi tak ada orang mahu kerja sini," Sarah berkata sambil mengikuti langkah Pak Salim dan Faisal berjalan mengelilingi tanah lapang tersebut.

"Tanam pokok dan bunga hias yang bisa dijual atau disewa. Sekarang bisnes ini punya peluang yang bagus. Tapi aku pun tak mengerti sangat tentang pokok-pokok hiasan. Tahu tanam aloe vera saja," kata Faisal sambil tersenyum penuh canda.

"Eh ... mungkin babah ada kawan yang mahu jaga, soal gaji Sarah pasti boleh runding," kata Aisyah yang baru datang.

"Macam mana kalau babah yang urus," kata Pak Salim memandang dua menantunya.

"Ah ... babah masih ada kerja. Mana boleh ponteng kerja."

Pak Salim tersenyum sambil mengajak semua keluarganya pulang kerana hari mulai gelap. Sekejap lagi beduk Maghrib akan berbunyi.

"Karang kita bincang di rumah sambil makan malam. Suruh Yunus datang," kata Pak Salim di dalam kereta. Zakiah hanya menganggukkan kepalanya. Yunus adalah suami Zakiah.

Meja makan panjang. Penuh dengan hidangan lazat yang menyelerakan. Pak Salim duduk di hujung meja makan. Dia memimpin doa makan bersama-sama. Satu keluarga besar Pak Salim berkumpul setiap hari cuti kelepasan awam. Duduk di sebelah Zakiah suaminya, Yunus, yang baru pulang dari kerja. Mereka makan bersama dengan penuh rasa syukur. Emak Rosnah sibuk melayan kerenah cucu-cucunya. Zulkifli makan dengan rasa segan. Semua ahli keluarga besar itu tahu ada perang dingin antara Zulkifli dan Pak Salim. Belum ada penyelesaian masalah antara mereka berdua.

"Bagaimana tadi? Babah sudah tengok tanah Sarah dan Zul?" tanya Yunus sambil mengupas buah pisang.

"Sudah, bagus juga Sarah punya planning," kata Pak Salim. Zakiah, Aisyah dan Sarah saling meneling sambil tersenyum kecil.

"Planning? Planning apa?" Yunus pura-pura tidak tahu.

"Itu ... Sarah mahu buat kedai bunga."

"Semua sudah ada, tinggal yang mengurus taman siapa?" kata Zakiah sambil membersihkan baju Altaf yang terkena kuah.

"Tapi ... kalau tak ada yang jaga mungkin tidak jadi. Pasal sekarang payah cari orang yang boleh dipercaya."

"Abang macam mana?" emak Rosnah bertanya pada Pak Salim, suaminya.

"Kami tidak memaksa, kalau babah lebih suka bekerja sama dengan Pak Majid, kami boleh buat apa?" kata Aisyah perlahan.

"Babah sajalah ... kusi-han si Sarah. Ini bisnes bagus. Kalau aku tidak bekerja pasti aku mahu mengurusnya," Faisal yang dari tadi diam ikut berbicara.

"Pulangannya boleh tahan."

"Sudahlah ... babah tidak harus menjawab sekarang," kata Aisyah.

Di dalam hati Zulkifli memuji isterinya dan dua kakaknya. Perempuan kadang kala lebih bijak daripada lelaki. Mengapa semua itu tidak terfikir di kepala Zulkifli. Hanya perkara-perkara besar yang ada di kepalanya. Walaupun Pak Salim belum memberi jawapan, semua berharap Pak Salim mahu bekerja di kedai bunga. Semua ahli keluarga merayu Pak Salim dengan sejuta dalih. Emak Rosnah juga bilang dalam waktu dekat mereka akan pergi haji. Takkan menunggu lebih lama lagi untuk pergi haji, kerana usia mereka berdua sudah semakin tua.

Yunus mengharapkan kesihatan Pak Salim lebih terjaga. Selama ini badan Pak Salim memang jarang dibinggapi penyakit. Tapi kalau terus dibuat kerja berat lama-lama boleh sakit. Jika kerja di kedai yang menjual bunga dan pokok hias pasti lebih ringan, tak perlu harus berjemur di tengah teriknya matahari. Kerja-kerja di tempat penjualan bunga hampir sama dengan kerja Pak Salim. Jadinya Pak Salim tak perlu belajar lagi.

Zakiah, isteri Yunus pun tidak kalah hebatnya. Dia berkata pasti lebih banyak waktu untuk bermain bersama cucu-cucunya.

Cucunya boleh datang bila-bila masa, tanpa harus menunggu Pak Salim cuti bekerja. Menurut Aisyah dan Faisal, Pak Salim boleh mengajak kawan-kawannya atau mencari pekerja baru.

Banyak pemuda yang mahu bekerja dengan Pak Salim kerana gaji yang ditawarkan sangat memadai. Sekarang banyak pemuda yang kesulitan mencari kerja. Kalau Pak Salim memberi mereka pekerjaan bererti Pak Salim sudah mendukung program kerajaan mengurangkan tingkat pengangguran di negara ini. Kalau bines Sarah berkembang pasti lebih banyak pekerja yang diambil. Dan tidak ada lagi pemuda menganggur di kampung ini. Pak Salim boleh menyumbang perekonomian negara.

Pak Salim hanya boleh diam mendengar semuanya. Hatinya bimbang. Takut kalau perkara lama terulang. Pertengkaran dengan Zulkifli. Hati tua Pak Salim berkata ia tidak mahu membuat anak kebanggaannya marah dan malu. Hanya cakap Zulkifli yang diharap dan itu yang akan menjadi keputusannya nanti.

"Babah ... semua ini adalah idea bang Zul sendiri," kata Sarah. Sarah seperti mengerti isi hati mertuanya. Zulkifli memandang Sarah yang telah menipu Pak Salim. Zulkifli tiada idea apa-apa, dan tiada apa-apa yang hendak diucapkan.

"Betul kata Sarah?" mata yang sudah agak pudar penglihatannya itu menatap Zulkifli.

"Betul Babah, abang Zulkifli mahu babah lebih memikirkan urusan akhirat. Kalau urusan duniawi biar kami yang urus," kata Sarah. Kaki Sarah menendang kaki Zulkifli, kerana Zulkifli tidak memberi jawapan. Zulkifli tidak tahu harus bercakap dan berbuat apa. Tetapi mata isteri dan semua saudaranya yang menatap tajam menuntut jawapan dari Zulkifli.

"Eh ... hm ... itu kalau babah setuju, kami semua hanya ingin babah bahagia dan seronok melakukan kerja-kerja. Kerja yang bermanfaat dan tidak memudaratkan badan. Maksud



saya, hm ... hm ... babah tetap bekerja tapi ... tetap boleh beribadah lebih banyak," kata Zulkifli kesulitan menyusun perkataan.

Pak Salim tersenyum lebar mendengarnya. Rongga dada Zulkifli terasa lebih lebar melihat Pak Salim tersenyum. Pak Salim memang menunggu Zulkifli berbicara. Bagi Pak Salim walau Zulkifli telah melukai hatinya, dia tetap anak kesayangannya. Kepada Zulkifli seorang Pak Salim berharap lebih banyak perhatian dan kasih sayang dan Zulkifli telah membuktikannya.

Pagi ini sangat cerah. Hangat sinar matahari mengajak embun pagi berlalu. Burung-burung tiada berhenti untuk berkicau. Tupai-tupai berlompatan di dahan pohon tanpa segan-silu. Sebuah tenda biru besar terbentang menaungi bunga-bunga dan pokok-pokok yang cantik. Ada bunga ros, melur, orkid, palme, ada yang berdui, ada yang bercorak dan ada banyak lagi. Bunga ros yang adapun bermacam jenis dan warnanya. Ada ros merah, kuning, merah jambu, yang bercorak pun ada. Hanya ros hijau yang tidak nampak. Kata Pak Salim ros hijau adalah jenis ros yang paling tidak cantik di dunia. Tidak ada daya tariknya kerana warna ros hijau sama dengan daunnya. Bau bunga-bunga yang beraneka berbau menjadi satu.

Tanpa melihat pun Pak Salim boleh menyebut bau bunga dengan betul. Zulkifli kagum dengan kebolehan Pak Salim mengenai bunga dan pokok hias diperoleh dari pengalaman kerja, bukan dari alam persekolahan. Kelihatan ramai orang bekerja di bawah tenda, ada Pak Salim, emak Rosnah, Yunus, Faisal, Pak Majid, Buang dan beberapa kawan Pak Salim yang tidak dikenali oleh Zulkifli.

Tubuh Pak Salim telah basah kuyup oleh keringat. Tidak nampak rasa letih di wajah tuanya, walau hampir tiga jam tubuh tuanya bekerja. Semangatnya tetap membara, tak lapuk dimakan usia meskipun kulit Pak Salim semakin menyusut. Tenaganya masih hebat untuk orang seusia Pak Salim. Pak Salim sibuk menyusun bunga-bunga dalam pasu yang berwarna-warni. Pak Majid sedang memindahkan bunga-bunga dari pollybag ke pasu-pasu cantik berwarna.

Sementara Buang menata rumput-rumput hias menjadi hamparan rumput yang indah bagi permaidani hijau. Faisal sedang belajar memotong dan membentuk

pokok-pokok. Faisal tersenyum sendiri kerana pokok yang dipotong tidak mempunyai bentuk seperti yang diharapkan. Dia sendiri tidak tahu bentuk apa yang telah dibuatnya. Yunus, suami Zakiah sibuk mengecat papan nama yang akan dipasang dekat pintu masuk. Zulkifli merasa letih walaupun dari pagi dia hanya menyusun pasu-pasu kosong untuk dijual.

"Hai bantulah angkat pasu yang besar ini," teriak Pak Salim.

"Siapa? babah minta tolong sama Zul?"

"Haih ... siapa lagi kalau bukan kau, payah kau ni tak boleh diharap membantu," kata Pak Salim tanpa melihat Zulkifli. Pak Salim akhirnya mengangkat pasu besar itu sendiri. Zulkifli menatap kehairanan, melihat tenaga Pak Salim. Kelihatan jelas urat-urat yang timbul di tangannya.

"Kau ni Zul, tak ada apa-apanya kalau suruh angkat-angkat barang," kata Pak Majid sambil menjeling Pak Salim.

"Cakap dan sign saja dia pandai," kata Pak Salim sambil ketawa. Semua yang mendengar pun tertawa. Zulkifli tersenyum malu. Kelihatan sebuah kereta berwarna biru memasuki taman yang sudah kelihatan cantik. Sarah membuka pintu kereta sambil mengangkat sesuatu. Zulkifli segera membantu Sarah.

"Sarah bawa makanan untuk semua!"

"Letih bang?" tanya Sarah lembut kepada suaminya.

"Itulah ... kau ni jangan memandang rendah suatu pekerjaan," nasihat Buang kepada Zulkifli.

"Tapi sekarang kau tahu sudah, macam mana rasanya babahmu bekerja. Ini pun ada tenda, kalau tak ada, tak tahu kau apa jadinya," Buang masih menggoda.

"Karang sampai rumah tidur inda bangun sampai pagi Sarah," kata Pak Majid.

Zulkifli malu betul. Mukanya yang merah kerana letih bekerja semakin merah menahan malu. Rasa bersalah pada Pak Salim semakin besar. Sarah segera mengajak suaminya pulang. Dan semua orang mengangguk kepala. Pak Salim melambatkan tangannya, tanda menyuruh pulang anaknya. Pak Salim tahu benar perasaan Zulkifli. Dia tak ingin anaknya merasa bersalah atas perkara lama. Dan orang tua itu tahu pasti, Zulkifli pasti tidak tahan digoda semua orang yang berada di taman ini. Kerana Zulkifli memang tidak

boleh diharap melakukan kerja-kerja seperti yang dilakukannya. Mata tua Pak Salim mengikut langkah Zulkifli yang semakin jauh darinya.

"Aku merasa bersalah dengan babah."

"Sudahlah ... setiap orang punya silap," Sarah menenangkan hati suaminya.

"Abang memang tak sepatutnya cakap macam-macam dengan babah."

"Hai ... itulah manusia. Kalau sudah jadi orang besar, orang kaya, banyak yang lupa dengan yang miskin. Abang memang punya jasa besar terhadap negara ini. Tapi babah pun ada jasa yang tidak boleh kita lupakan. Babah memang tidak boleh bekerja macam orang, tapi abang pun belum tentu boleh tahan bekerja seperti babah," kata Sarah panjang lebar. Zulkifli mengangguk kepalanya.

"Cuba bayangkan, babah bekerja sudah tiga puluh tahun sebagai pembetuk jalan dalam panas dan hujan sedangkan abang baru setengah hari sudah mengeluh bermacam-macam."

"Aku mahu minta maaf, tapi macam mana?" tanya Zulkifli gelisah.

"Setiap yang bersalah memang harus mohon maaf."

"Itulah ..."

"Abang percayalah ... babah sudah memaafkan abang. Sejahtera apa pun anaknya setiap orang tua tetap menyayangnya. Mohon maaf tak harus dilakukan dengan ucapan."

"Apa maksud kau?"

"Maksud Sarah, apa yang abang lakukan dengan taman ini sudah lebih dari minta maaf dan apa yang babah lakukan sekarang sudah menunjukkan bahawa babah sudah memaafkan abang."

"Kamu pasti?"

"Yakin, seratus peratus," kata Sarah mantap.

"Oh ... ya ... aku lupa."

"Apa? Ada yang tertinggal?"

"Terima kasih banyak."

"Untuk apa?"

"Untuk semua yang telah isteri abang lakukan untuk babah."

Sarah dan Zulkifli berjalan menuju keretanya, meninggalkan Pak Salim yang sibuk bekerja dengan teman-temannya. Zulkifli memeluk pinggang Sarah yang tidak ramping lagi. Ada kehidupan baru di sebalik pinggang Sarah

PERATURAN RUANGAN CERPEN

SUKACITA menarik perhatian kepada penulis-penulis yang ingin menghantar karya cerpen ke akhbar PELITA BRUNEI supaya akan dapat mematuhi peraturan-peraturan berikut:

1. Cerpen hendaklah diutamakan kepada:

PENERBIT CERPEN, BAHAGIAN AKHBAR, TINGKAT 2, JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI, LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS, BB 3510, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

2. Cerpen mestilah ditaip dengan jarak dua (2) langkah (double spacing) dalam Bahasa Melayu menggunakan ejaan rumi baru.

3. Karya hendaklah dihantar/dikirim ke alamat di atas dalam disket komputer (karya tulisan tangan tidak akan diterima).

4. Penulis hendaklah menyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan alamat bank, alamat penuh, nombor telefon dan nama samaran (jika ada).

5. Penulis yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini tidak akan dilayan.



سنتیاس برسام بیسکیت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تیلبییشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

R A B U 9 JUN	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	SINAR	8.50	DRAMA - 'Impian'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN			4.15	SESAME STREET			9.30	THE ORANGE ROOM
	6.02	MUTIARA FIRMAN	10.00	SIARAN TAMAT	5.10	RETURN TO ATHENS	MALAM		10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung			5.45	BERITA	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.30	B-LEAGUE 2004
			PETANG		6.00	GEDGET AND GIZMOS - Siri Baru	7.25	E.C.A.	11.00	RITA DAN RAIHAN
	9.00	BERITA	4.00	LAGU KEBANGSAAN			7.47	AZAN ISYAK	11.30	THE INVESTIGATOR II
			4.02	MUTIARA FIRMAN	6.31	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL	12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

K H A M I S 10 JUN	PAGI	9.00	BERITA	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	FIQHUL MIRATS	8.50	AN-NUUR - Siaran	
			9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.15	KIDS HOUR - 'EDY & CICI'			Langsung	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	5.00	ON THE BALL	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN	10.00	NEWS AT 10
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.30	SPY MASTER	7.25	WARTA ISLAM	10.30	DRAMA - 'Takhta Hati'
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	7.47	AZAN ISYAK	11.15	WAYANG PILIHAN - 'The Haunting'
			4.02	MUTIARA FIRMAN	6.32	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT
							MALAM			

J U M A A T 11 JUN	PAGI	10.15	SESAME STREET	2.00	TETAMU SUKAN -	5.15	ARGAI	7.25	TAMAN SARI - SR.3	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.15	BUNYI		Siaran Langsung	5.45	BERITA	7.46	AZAN ISYAK
			11.30	BERITA	2.30	LAGENDA	5.55	VET SCHOOL	8.00	BERITA NASIONAL
			11.45	JEJAK RASUL SR. 8 - Ulangan	3.00	TAYANGAN GAMBAR		CONFIDENTIAL	9.00	TABIR SR.2
	6.02	MUTIARA FIRMAN							9.30	GLOBAL GUARDIANS
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	12.15	DIVE THE WORLD		CINA - 'Eighteen Spring'	6.32	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA	12.30	SEMBAHYANG FARDU	3.47	AZAN ASAR	6.45	JALAN MENUJU ALLAH	10.40	KHUTBAH JUMAAT
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan		JUMAAT- Siaran Langsung	3.52	TAYANGAN GAMBAR			10.50	MENJELANG EURO 2004
				PETANG		CINA - Sambungan			11.20	TELEDRAMA - 'Tarik Tali'
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	1.30	VISI SUCI	4.45	SPORT PAGE	7.00	LIPUTAN SEMASA	12.55	DOA DAN SIARAN TAMAT

S A B T U 12 JUN	PAGI		10.05	KIDS HOUR :	PETANG		5.00	MONSTER BY MISTAKE	7.25	ANIMALIA
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU		'TOMAN/CHE NAT'	12.50	PANGGUNG PETANG	5.25	JAY JAY THE JET PLANE	7.48	AZAN ISYAK
		KEBANGSAAN	10.55	OCEANS OF MYSTERY		SABTU - 'Desperation	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.20	DRAMA : 'Amanah' -		Highway'	6.00	WILD RESCUE	8.50	HIBURAN MINGGU INI -
	6.12	RAMPAI PAGI -		Ulangan	2.20	ROBOCON 2003	6.32	AZAN MAHGRIB		Siaran Langsung
		Siaran Langsung	11.30	BERITA		MAGAZINE	6.45	PEDOMAN AQIDAH SR. 7	10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA	12.05	DOKUMENTARI :	2.50	OUTER BOUNDS			10.30	TAYANGAN GAMBAR -
	9.15	RAMPAI PAGI -		GAYA HIDUP - 'Wasai Di	3.20	LADY COP	MALAM			'Circle Of Decelt'
		Sambungan		Bukit Subok' - Ulangan	3.47	AZAN ASAR				
10.00	SUSUNAN RANCANGAN	12.21	AZAN ZUHUR	4.15	BEYOND 2000	7.00	DUNIA ASIA	12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT	

A H A D 13 JUN	PAGI	10.10	ROCKET KID - Siri Baru	2003 - 'Taipei'	5.10	ANIMATION - 'The Wacky World Of Tex Avery'	7.49	AZAN ISYAK
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.40	CRASH ZONE - Siri Baru	1.45	TOYOTA WORLD	8.00	BERITA NASIONAL
		KEBANGSAAN	11.10	PIMPING ZONE - Siri Baru	2.40	WILDLIFE	8.50	TIRAI KELUARGA - 'Anak Bapak'
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA		BERITA		
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.45	SUNDAY MATINEE - 'Mr. Atlas'	3.15	BIOLOGIC	10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA	12.20	AZAN ZUHUR	3.47	AZAN MAGHRIB	10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan		PETANG	4.15	SEMARAK BUDAYA		
					4.40	MOTIVASI PELAJAR		
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	1.30	ASIAN X GAMES TOUR		'Pelajar Cemerlang' Bhg.1		
						MALAM		
					7.00	PRISMA SR. 3	11.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN	PAGI		Sambungan		SANDMAN/THE		MALAM		SEMUSIM'	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT		ADVENTURESOF MUHAMMAD ALI	7.00	LIPUTAN SEMASA	9.30	INFOSIHAT
	6.02	MUTIARA FIRMAN			5.15	CYBERNET	7.25	DAPUR WARISAN - 'Kuih Ardam dan Katu Mayang'	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA			10.30	SUKAN GLOBAL
			4.02	MUTIARA FIRMAN	6.00	ANIMAL PRECINT	7.49	AZAN ISYAK	11.00	BOLA SEPAK LIGA
	9.00	BERITA	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.33	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL		PERDANA MALAYSIA
	9.15	RAMPAI PAGI -	4.15	KIDS HOUR - NILUS THE	6.45	BIMBINGAN KELUARGA	8.50	DRAMA: 'KEMBANG		2004 - 'Negara Brunei Darussalam iwn ATM'
									12.05	DOA DAN SIARAN TAMAT

S E L A S A 15 JUN	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.15	KIDS HOUR - 'Cedric'	MALAM		9.30	INSAF
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	5.00	DOKUMENTARI - 'Big Cat Challenge'	7.00	SITKOM TV 2004 - 'Aduh Du Du Du'	10.00	NEWS AT 10
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.45	BERITA	7.25	DOKUMENTARI	10.30	MENJELANG EURO 2004
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.10	SINAR @ TV	7.49	AZAN ISYAK	11.00	GENE RODDENBERRY'S ANDROMEDA YR. 2
			4.02	MUTIARA FIRMAN	6.33	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL	11.55	MDA SR. 2
	9.00	BERITA	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	AL ISLAM	8.50	KAMPUNG KITA	12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

KEMBALIKAN HAK KAMI

Di Bandar Fallujah
langit kembali berasap
senjata liar mencari mangsa
sengaja angkara meluka mata
banyak manusia terbujur tak berdosa
pasir bertukar menjadi merah warna
bangkitlah pejuang mempertahankan maruah
semangat berkobar menggenggam tanah
yang sudah dikoyak-koyak penjajah.

Di sana sini
kebencian memuncak
kebaudaban membakar hati
keegoan meracun rasa
sedangkan kami sudah tiada apa-apa
semuanya sudah musnah!
semuanya sudah dirampas!
mau apa lagi?

Ah... kami tak mahu itu semua!
kami sudah lali dengan peperangan!
nyah...! dari tanah air kami
kamu kembalilah secara terhormat
ini bumi kami yang tercinta
hanya kami pohonkan...!
kembalilah maruah kami
kembalilah keamanan kami
kembalilah kemerdekaan kami
jangan dipijak-pijak kesucian ugama kami
jangan dipesongkan aqidah kami.

Berangkatlah...!
kembalilah...!
nyawa kamu lebih bermakna
dan lebih berharga di tanah air kamu
agar kamu bersemayam dengan aman
bersenang-lenang
dengan khayalan kamu
berdiri megah dengan keegoan kamu.

Dan
kembalikan tanah air kami
dalam aman, adil, bermaruah dan merdeka
kerana itu hak milik mutlak kami.

SUARA AZAN DARI MENARA

Suara azan meresap di udara
